

Bil. 41

**Khamis
13 Oktober 2011**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2012	(Halaman 20)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2012	(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*
19. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
20. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
21. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
27. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
28. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. Yang Berhormat Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrudin Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

47. Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Yang Berhormat Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS

77. Yang Berhormat Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)

9. Yang Berhormat Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)

16. Yang Berhormat Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzil Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. Tiada (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 13 Oktober 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan bercadang mengenakan denda lebih tinggi bagi menangani masalah pengiklan yang tidak bertanggungjawab dan terus menampal iklan haram di sekitar kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan untuk menampal iklan haram boleh diambil tindakan di bawah Undang-undang Kecil Iklan kerana mempamerkan iklan tanpa lesen. Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], kadar denda bagi kesalahan kerana melanggar Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan yang berterusan, denda tidak lebih daripada RM200 bagi setiap hari tempoh kesalahan tersebut diteruskan.

Walau bagaimanapun, kementerian kini sedang menjalankan penyemakan menyeluruh ke atas Akta 171 termasuklah 'Akta Kena Denda' kerana menyalahi atau melanggar Undang-undang Kecil PBT dan mencadangkan pindaan yang bersesuaian kepada akta ini mengikut peredaran masa. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Penampalan iklan-iklan haram ini, ia menyesak mata, merosakkan keindahan dan kebersihan sesebuah bandar. Bukan sahaja dari segi pandangan rakyat tempatan tetapi yang lebih penting kepada pelancong yang datang. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, Majlis Bandaraya Johor Bahru belanjakan RM321,400 untuk tahun 2011 sehingga September.

Soalan saya, sejauh mana agaknya kerjasama antara pihak PBT dengan SKMM untuk mengambil tindakan terhadap semua nombor-nombor *handphone* yang dipamerkan pada iklan-iklan haram ini? Saya juga hendak tahu bagaimanakah PBT akan selesaikan masalah ini apabila dengan mengadakan CCTV dan peruntukan undang-undang masih lagi tidak dapat membendung perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini termasuklah pindaan-pindaan yang akan dibuat ke atas akta-akta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi? Ini kerana rakyat sudah bosan dengan kekotoran yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Memang benar kalau kita melihat di beberapa bandar besar seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat di Johor Bahru dan juga bandar-bandar yang lain. Namun demikian, oleh kerana penguatkuasaan undang-undang ini adalah merupakan kuasa PBT itu sendiri, jadi sebenarnya pihak PBTlah yang bertanggungjawab. Akan tetapi apa yang saya sebut tadi ialah kita akan mengkaji dan menyemak semula tentang mungkin dari segi denda, dari segi penjara. Itu juga akan dikaji semula.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang bekerjasama dengan SKMM. Setakat 2010...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, soal kaji ini sudah lama kita dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Setakat 2010, sebanyak 741 nombor talian telefon pengiklan haram ditamatkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau jawab hanya kaji, kaji, kaji, ya Allah hai...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading berdiri ini di atas peraturan mesyuarat mana pula?

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebanyak 741 nombor-nombor telefon yang telah dibatalkan oleh pihak SKMM.

Soal kaji itu dibuat atau tidak, kita tahu bahawa undang-undang di Malaysia ini banyak. Kalau Yang Berhormat Sri Gading tahu juga, undang-undang dadah pun hukumannya mati. Akan tetapi masih juga ramai orang mengedar dadah. Jadi apatah lagi undang-undang kecil. Jadi ini masalah yang semula jadi oleh manusia. Jadi pada saya, apa pun undang-undang tetapi yang penting kerjasama daripada semua pihak dan pihak yang diberikan tanggungjawab untuk mengambil tindakan ini harus menguatkuasakan undang-undang ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada langkah untuk mengkaji undang-undang kecil, apakah langkah-langkah yang boleh diambil sebelum kita mengubah undang-undang kita kerana saya setuju ini tabiat manusia, tabiat dan tabii manusia. Selain daripada undang-undang, apakah tindakan yang boleh diambil di seluruh negara supaya iklan-iklan haram ini boleh dikurangkan atau dibanteras sama sekali?

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kepong. Langkah-langkah bagi mengkaji undang-undang ini ialah kita akan berbincang dengan mengadakan persidangan meja bulat bersama dengan semua PBT dan pihak yang terlibat termasuklah polis dan juga pihak-pihak agensi yang berkenaan termasuklah SKMM. Ini kerana apabila kita mengkaji sesuatu undang-undang, ia seharusnya berkesan.

■1010

Kalau hanya kita sekadar mengkaji dan buat undang-undang tidak berkesan pun, sama seperti apa yang undang-undang yang sedia ada. Jadi pada saya itu yang penting. Keduanya tentang penguatkuasaan, siapa yang akan menguatkuasakan ini. Sama ada kembali kepada pihak negeri iaitu PBT ataupun ada sesuatu agensi ataupun jabatan yang akan menguatkuasakan undang-undang ini nanti. Ini di antara langkah-langkah yang perlu akan diambil. Keduanya, apakah tindakan untuk menangani masalah ini dan tindakan yang kita buat seperti yang termaktub dalam undang-undang yang sedia ada.

Kita tidak boleh bertindak lebih daripada itu kerana kita juga tahu bahawa orang-orang yang mempamerkan iklan-iklan yang tanpa lesen ini adalah orang-orang yang bijak pandai, bukan orang-orang yang mungkin sebagai buruh kasar ataupun sebagai pekedai runcit. Akan tetapi, mereka ini adalah orang-orang yang menggunakan kenderaan BMW, Mercedes Benz dan sebagainya. Jadi ini pun kita perlu berhati-hati dalam apa juga tindakan yang perlu kita ambil. Terima kasih.

2. Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, sejauh manakah kerajaan serius untuk melaksanakan kaedah "*food stamps*" bagi menangani keperluan hidup golongan berpendapatan rendah dan apakah caranya ia dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan tanpa ketirisan dan disalah guna sebagai langkah jangka dekat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor kerana mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, isu *food stamps* telah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan melihat kepada perbandingan amalan *food stamps* yang telah dijalankan di beberapa negara lain. Melalui perbandingan yang telah dilakukan, didapati kaedah yang dijalankan di negara-negara tersebut adalah berbeza-beza dan spesifik kepada permasalahan yang dihadapi oleh mereka pada sesuatu masa tertentu. Adalah tidak dinafikan pelaksanaan *food stamps* merupakan salah satu alternatif ke arah membantu golongan berpendapatan rendah di negara ini.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan dan diambil kira. Oleh yang demikian, kerajaan hanya akan membuat keputusan sama ada akan melaksanakan *food stamps* atau tidak selepas kajian terperinci dilakukan. Walau apa pun mekanisme yang akan dilaksanakan, kerajaan sedar akan kemungkinan berlakunya ketirisan dalam pelaksanaan *food stamps* dan masalah untuk memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar layak sahaja mendapat faedah. Oleh sebab itu, kerajaan akan berhati-hati dalam pertimbangan sama ada pelaksanaan *food stamps* bersesuaian di negara ini. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cukup memahami hasrat baik dan murni kerajaan untuk menangani isu keperitan dan kos saraan hidup yang terus meningkat. Namun, setelah perkara ini dibuat sebutan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam bulan Julai yang lalu, tidak dibayangkan pun dalam Belanjawan 2012 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini. Apa pun model-model pelaksanaannya sudah banyak boleh kita rujuk, di Amerika, di Eropah dan sebagainya.

Namun projek-projek dan program seumpama ini Tuan Yang di-Pertua, daripada pelaksanaan yang pernah kita saksikan di negara kita ini, belum ada satu yang benar-benar berjaya. Ini meletakkan kerunsingan kepada pihak-pihak yang jelas persoalan ketirisan dan kebocoran dan pengagihan dan *delivery* itu masih jauh diharapkan ataupun masih jauh untuk ditekuni dan dilaksanakan dengan baik. Lalu di samping itu, apakah KPDKK, di samping *food stamps* ini perlu melihat khususnya dari segi pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang telah pun memperuntukkan RM1 bilion kepada Mydin dan mengharap ianya boleh membantu. Ini kerana jelas daripada apa yang akan berakhir adalah satu suasana di mana ia berlaku dan terdapat satu rangkaian kedai yang setelah diberikan imbuhan RM1 bilion itu atau berapa pun di dalam bajet yang lalu, ia akan meninggalkan satu keadaan di mana persaingan itu walaupun baik tetapi akan menjejaskan beberapa peruncit dan kedai-kedai yang lain, itu satu.

Keduanya, apakah persoalan atau punca inflasi dan kos yang sebenarnya adalah berpunca daripada monopoli dan oligopoli itu mahu ditangani oleh KPDKK kerana ia lebih berkesan dari segi menangani persoalan inflasi dan kos saraan hidup. Kedua-dua perkara ini perlu saya dapat penjelasan daripada kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tan Lian Hoe: Okey, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan Yang Berhormat tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, memang telah pun saya nyatakan bahawa untuk kita hendak melaksanakan *food stamps*, buat sementara ini pihak kerajaan terpaksa membuat kajian secara terperinci supaya tidak berlakunya ketirisan dan juga rakyat yang sepatutnya mendapat – perlu kita beri supaya dapat wujudkan suasana di mana pihak-pihak yang tertentu ataupun rakyat berasa gembira sebab mereka yang miskin, berpendapatan rendah, mereka akan mendapat *food stamps* ini.

Untuk makluman Yang Berhormat kepada soalan bahawa iaitu pihak Mydin telah mendapat peruntukan berbilion. Ini sebenarnya duit ini, peruntukan ini adalah untuk pihak kerajaan mengubahsuai Kedai Rakyat 1Malaysia dan pihak Mydin sebenarnya tidak diberi peruntukan untuk mengeluarkan produk-produk iaitu KR1M ini. Begitu juga untuk makluman Yang Berhormat bahawa kita sebenarnya iaitu dengan adanya produk-produk KR1M ini, tujuan pihak kerajaan adalah untuk membantu rakyat untuk mengurangkan tekanan kos hidup yang meningkat ini.

Maka dalam kita hendak melaksanakan KR1M ini, kita sebenarnya produk KR1M ini boleh dikatakan sebagai *crowd puller* untuk menarik lebih ramai lagi iaitu pelanggan-pelanggan masuk ke kedai-kedai. Maka tuduhan ataupun andaian yang mengatakan bahawa iaitu dengan adanya kedai KR1M ataupun produk-produk KR1M yang akan diperluaskan sampai ke luar bandar ini akan membunuh kedai-kedai runcit ini adalah tidak tepatlah. Sebab kita juga mengharapkan bahawa kedai-kedai runcit di seluruh negara mengambil kesempatan ini untuk menjual iaitu produk KR1M ini, Kedai Rakyat 1Malaysia ini sebab dengan kedai-kedai runcit di seluruh negara dapat membantu iaitu pihak kerajaan untuk mengedarkan iaitu produk KR1M ini.

Begitu juga setakat ini, kedai-kedai tukar sebanyak 20 telah pun menjual produk KR1M dan 29 kedai-kedai lain juga telah pun menjual produk KR1M ini. Syarikat-syarikat iaitu minyak telah pun bersetuju untuk membenarkan stesen-stesen minyak untuk menjual produk-produk KR1M ini dan termasuk juga iaitu kedai-kedai koperasi di seluruh negara. So, kita berharap dengan adanya rangkaian iaitu kedai-kedai, *outlet-outlet* yang sebegini iaitu produk KR1M ini, ia akan cepat segera sampai ke pihak-pihak rakyat khususnya di kawasan luar bandar. Berkaitan dengan monopoli di sini, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kita telah pun ada iaitu *Competition Act* akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 ini. Maka *Competition Act* ini, Akta Pesaing ini akan dilaksanakan dengan secara adilnya agar kita akan wujudkan satu pasaran yang sihat di negara kita. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap soalan tambahan saya ini tidak akan tersasar Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahanlah. Akan tetapi saya... [Disampuk] Okey, okey Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada tidak Tuan Yang di-Pertua senarai rakyat yang termiskin. Ini tidak tahu, menyimpang atau tidak atas budi bicara Tuan Yang di-Pertua dan juga senarai rakyat bergelandangan. "Gelandang", ini cakap Jawa campur Melayu Tuan Yang di-Pertua, bergelandangan.

■1020

Ini lebih dahsyat kemiskinannya Tuan Yang di-Pertua, rumah tangga pun tidak ada, Menteri "Kebajikan" kena buat rumah untuk dia, bagi dia makan. Ada tidak senarai ini? Apa yang menyebabkan kita memerlukan program atau melaksanakan *food stamps* ini ialah golongan ini yang menjadi sasaran, ini satu soalan. Ada tidak kaedah rakyat negara ini, tidak tahulah kementerian mana Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kementerian, yang menyampaikan program memberi pancing lebih baik daripada memberi ikan. Tuan Yang di-Pertua tenung saya ini, kena soalan saya ini sebenarnya atau macam mana Tuan Yang di-Pertua?... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih saya ucapkan kepada kakanda Yang Berhormat Sri Gading... [Ketawa] Pertamanya, berkaitan dengan senarai rakyat yang termiskin. Di sini untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pihak kementerian tidak ada sebab ini dikendalikan oleh kementerian yang lain, yang pertama.

Saya pasti kementerian-kementerian lain sebenarnya sedang membuat pengumpulan senarai golongan rakyat termiskin, sebab itu kita mengambil masa yang agak panjang sebab bukan senang untuk mendapatkan senarai rakyat yang termiskin ini. Keduanya, berkaitan dengan kaedah sama ada kita ada ataupun tidak menjalankan kaedah di mana kita mengajak ataupun mengajar rakyat memancing daripada kita memberikan umpannya. Memang kita tidak dapat nafikan ada kementerian-kementerian lain sebenarnya yang telah melaksanakan kaedah ini seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan program Azamnya, begitu juga dengan kementerian KPDNKK hari ini, kita juga telah pun mengadakan pelbagai iaitu peluang-peluang perniagaan kepada rakyat. Contohnya seperti perniagaan dari segi francais, kita juga menggalakkan rakyat untuk menubuhkan seberapa banyak koperasi, di mana kita juga membantu dan mengajar mereka berniaga dan melibatkan diri dalam pelbagai jenis bidang termasuk pertanian dan sebagainya. So, kita memang harap bahawa rakyat negara kita dapat berdikari pada satu hari dan tidak bergantung kepada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

3. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci, rancangan prasarana untuk membina MRT bawah tanah di sekitar Jalan Sultan, serta kenapa kerajaan tidak boleh membuat jaminan bahawa selepas MRT dibina, penghuni-penghuni asal boleh mengambil balik pemilikan tanah tersebut dan apa tindakan akan diambil oleh kerajaan sekiranya itu berlaku.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Alor Gajah bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Kulai bertarikh 2 November, Ahli Yang Berhormat Gombak bertarikh 14 November dan Ahli Yang Berhormat Pandan bertarikh 17 November kerana kesemua soalan ini menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MRT Sungai Buloh-Kajang akan melalui jajaran bawah tanah sejauh 10 Kilometer di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Jajaran tersebut akan melalui di bawah Jalan Sultan antara Stesen Bas Klang dan Persimpangan Jalan Sultan-Hang Jebat dengan jarak 400 meter. Oleh kerana Jalan Sultan merupakan jalan yg sempit, sebahagian terowong MRT itu juga akan melalui di bawah 20 lot bangunan di sepanjang Jalan Sultan.

Jajaran tersebut dipilih kerana ia merupakan jajaran yang optimum antara dua lokasi yang ditetapkan untuk laluan MRT iaitu Stesen Pasar Seni, di mana MRT akan berintegrasi dengan LRT, laluan Kelana Jaya dan kawasan Stadium Merdeka di mana terdapat rancangan untuk membangunkan semula kawasan tersebut. Kajian telah dilakukan ke atas jajaran-jajaran yang lain termasuk jajaran yang dicadangkan oleh pemilik bangunan serta pihak-pihak yang lain. Jajaran yang telah dimuktamadkan merupakan jajaran yang optimum dari segi enam faktor iaitu:

- (i) impak sosial yang minimum;
- (ii) pengambilan tanah yang minimum;
- (iii) kebolehan teknikal;
- (iv) pengintegrasian yang sempurna;
- (v) penggunaan atau *ridership* yang optimum; dan
- (vi) masa perjalanan kereta api MRT yang pendek.

Setelah meneliti enam faktor itu, tapak-tapak kosong di sekitar Jalan Sultan tidak sesuai digunakan sebagai lokasi alternatif, ini adalah kerana jajaran alternatif yang melalui tapak-tapak tersebut tidak akan dapat memberi pengintegrasian yang sempurna dengan laluan LRT Kelana Jaya di Stesen Pasar Seni. Jajaran alternatif ini juga tidak sesuai dari segi teknikal kerana landasan terpaksa dibina dengan selekoh-selekoh tajam yang tidak mungkin dapat dilalui kereta api MRT. Di samping itu, jajaran alternatif tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah bangunan yang terjejas. Kajian impak sosial untuk Projek MRT telah dilaksanakan bersama kajian impak alam sekitar atau *Environmental Impact Assessment* (EIA).

Kajian tersebut telah mengenal pasti semua impak negatif dan menetapkan langkah-langkah yang perlu dan mesti diambil oleh pemilik projek untuk menghindar atau mengatasi mana-mana kesan negatif kepada penduduk termasuk di Jalan Sultan. Antaranya ialah memastikan kesesakan lalu lintas adalah minimum dan keselamatan penduduk adalah terpelihara. Dari segi persoalan pengambilan tanah, pihak pemilik Projek iaitu Mass Rapid Corporation Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan diperbadankan sedang mengadakan rundingan dengan pemilik tanah persendirian untuk mencari persetujuan di mana pengambilan tanah tidak perlu dilakukan. Antara perkara yang mesti dipersetujui ialah keperluan pemilik untuk keluar daripada bangunan semasa pembinaan terowong dan kembali setelah selesai pembinaan dan juga isu pampasan kerugian kepada mereka yang terlibat.

Sehubungan itu persoalan memberi semula hak milik tanah kepada tuan tanah asal tidak sepatutnya timbul.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak kira apa formula yang akan diterima untuk jalan penyelesaian, pihak kerajaan memberi jaminan bahawa bangunan-bangunan di Jalan Sultan walaupun tidak diwartakan sebagai bangunan warisan tetapi merupakan sebahagian penting sejarah Bandaraya Kuala Lumpur, tidak akan dirobohkan.

Pemilik projek akan melakukan apa yang diperlukan untuk memastikan kerja jajaran bawah tanah tidak akan menjejaskan bangunan-bangunan tersebut. Namun begitu, terdapat beberapa lokasi seperti di stesen dan di jajaran atas tanah di mana pengambilan tanah terpaksa dilakukan. Proses ini akan mengikut lunas undang-undang dan jumlah pampasan akan ditentukan berdasarkan harga pasaran dan kriteria-kriteria yang dibenarkan. Bagi Projek MRT Sungai Buloh-Kajang sejauh 51 kilometer, kerajaan telah memastikan pengambilan tanah persendirian dapat dikurangkan, yang mana 70 peratus jajaran adalah melalui tanah kerajaan seperti rizab jalan raya dan tanah milik agensi kerajaan.

Perubahan jajaran yang dibuat setelah menerima maklum balas orang ramai, telah dapat mengurangkan bilangan bangunan yang terjejas. Misalnya di kawasan Bukit Dukung dekat Kajang, bilangan bangunan yang terjejas seperti rumah kediaman, bangunan komersial, surau dan sekolah telah berkurangan daripada 109 buah bangunan kepada 46 buah bangunan apabila jajaran dialihkan. Begitu juga di pekan Kajang, di mana bilangan bangunan yang terjejas telah berkurangan daripada 29 buah bangunan kepada lima buah apabila jajaran dialihkan. Anggaran bilangan lot tanah persendirian yang akan diambil balik adalah lebih kurang 500 lot dengan jumlah keluasan tanah sebanyak 75 hektar. Jumlah pampasan yang akan dibayar kepada pemilik tanah masih tidak dapat dimuktamadkan pada masa ini kerana perbincaraan pengambilan tanah masih berterusan, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang MRT merupakan satu projek yang dialu-alukan oleh rakyat jelata khususnya mereka di Lembah Klang kerana ia akan menyelesaikan masalah pengangkutan dan sebagainya. Namun demikian, ada pihak-pihak tertentu termasuk penduduk-penduduk di Jalan Sultan dan juga di kawasan Bukit Bintang yang bantah rancangan stesen tersebut di tempat-tempat mereka.

■1030

Soalan saya, kenapa satu projek yang boleh memanfaatkan rakyat jelata... pihak tertentu tidak boleh berdialog *engaged*kan penduduk-penduduk mereka, terangkan kepada mereka hasil yang boleh didapati dan khususnya kenapa projek pelaksanaan kontrak-kontrak berkenaan dengan pelaksanaan MRT itu dipakejkan secara kecil-kecil supaya penduduk-penduduk di tempat mereka boleh dilibatkan untuk melaksanakan projek-projek itu.

Dengan cara tersebut mereka akan rasa ada *involvement* dengan projek yang membawa kepada kemajuan tanah mereka. Akhirnya oleh kerana kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil *service right* berkenaan dengan tanah-tanah di atas stesen tersebut mengapa pihak tertentu atau kerajaan tidak boleh memberi jaminan kepada mereka selepas projek itu dilaksanakan, selepas tanah-tanah itu sudah diselesaikan, hak milik tanah tersebut akan dipulangkan kepada pemilik-pemilik asal mengikut cara-cara tertentu. Kalau kita boleh memberi jaminan tersebut saya rasa bantahan-bantahan akan diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang memberikan soalan tambahan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa memang projek MRT ini adalah satu projek yang besar dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang disebut bahawa jumlah yang diperuntukkan ialah RM40,000 juta tetapi masih lagi belum dimuktamadkan berapakah kos yang sebenar.

Seperkara yang disebut mengenai dialog, kita telah mengadakan tempoh pameran awam selama tiga bulan daripada 14 Februari hingga 14 Mei tahun ini dan kita telah mengadakan 50 sesi perjumpaan dengan penduduk yang diterajui oleh SPAD.

Selain daripada itu kita juga menerima 7,000 maklum balas dalam bentuk e-mel, surat, nota, borang yang diisi yang semuanya diambil perhatian berat oleh kerajaan dalam menentukan jajaran.

Cadangan Yang Berhormat Alor Gajah mengenai jaminan hak milik, saya kira ada masalah teknikal di situ kerana kita telah memberi pampasan bagaimana kita boleh memberikan semula hak milik pada tanah yang telah diberikan pampasan. Mengenai pakej kontrak MRT ini adalah kontrak secara terbuka dan mereka boleh memasuki tender-tender terbuka melalui pakej-pakej yang ada melalui laman web SPAD yang kita boleh lihat dari semasa ke semasa.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Jalan Sultan dan Jalan Petaling salah satu tempat yang boleh dikatakan warisan bangunan lebih 100 tahun dan juga di Jalan Bukit Bintang satu *landmark* di Bukit Bintang Centre yang dicadangkan satu stesen di sana tetapi pada asalnya ada luar stesen di Jalan Bukit Bintang West dan Bukit Bintang East yang asalnya. Namun tidak digunakan kepada pelan yang asal, di tempat yang kosong khususnya di Bukit Bintang West, Barat yang ada bekas *cinema* ialah Pavilion dan Cathay. Tempat letak kereta sahaja yang tidak digunakan sebagai stesen dan juga tempat di Jalan Sultan dan Jalan Petaling salah satu tempat boleh dikatakan menarik pelancong.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini tentang adakah MRT mengadakan satu *social impact assessment*. *Social impact* merangkumi ekonomi dan impak sosial tentang penghuni-penghuni atau pemilik-pemilik tanah itu di kawasan itu. Saya difahamkan bahawa mereka tidak ada satu *social impact* tentang kedua-dua kawasan ini dan ramai khususnya boleh dikatakan 100 peratus pemilik menentang tentang cadangan ini. Kita tidak ditentang melalui MRT tetapi akan dikajikan semula mengapa tidak menggunakan *alignment* yang lebih licin dan untuk MRT. Ada dicadangkan bahawa di satu Jalan Tun Tan Cheng Lock...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Soalankah ceramah, Yang Berhormat Bukit Bintang?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Adakah cadangan *alignment-alignment* akan digunakan untuk mengurangkan mengambil tanah sebab salahkan gunakan Akta Pengambilan Tanah 1960.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey, boleh saya jawab sekarang Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Untuk merampas satu yang boleh dikatakan merampaskan tanah pemilik-pemilik tanpa walaupun ada pampasan tetapi nilai pampasan boleh digantikan dengan satu *heritage*, warisan umpama itu. Bolehkah dijelaskan di Dewan.

Datuk Ahmad bin Maslan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, memanglah melalui kawasan yang beliau wakili. Rundingan sedang dijalankan dengan pemilik bangunan Jalan Sultan, Jalan Bukit Bintang. Semua akan selesai setelah kata persetujuan dicapai. Itu satu perkara-perkara yang penting dan sebagaimana yang saya sebut tadi, kajian impak sosial itu telah dilaksanakan bersama dengan kajian EIA.

Seperkara lagi ialah jaminan kita bahawa tidak akan merobohkan walau sebuah bangunan di atas Jalan Sultan itu. Itu satu lagi jaminan yang diberikan oleh kerajaan. Kita perlu melihat bahawa MRT ini akan menyelesaikan sebahagian besar kepada masalah lalu lintas, kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur kerana pada satu hari MRT Sungai Buloh-Kajang ini boleh membawa 440,000 penumpang satu hari. Masalah kita kalau masih lagi berlaku kesesakan lalu lintas masalahnya bukan sebab itu tetapi adalah masalah kerana pemilik kenderaan bertambah. Bilangan kenderaan bertambah 500,000 buah kereta setiap tahun di Lembah Kelang. Itu kita kena buat perkara lain bagaimana untuk mengurangkan pemilik itu tetapi jika MRT ini boleh menyelesaikan, jajaran pertama kita ada tiga jajaran bukan satu jajaran.

Yang kita hendak laksanakan jajaran pertama dahulu iaitu Sungai Buluh-Kajang 51 kilometer, 10 kilometer terowong bawah tanah, yang itu dulu yang kita hendak laksanakan. Selesai 2016, 2017 *insya-Allah* akan dimulakan dan ia bukan hanya akan membantu menangani kesesakan lalu lintas tetapi juga memberikan kesan positif kepada ekonomi negara kita. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua kerana ramai yang bertanya tentang MRT. Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendengar dengan tekun jawapan yang diberikan. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini adalah janji kerana Presiden MCA sendiri bertemu dengan semua pemilik tanah di Jalan Sultan menjanjikan bukan sahaja pampasan tetapi juga diberikan jaminan pemilikan tanah selepas projek tersebut siap, itu satu.

Kemudian beberapa hari selepas itu, SPAD memberi kenyataan yang bercanggah kata tidak mungkin dapat bagi balik jaminan pemilikan. Itulah masalahnya apabila wujud kontradiksi yang begitu jelas. Saya hendak membuat contoh satu lagi di bawah projek MRT Sungai Buloh-Kajang ada sebuah banglo VIP. Banglo VIP ini walaupun tidak dimaklumkan menerusi maklum balas umum telah ditukar jajaran supaya jajaran asal yang melalui rumah tersebut, bawah rumah tersebut diubah ke jajaran baru yang langsung tidak memberi impak kepada pemilik. Pemilik tersebut saya kenal dahulu kerana kami keluarga Timbalan Perdana Menteri pernah duduk di kawasan rumah tersebut, seorang kroni yang rapat dengan bekas Perdana Menteri.

Jadi bila wujud kontradiksi hakikatnya bahawa jajaran boleh diubah, bila kenal rapat dengan SPAD, apakah maklum balas jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri... [Dewan riu] Apa yang dijanjikan Presiden MCA...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey... [Ketawa]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Presiden MCA bertemu dengan penduduk akan diberi hak milik selepas *completion of* MRT.

Kedua boleh tidak dimaklum kepada umum kos melepas bila diubah jajaran kerana SPAD kata ada *alternative route* untuk Jalan Sultan. Alternatif ini wajib diberikan kepada semua supaya rakyat tahu dan yakin dengan keputusan yang dibuat oleh kerajaan, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Yang pertama saya hendak menjawab soal banglo itu sebab Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai masa dia kecil-kecil duduk di banglo itu... [Ketawa]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Bukan soal saya, tanah tersebut kerajaan Barisan Nasional bayar kepada Tun Daim pada ketika itu. Hendak maklum kepada Yang Berhormat. Ya, Terima kasih... [Dewan riu]

■1040

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Masa itu Ahli Yang Berhormat duduk di banglo itulah... [Ketawa]

Pertama, saya nak maklumkan bahawa jajaran asal pun tidak melalui banglo itu. Ini maklumat mana Ahli Yang Berhormat dapat ini? Maklumat daripada internet? Fitnahlah itu. Dia tak lalu pun banglo itu, tak lalu banglo itu...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, biar Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Pengerusi SPAD telah membuat kenyataan akhbar semalam dan dilaporkan dalam akhbar-akhbar pada hari ini mengenai kes banglo yang berkaitan.

Kita boleh baca dalam laporan akhbar tetapi saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa pada jajaran asal, banglo tersebut tidak kena pun dan kemudian memang kita alihkan sedikit supaya berada di tepi tanah yang berkaitan untuk mengurangkan pampasan. Sebagaimana saya sebut tadi, oleh kerana kita mengalihkan, banyak yang kita alih setelah *public hearing*, *public display* ini, banyak yang kita ubah kerana kita mendengar pandangan rakyat. Oleh kerana kita mendengar pandangan rakyat, bukan nak menjaga kroni, kita alihkan dan ada yang menyatakan bahawa *tunnel* telah dimulakan di kawasan itu.

Tak betul, tak *start* pun lagi *tunnel* ini, tidak *start* lagi. Kerja-kerja meratakan dah bermula di beberapa tempat tetapi daripada segi terowong masih lagi belum dimulakan dan satu perkara lagi ialah yang pentingnya adalah kita mendengar pandangan rakyat itu. Itu sebab kita menerima 7,000 nota dan juga e-mel dan juga surat yang mana kita perhatikan termasuklah yang disebut Presiden MCA dan sebagainya itu, semuanya kita ambil kira tetapi yang penting sekali ialah rakyat dirunding tentang projek yang amat bermanfaat untuk negara ini. Terima kasih.

4. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, tujuan PTPTN memutuskan untuk menawarkan pembiayaan pendidikan kaedah ujah dan mengapakah *red tape* di dalam permohonan pertukaran pinjaman tersebut. nyatakan tunggakan pinjaman oleh peminjam sehingga kini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan pendidikan berdasarkan kaedah ujah atau upah 1 peratus setahun atas kadar rata yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008 adalah merupakan kaedah pembiayaan berlandaskan prinsip syariah. Pelaksanaan kaedah baru ini bertujuan untuk mengurangkan beban peminjam melalui kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3 peratus dan 5 peratus setahun. Kaedah baru ini adalah selaras dengan syariat Islam sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 28 Julai 2008.

Sebagai agensi awam yang diamanahkan untuk menguruskan kewangan awam, PTPTN melaksanakan pengakuan yang teliti lagi bertanggungjawab. Ini adalah di antara sebab terjadinya kelewatan yang sesetengah pihak mendakwa sebagai kerenah birokrasi ataupun *red tape*, dengan izin. Selain itu, proses penyemakan sebelum penawaran ke kaedah ujah bukan semuanya boleh dilakukan secara *straight forward*, dengan izin. Banyak yang memerlukan semakan semula secara manual kerana maklumat peminjam terdapat di beberapa tempat sebelum maklumat tersebut dikonsolidasikan. Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan tawaran pertukaran dibuat, proses bermula amat mudah. Peminjam hanya diminta untuk mengemaskinikan maklumat mereka secara atas talian.

Maklumat yang perlu dikemas kini adalah alamat e-mel, nombor telefon dan alamat terkini sekiranya terdapat perubahan. Kaedah ini bertujuan untuk memastikan tawaran berjaya disampaikan kepada peminjam-peminjam yang terlibat. Dengan adanya maklumat terkini ini, dokumen tawaran ujah dapat dihantar melalui alamat emel yang dikemas kini oleh peminjam. PTPTN turut memaklumkan tawaran ujah melalui khidmat pesanan ringkas ataupun SMS ke talian telefon bimbit yang dikemas kini. Mengikut rekod PTPTN, pertukaran pinjaman kepada pembiayaan ujah melibatkan sebanyak 836,408 data peminjam. Sehingga tarikh tamat 30 September 2011, seramai 565,427 orang telah berjaya untuk mengemaskinikan maklumat. Sehingga hari ini, 435,160 peminjam yang layak telah diberi surat tawaran. Mereka diberi tempoh tiga bulan untuk mengemaskinikan dokumen perjanjian. Seramai 55,546 peminjam telah pun memulangkan dokumen perjanjian.

Bagi 130,267 peminjam masih dalam proses semakan untuk penawaran. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah tunggakan keseluruhan bayaran balik daripada peminjam sehingga 31 Ogos 2011 adalah berjumlah RM2.89 bilion. Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkejut mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan proses ini amat mudah.

Akan tetapi, apakah Yang Berhormat menyedari kemungkinan sambutan kepada pertukaran pinjaman ini kepada ujah hanya 55,000 daripada jumlah yang ditawarkan ialah 400 lebih ribu, sambutannya dalam masa tiga bulan kena bagi jawapan hanya 55,000 sahaja. Apakah Yang Berhormat menyedari betapa sukarnya untuk melengkapkan proses pertukaran pinjaman ini kepada ujah?

Tuan Yang di-Pertua, apabila surat tawaran diterima, saya terima panggilan daripada ibu dan pelajar iaitu peminjam. Mereka diberi masa 90 hari untuk lengkapkan dokumen. Dokumen-dokumen tersebut perlu dimuat turun daripada laman web atau maklumat yang dihantar ke emel mereka. Mereka perlu lekat setem hasil, mereka kena matikan setem hasil, mereka kena mengesahkan dokumen dan dokumen itu harus disahkan oleh pegawai yang pemastautin di dalam negara dan pegawai-pegawai yang tertentu dan ada yang menghubungi saya mengatakan anak saya bertugas di luar negara. Saya hanya diberi 90 hari. Mengapakah PTPTN tidak boleh secara automatik menukar pinjaman ini kepada ujah?

Ini boleh jimat masa, jimat kos, jimat *red tape* semua ini. Takkan setiap kali ada pertukaran polisi, semua perjanjian semula kena ditandatangani. Saya ada salinan dokumen ini. Jadi mengapakah perlu untuk pengisian semula keseluruhan perjanjian tersebut. Ini amat membebankan. Ini adalah *feedback* atau maklum balas. Mengapa *red tape* yang begitu banyak dan keadaan sebenarnya tidak semudah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa prosedurnya amat mudah. Saya mohon penjelasan.

Dr. Hou Kok Chung: Apa yang dilakukan oleh PTPTN memang mengikut peraturan undang-undang. Memang semua perjanjian yang baru patut ditandatangani sebab ia melibatkan benda yang baru dan untuk maklumat Yang Berhormat, bagi saya proses ini bukan satu perkara yang sangat susah. Kalau peminjam mengikut peraturan sebagai seorang pelajar yang mendapat pendidikan yang begitu tinggi, saya rasa itu bukan masalah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, mulai 20 September 2010 sehingga 30 September 2011, PTPTN telah mula membuat hebahan di dalam laman web mengenai pengemaskinian maklumat peminjam bagi tujuan pertukaran pinjaman kepada pembiayaan pendidikan berasaskan kaedah ujah.

Namun terdapat 104,667 peminjam telah mengemaskinikan maklumat masing-masing bagi tempoh dari 4 September sehingga 30 September 2011. Ini menunjukkan 18 peratus telah melakukannya secara saat terakhir ataupun *last minute*, dengan izin. Pun begitu, PTPTN masih berjaya memproses dan menawarkan kepada seramai 635,160 peminjam yang layak. Sekian.

■1050

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya selalunya memang tidak setuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah, tetapi kali ini saya bersetuju kerana kita dapati bahawa PTPTN ini saya ingat kalau diurus oleh jawatankuasa, Pengerusinya Yang Berhormat Kuala Krau tidak ada masalah. Mungkin ada campur tangan daripada atas.

Jadi saya mencadangkan kalau boleh kita adakan pinjamankah, tukarankah secara automatik. Sebab yang memilih budak-budak ini untuk pergi universiti bukannya Kementerian Pelajaran, daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Apabila mereka masuk sepatutnya automatik, mahu tukar, mahu pinjam automatik bagi. Kalau tidak jangan bagi masuk universiti. Kenapa mahu bagi masuk universiti, belakang masalah yang mereka hadapi. Jadi kita minta supaya mungkin kalau boleh Yang Berhormat Kuala Krau di belakang ini dia pengerusi. Jadi saya tanya dia, dia tidak tahu pun dia bilang... [Ketawa] Ada arahan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu tidak betul itu... [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Mungkin ada campur tangan daripada atasan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia tidur apa ini?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Jadi kita minta kalau boleh...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidur banyak ini.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: ...Serahkan bulat-bulat perkara ini kepada jawatankuasa pengerusi dia ada. Kemudian Menteri *endorsed* sahaja. Jangan seleweng banyak, seleweng kiri kanan. Jadi saya minta kalau boleh satu cara yang menyenangkan rakyat kerana sekarang ramai anak kita mengeluh. Ada masalah di kampung, di hulu-hulu kampung mereka ini mungkin alamat pun tidak tepat. Jadi minta kalau boleh *simplify* perkara ini supaya menyenangkan semua rakyat. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang saya kata tadi memang perjanjian itu ditandatangani mengikut peraturan undang-undang. Namun saya bersetuju bahawa PTPTN memang ada kelemahan seperti staf yang tidak cukup dan juga talian yang begitu sibuk. Dengan itu PTPTN kini mempunyai 70 staf. Kita telah memohon supaya menambah 70 staf sementara lagi dan untuk 100 talian yang digunakan pada satu masa kita juga memohon supaya penambahan talian.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini baru cerita masalah staf. Berapa lama PTPTN sudah ada baru cerita mahu tambah staf? Tidak masuk akal punya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan tambahan memandangkan ia melibatkan lebih kurang 1 juta penuntut universiti. Satu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup toleran pada pagi ini. Biar pun soalan-soalan tambahan itu panjang-panjang saya biarkan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya punya ringkas sahaja, ringkas sahaja. Minta izin.

5. Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah kerajaan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk memelihara tahap kesejahteraan ibu bapa dan warga emas bagi memastikan golongan yang mewakili lebih daripada 500,000 orang rakyat ini akan terus terbelah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Setiawangsa kerana mengambil berat tentang isu warga emas.

Sebagai satu kerajaan yang prihatin kebajikan warga emas yang berjumlah lebih kurang 2.3 juta atau 8.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia adalah menjadi keutamaan kerajaan. Dalam hal ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperjuangkan supaya warga emas di Malaysia hidup sihat sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi, mengoptimumkan potensi diri, menikmati semula semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan daripada ahli keluarga dan anggota masyarakat. Bukti keprihatinan ini dizahirkan melalui Bajet 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen ini pada 7 Oktober. Antara pengumuman yang memberi manfaat terus kepada golongan warga emas adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak RM460 juta akan disalurkan kepada warga emas yang memerlukan bantuan orang tua di bawah Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KARISMA);
- (ii) pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta klinik peragaan milik kerajaan;
- (iii) diskaun 50 peratus ke atas tambang LRT dan monorel;

- (iv) bayaran khas sebanyak RM500 kepada pesara kerajaan pada bulan Disember 2011;
- (v) pelarasan pencen di bawah SPBA melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta. Manfaat ini akan dinikmati oleh seramai lebih kurang 600,000 pesara kerajaan;
- (vi) kenaikan tahunan pencen pesara sebanyak 2 peratus setahun tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau penyelarasan gaji mula tahun 2013; dan
- (vii) melanjutkan umur persaraan wajib daripada 50 kepada 60 bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk memelihara tahap kesejahteraan ibu bapa dan warga emas Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011 bagi menggantikan dasar-dasar sebelum ini turut mempunyai strategi khusus untuk meningkatkan penglibatan dan kesepaduan antara generasi. Antara program yang diuruskan oleh kementerian adalah:

- (i) program mengeratkan kasih-sayang antara generasi;
- (ii) melaksanakan modul khidmat masyarakat di bawah PLKN;
- (iii) program ilmu kekeluargaan di LPPKN yang menerapkan nilai kasih-sayang, tanggungjawab dan hormat-menghormati di kalangan ahli keluarga; dan
- (iv) dan perkhidmatan bantu di rumah atau *home help services* yang bercorak *reaching out*, dengan izin, kepada warga emas yang dikendalikan oleh sukarelawan di bawah kementerian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Dasar Keluarga Negara turut menekankan penerapan nilai kekeluargaan yang bertujuan melahirkan generasi yang dilengkapkan dengan nilai-nilai murni, berdaya tahan dan menjadi warga yang produktif. Pembangunan sahsiah generasi muda yang jitu ini akan dapat mengujudkan rasa tanggungjawab generasi muda terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga emas dengan harapan kes-kes pengabaian ke atas warga emas dapat dibendung. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Keteguhan institusi keluarga adalah tunjang utama kepada pembangunan sebuah masyarakat moden. Walau bagaimanapun, kesibukan generasi muda yang kita lihat sekarang, hari ini menghadapi cabaran pembangunan dan mereka pun ada dugaan-dugaan harian atau hidup mungkin menjadi salah satu punca daripada golongan warga emas dilihat terabai dan tertekan. Walaupun ini merupakan tanggungjawab bukan sahaja dalam budaya tetapi juga dalam agama.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan dan kementerian menggalakkan golongan warga emas ditempatkan di rumah-rumah jagaan sebagai satu daripada kaedah pembelaan generasi muda. Adakah ini merupakan satu bentuk pembelaan yang boleh diterima masyarakat Malaysia berbilang kaum. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Alhamdulillah secara keseluruhannya saya lihat bahawa anak-anak muda kita, generasi muda kita masih menyayangi dan memberi perlindungan kepada ibu bapa, ahli keluarga mereka yang sudah mencecah usia warga emas. Secara umumnya saya rasa bahawa kita masih mampu mempertahankan budaya ini.

Namun begitu ada bibit-bibit di mana sudah mula ada generasi muda anak-anak kita, di mana di kalangan mereka telah pun melepas tangan ataupun mengabaikan penjagaan dan perlindungan untuk ibu bapa dengan alasan bahawa mereka tidak ada bersama-sama ibu bapa sama ada di kampung mahupun tempat-tempat lain kerana telah berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan.

Bagi saya dan semua di kementerian, kita harap bahawa perkara ini tidak akan menjadi budaya orang Malaysia kerana kita percaya bahawa kalau kita jaga dengan baik dengan hormat warga emas dan ibu bapa kita ini akan membawa kepada barakah dalam hidup kita.

Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab jika ada kes-kes di mana ibu bapa atau warga emas tidak ada tempat lain untuk mereka berlindung, maka buat masa ini kita ada 14 institusi di bawah JKM untuk memberi perlindungan dan penjagaan kepada mereka. Kita ada Rumah Seri Kenangan, Desa Bina Diri dan juga Rumah Ihsan. Kita juga membiayai 22 pusat jagaan harian di mana secara amnya kita belanja dalam setahun Tuan Yang di-Pertua untuk rumah di bawah institusi kita perbelanjaannya lebih kurang RM34 juta. Kita bantu NGO lebih kurang RM800,000 untuk mereka mewujudkan dan menjalankan pusat jagaan harian.

■1100

Jadi *insya-Allah* di bawah perancangan kementerian khususnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga LPPKN, kita akan membuat persediaan jika terdapat pada masa akan datang anak-anak muda kita tidak lagi mengambil tahu tentang orang tua mereka. Akan tetapi saya berharap bahawa perkara ini tidak akan berlaku di Malaysia nanti.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Memang Yang Berhormat Menteri sebut tentang pemberian itu dan ini, program-program dan sebagainya. Akan tetapi dalam keadaan ekonomi terhimpit sekarang, anak-anak harus menjaga keluarga masing-masing, mereka mempunyai keluarga dan sebagainya. Kita hendak lihat satu *planning* yang lebih *long term* dan konkrit kerana dalam keadaan ekonomi terhimpit sekarang, dengan harga barang naik, dengan *tax* naik dan sebagainya, dan dengan *one-off* sana sini yang berbentuk *ad hoc, one-off* Malaysia ini yang dibacakan dalam bajet Perdana Menteri, jadi saya rasa satu sistem sokongan yang lebih konkrit harus dirancang seperti perumahan berkembar, diberikan insentif kepada anak-anak yang..., di dalam skim perumahan kita mesti ada satu skim di mana ada perumahan kembar.

Kalau anak-anak mahu menjaga ibu bapa mereka, ianya ada satu *connecting* unit. Di negara-negara maju yang lain, ini telah dilaksanakan. Di pangsapuri pun dilaksanakan. Dalam satu blok ada dua tiga unit yang mana dikembarkan dengan satu lagi unit rumah yang kecil. Jadi kalau anak-anak yang hendak menjaga ibu bapa mereka, mereka boleh memantau. Ini telah dilaksanakan. Jadi saya rasa kementerian harus memikirkan satu perancangan yang lebih konkrit dan lebih *long term*. Bukan *one-off here and there*, tidak cukup. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa Yang Berhormat Ampang tidak setuju dengan beberapa pemberian, pelepasan dan juga kemudahan yang diberikan secara *long term, short term* dan semua kepada warga emas di Malaysia. Saya mula-mula harapan begitu tinggi, Yang Berhormat Ampang mestilah sokong usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membela nasib warga emas ini. Saya baca berjela-jela ini apa yang Kerajaan Barisan Nasional buat untuk warga emas.

Untuk perancangan rumah berkembar tidak berkembar itu Yang Berhormat, memang sudah diterajui oleh Kerajaan Barisan Nasional, dah lama. Kita pun sudah mula untuk mengadakan persediaan seperti ini. Mungkin perlu ada diperlembihkan dalam pembangunan negeri Selangor, khususnya di Ampang nanti. Kita tengoklah nanti. Terima kasih.

6. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) nyatakan jenis-jenis pakar perubatan, kemudahan, peralatan dan bekalan di mana hospital-hospital dan penjagaan kesihatan Sabah yang telah ketinggalan zaman selama 10 hingga 15 tahun berbanding Semenanjung Malaysia, seperti mana yang diumumkan Pengarah Kesihatan semasa lawatannya ke Sabah baru-baru ini; dan
- (b) apakah pelan-pelan segera untuk memperbaiki hospital-hospital dan pemeliharaan kesihatan di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bini Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tawau. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa terdapat jurang perbezaan dari segi kemudahan kesihatan yang terdapat di negeri Sabah berbanding Semenanjung Malaysia. Antara lain, keadaan topografi, kemudahan infrastruktur, pengangkutan dan kepadatan penduduk yang rendah dan berselerak ditambah dengan kekurangan kemudahan infrastruktur asas merupakan faktor utama mengehadkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, bukan sahaja di negeri Sabah tetapi juga di Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia, yang memberi cabaran yang amat besar kepada kementerian untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Sabah dan Sarawak khususnya di kawasan pedalaman.

Di samping itu, nisbah doktor perubatan kepada penduduk di Sabah juga rendah iaitu 1:1,859 berbanding 1:764 di Semenanjung. Manakala nisbah doktor pergigian kepada penduduk pula adalah 1:17,708 berbanding 1:6,567 di Semenanjung Malaysia. Kemudahan fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan juga agak terhad berbanding di negeri Semenanjung.

Namun, Kementerian Kesihatan amat komited bagi mengatasi masalah ini. Pelbagai usaha telah dan akan terus dilaksanakan bagi mengimbangi keadaan tersebut di antara wilayah. Terbaru, masalah ini serta strategi yang dicadangkan bagi mengatasinya telah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kabinet mengenai bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Antara lain strategi yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah:

- (i) meningkatkan penempatan perubatan dan pergigian di Sabah dan Sarawak melalui arahan pentadbiran dan pemberian insentif seperti penempatan *posting* tempoh terhad, pemberian elaun wilayah dan kesusahan dan memberi keutamaan kepada mereka untuk kemajuan kerjaya seperti kemudahan biasiswa, kepakaran dan kursus pendek di luar negara;
- (ii) membina lebih banyak fasiliti kesihatan statik seperti klinik kesihatan;
- (iii) meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital daerah;
- (iv) memperkukuhkan perkhidmatan klinik bergerak darat, air dan udara termasuklah perolehan baru dan penggantian kenderaan serta ambulans serta memperkembangkan perkhidmatan *flying doctor* di kawasan terpencil walaupun hakikatnya ia menelan belanja yang tinggi;
- (v) peluasan teknologi ICT sama ada *teleconsultation* di hospital atau *tele-primary care* di klinik kesihatan;
- (vi) meningkatkan Program Bakul Makanan bagi mengurangkan masalah kurang zat makanan;

- (vii) mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan pergigian serta program pemfluoridaan bekalan air; dan
- (viii) mengurangkan beban penyakit berjangkit dengan mempertingkatkan perkhidmatan pengesanan, perawatan dan pengawalan penyakit berjangkit serta mempertingkatkan kesihatan persekitaran dengan menaiktarafkan bekalan air dan tandas *sanitary*.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *rolling plan* yang pertama RMKe-10 iaitu dari tahun 2011 hingga 2012, terdapat sebanyak 33 program dan projek pembangunan Kementerian Kesihatan di Sabah. Program dan projek tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, hospital baru yang iaitu di Tuaran dan 17 naik taraf hospital, 7 klinik kesihatan baru, satu program pengfluoridaan bekalan air awam, lima naik taraf kuarters dan satu pejabat kesihatan. Di samping itu, sebanyak 23 projek sambungan sedia ada telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *rolling plan* kedua iaitu 2012 hingga 2013 oleh agensi pusat pada 12 Oktober 2011 iaitu satu hospital dan 12 naik taraf hospital, satu program pemfluoridaan bekalan air awam, tujuh klinik kesihatan dan satu pejabat kesihatan.

Kementerian berkeyakinan bahawa dengan terlaksananya cadangan-cadangan yang telah dibincangkan dan dipersetujui secara prinsipnya oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak, jurang perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Sarawak akan dapat dirapatkan dan setanding dengan perkhidmatan yang terdapat di Semenanjung. Terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Sabah. Soalan tambahan, saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan menghendaki pesakit jantung atau *cardiac patient* dari sektor awam, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga wakil rakyat di seluruh Malaysia dirujuk kepada enam *regional hospital* dan tidak boleh dirujuk terus kepada IJN.

Memandangkan terdapat lebih daripada 1,000 pesakit jantung dari Sabah menjalani pembedahan jantung khususnya kes-kes yang kecemasan, dengan terbatasnya kemudahan dan kepakaran dalam bidang perubatan jantung belum siap sedia di SMC Kota Kinabalu, apakah Kementerian masih hendak meneruskan amalan yang dimaksudkan yang mungkin akan mengakibatkan kelewatan pembedahan dan membawa maut? Tidakkah sesuai itu tertakluk kepada *referral doctors* di seluruh Malaysia dengan profesionalisme mereka khususnya dalam kes-kes kecemasan. Saya minat penjelasan daripada kementerian mengenai perubahan polisi baru-baru ini dan diharap polisi baru-baru ini ditarik balik. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah bini Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Tawau. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau telah membangkitkan mengenai isu pesakit jantung yang dirujuk dan saya kira ini merujuk juga kepada surat daripada Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan.

■1110

Yang Berhormat Tawau, saya ingin maklumkan di sini bahawa pusat kardiologi dan kardiotorasic di Hospital Queen Elizabeth II telah bermula operasinya pada April tahun 2010. Jadi, kita ada pusat kardiotorasic dan juga kardiologi di negeri Sabah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seramai 9,900 orang pesakit telah mendapat rawatan di pusat ini pada tahun 2010 dan secara puratanya seramai 1,000 orang pesakit telah mendapat rawatan di pusat tersebut dalam tempoh sebulan untuk tahun ini Yang Berhormat.

Jumlah pesakit yang dirujuk ke Institut Jantung Negara bukanlah seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu kita merujuk seramai 1,000 orang pesakit ke IJN. Tidak Yang Berhormat, kita merujuk jumlah yang lebih kecil daripada itu walaupun sebelum pusat kardiologi itu dibuat di negeri Sabah. Sebenarnya Yang Berhormat, sejak pusat ini beroperasi hanya pesakit-pesakit kronik dan mempunyai komplikasi di mana tiada kepakaran di pusat kardiologi dan kardiotorasic kita akan dirujuk ke IJN.

Contohnya, *pediatrician cardio* atau pun yang melibatkan kanak-kanak. Elektrofisiologi *study* dan *CRT Implant*. Yang lain dikendalikan sendiri di pusat tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat hanya 112 orang pesakit dirujuk pada tahun 2010 ke IJN dan 69 orang pesakit dirujuk pada tahun ini iaitu tahun 2011.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai kes-kes jantung yang diminta untuk dirujuk ke enam pusat kardiotorasik dan juga kardiologi kita. Memang benar Yang Berhormat, terdapat enam pusat kardiologi dan kardiotorasik yang merawat pesakit jantung di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia termasuklah satu di negeri Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Johor Bahru, Serdang dan Kota Bharu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, surat yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan tentang pengurusan pesakit jantung di mana pesakit-pesakit jantung perlu dirujuk kepada keenam-enam pusat ini terlebih dahulu untuk pemeriksaan dan rawatan awal. Hanya sekiranya perlu pesakit ini boleh dirujuk ke IJN. Arahan ini Yang Berhormat tidak pernah bermaksud untuk menyekat mana-mana pesakit menerima rawatan di IJN.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa surat ini tidak pernah bermaksud untuk menghalang atau menyekat mana-mana pesakit untuk mendapatkan rawatan di IJN. Hanya apabila tiada kepakaran di pusat yang keenam-enam pusat ini Tuan Yang di-Pertua, kes-kes akan dirujuk kepada pihak IJN. Tujuan surat ataupun arahan ini dikeluarkan adalah berdasarkan kepada dasar kementerian yang ingin menjadikan IJN sebagai pusat rujukan bagi kes-kes yang kompleks.

Dengan cara yang sama tidak akan membebankan pihak IJN dan seterusnya dapat mengurangkan masa menunggu pesakit di IJN itu sendiri. Yang Berhormat, saya harap penjelasan saya tadi boleh diterima oleh Yang Berhormat dan *insya-Allah* segala teguran dan juga kes-kes yang disampaikan oleh Yang Berhormat akan kita teliti dan beri penjelasan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Memandangkan soal ini soal Sabah, saya jemput Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan Program Kemudahan Perubatan dan telah disentuh tentang pembinaan hospital baru di Tuaran. Saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah katil yang akan disediakan nanti di dalam hospital ini apabila siap?

Memandangkan jumlah penduduk di Tuaran ini menjangkau 120,000 orang dan kalau mengikut nisbah yang ditentukan iaitu kalau tidak silap 1,000 untuk dua katil. Dua katil untuk 1,000 orang. Jadi, saya ingin tahu berapakah katil yang disediakan dan apabila hospital ini siap kelak adakah penglibatan pakar akan disediakan? Adakah perkhidmatan dialisis akan disediakan kerana perkhidmatan dialisis ini sangat-sangat diperlukan di daerah ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, terima kasih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran tadi. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Hospital Tuaran adalah salah satu projek di bawah *first rolling plan* Kementerian Kesihatan dan seperti Yang Berhormat ketahui ianya sedang dalam proses pembinaan.

Untuk menjawab kepada beberapa perkara yang dibangkitkan, Yang Berhormat saya akan berikan Yang Berhormat jawapan secara bertulis kerana saya tidak ada maklumat pada ketika ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih.

7. **Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, jumlah terkini graduan dari pelbagai jurusan pengajian di bawah Kolej Komuniti di seluruh negara dan jumlah dan peratusan yang sudah bekerja sama ada dengan orang lain atau bekerja sendiri.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat jumlah kesemua pelajar lulusan Kolej Komuniti semenjak tahun 2003 sehingga 2010 adalah seramai 39,650 orang. Berdasarkan sistem kajian pengesanan graduan Kementerian Pengajian Tinggi tahun 2010 atau pun *tracer study*, dengan izin seramai 3,444 orang atau pun 52.8 peratus lulusan sijil kolej komuniti telah bekerja.

Seramai 463 orang atau 7.1 peratus telah melanjutkan pengajian. Seramai 56 orang atau 0.9 peratus meningkatkan kemahiran dan seramai 184 orang atau pun 2.8 peratus menunggu penempatan pekerjaan. Sekian.

Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan kepada soalan ini. Saya ingin tahu sama ada setakat ini ada tidak Kolej Komuniti mengadakan *play up* atau kerjasama dengan pihak-pihak industri khususnya industri yang berkaitan dengan pengeluaran makanan atau pun bidang pertanian memandangkan negara kita masih lagi bergantung kepada import bahan makanan daripada negara luar.

Kita juga sedar bahawa sekarang dengan bermacam-macam masalah berlaku di seluruh dunia khususnya bencana alam, bencana sosial politik dan sebagainya ini mengancam pengeluaran makanan seluruh dunia. Jadi, kita tidak boleh bergantung selama-lamanya kepada pengeluaran makanan daripada seluruh negara. Jadi, di sinilah saya ingin tahu sama ada pihak kolej komuniti, kementerian telah bekerjasama dengan pihak-pihak industri dalam bidang pengeluaran bahan makanan dan juga dalam bidang penyelidikan pengeluaran makanan. Sekian.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kursus yang ditawarkan oleh sesebuah kolej komuniti adalah berdasarkan kepada keperluan tempatan. Jadi khusus yang paling popular ialah terdiri daripada automotif, hotel *catering*, *electrical*, pelancongan, fesyen dan jahitan. Jadi berkenaan kursus yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang ini kursus yang popular kini dan sekarang. Akan tetapi, Kementerian Pengajian Tinggi akan mengkaji tentang bidang yang telah di *suggest* oleh Yang Berhormat. Sekian.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya bertanya Menteri Pengajian Tinggi. Kita tahu untuk dengan izin, membolehkan graduan-graduan daripada kolej dan universiti untuk mendapat kerja *marketability* maka kerajaan telah menggalak penggunaan bahasa Inggeris di Institusi Pengajian Tinggi. Terutamanya saya nampak di MARA, UiTM, bahasa Inggeris ditekankan untuk membolehkan mereka mencari kerja.

■1120

Saya ingin tahu daripada Menteri Pengajian Tinggi apakah polisi kerajaan berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa perantaraan di institusi-institusi pengajian tinggi? Memandangkan sekarang ada polisi pula dari Jabatan Pendidikan Negara Malaysia untuk menggunakan bahasa Malaysia di peringkat sekolah. Adakah perbincangan dibuat di antara Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan ada satu penyelarasan. Kalau kita menekankan seluruh penggunaan bahasa Malaysia di peringkat sekolah, tiba-tiba masuk universiti mereka tidak dapat kita kata *catch-up* ataupun dengan buku-buku yang dalam bahasa Inggeris. Jadi, apakah polisi untuk seluruh negara? Saya ingin tahu adakah satu keputusan telah dibuat mengenai penggunaan bahasa dalam institut pengajian tinggi dengan sekolah kita?

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan asal ialah berkenaan dengan kolej komuniti, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat. Kolej komuniti sebenarnya, kursusnya ini lebih mementingkan kepada *hand on*. Teori ini memang bukan satu, ia komponen yang sangat penting.

Maksud *hands-on* ialah 80 peratus ataupun 85 peratus. Jadi, di sini bahasa bukan merupakan satu perkara isu yang sangat penting sebab dia lebih mementingkan membawa pengetahuan, *hand on* yang praktikal kepada pelajar. Sekian terima kasih.

8. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah bas sekolah yang usang, yang melebihi 30 tahun akan dikuatkuasakan dan apakah dasar-dasar Kerajaan Persekutuan supaya keselamatan pengguna tidak terjejas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tanjong bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah bertarikh 23 November. Juga Ahli Yang Berhormat Kuantan pada 29 November kerana kesemua soalan ini menyentuh isu yang sama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan had usia bas sekolah kepada 30 tahun telah diputuskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan melalui Mesyuarat Lembaga bertarikh 17 Disember 2009. Pelaksanaan arahan ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2010 sehingga kini.

Keputusan membenarkan had usia penggunaan bas sehingga 30 tahun dibuat setelah mengambil kira faktor ekonomi pengusaha bas sekolah yang bukannya mengaut keuntungan besar untuk khidmat mereka. Walaupun begitu atas faktor keselamatan bagi bas yang telah mencapai had usia 30 tahun, semua pengusaha diwajibkan untuk membuat gantian kenderaan. Bagi tujuan untuk tidak membebankan pengusaha bas sekolah, dasar semasa SPAD membenarkan supaya kenderaan terpakai yang berusia tidak lebih daripada 20 tahun. Boleh dilesenkan sebagai bas sekolah sehingga genap usianya 30 tahun.

Oleh yang demikian, para pengusaha bas sekolah pada hakikatnya mempunyai pilihan sekiranya mereka tidak berkemampuan membeli kenderaan baru. SPAD juga telah mengadakan perbincangan dengan Persatuan Bas Sekolah Se-Malaysia dan persatuan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk membaiki pulih bas. Agar selaras dengan piawaian keselamatan antarabangsa yang telah ditetapkan. Juga bagi meringankan beban pengusaha persatuan telah bersetuju dengan cadangan SPAD untuk memberi kelulusan pembaharuan lesen selama satu tahun lagi sehingga akhir tahun 2012 kepada pemilik-pemilik bas yang berusia melebihi 20 tahun, 30 tahun. Bagi lesen bas sekolah yang akan tamat tempoh pada tahun ini.

Keputusan yang dicapai ini dapat memberi lebih masa kepada pengusaha untuk mendapatkan kenderaan gantian. Dalam tempoh lanjutan tersebut pengusaha dikehendaki membuat gantian kenderaan. Walau bagaimanapun sekiranya kenderaan gagal disiapkan sebelum tamat tempoh berkuat kuasa lesen tambahan satu tahun lagi akan diberikan kepada pengusaha. Walau apapun keputusan, ini adalah bersifat jangka pendek dan semua bas wajib menjalani dan mendapatkan kelulusan pemeriksaan Puspakom. Bagi memastikan fizikal kenderaan dalam keadaan baik, demi menjamin keselamatan anak-anak kita yang menaiki bas sekolah.

Dalam pembentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan komited untuk meningkatkan keselesaan dan kualiti perkhidmatan bas terutama di kawasan luar bandar. Sehubungan itu peruntukan tambahan RM150 juta akan disalurkan kepada Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di SME Bank. Bagi membolehkan pengusaha bas termasuk bas sekolah menikmati pinjaman mudah dengan kadar faedah 4 peratus untuk membeli atau membaiki pulih bas. Kemudahan pembiayaan ini akan disediakan mulai 1 Januari 2012.

SPAD tentunya melihat standard antarabangsa dan menjadikan negara luar sebagai rujukan. Seperti Singapura yang mengehadkan usia kenderaan bas sekolah kepada 20 tahun, kita 30 tahun dan Amerika Syarikat selama 15 tahun sahaja. Dalam pada itu SPAD juga sedang merangka untuk mentransformasikan sistem pengangkutan awam dan perlu melihat untuk jangka masa panjang.

Apabila kajian tersebut dijalankan kelak faktor-faktor seperti teknologi pembuatan kenderaan, keselamatan, kos operasi, pembiayaan kenderaan dan lain-lain yang berkaitan akan diambil kira bagi mewujudkan situasi menang-menang atau *win-win* di antara pengusaha bas sekolah, rakyat dan juga kerajaan. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada beberapa cadangan untuk membantu pengusaha bas sekolah dalam isu gantian kenderaan. Sama ada kerajaan bercadang untuk memberi lebih banyak insentif ataupun pelepasan cukai bagi pengimportan bas-bas sekolah ini ataupun membenarkan *recond school bus* supaya pengusaha-pengusaha dapat mengganti bas sekolah itu dengan menggunakan bas-bas yang diimport. Dengan insentif-insentif ataupun dengan *recond buses* yang masih boleh dioperasi selama mungkin 15 tahun sebab di negara-negara lain hadnya adalah 10 atau 15 tahun. Sekian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong. Mengenai pelepasan cukai itu cadangan yang baik. Mengenai bas *recond* saya telah menyebut tadi bahawa mana-mana bas sekolah, bas bukan bas sekolah yang berumur antara 20 tahun ke atas, sebelum umur 30 tahun. Masih boleh digunakan dan masih boleh dilesenkan sebagai bas sekolah. Jadi, tidak semestinya membeli bas baru. Seperkara yang saya ingin berkongsi di sini adalah, Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah dalam soalan yang saya jawab bersama dan juga Ahli Yang Berhormat Kuantan menyebut angkanya 25,000 buah bas sekolah. Saya ingin membetulkan angka itu. Angkanya cuma 15,000 buah bas sekolah dan yang terlibat berumur 30 tahun lebih ini cuma 1,800 daripada 15,000 iaitu kira-kira 12 peratus sahaja bukan 25,000 kesemuanya sekali.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya sokong penuh usaha kerajaan dalam menyokong pengusaha-pengusaha bas sekolah ini. Memang perlu dipertingkatkan terutamanya di kawasan-kawasan bandar kecil dan luar bandar. Saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, ramai pelajar kita di luar bandar kadang-kadang tidak boleh ke sekolah kerana tidak ada pengangkutan. Mereka keluarga miskin dan tidak ada bas sekolah bahkan kalau mereka hendak guna motosikal, mereka tidak ada lesen. Bahkan banyak kemalangan berlaku melibatkan pelajar-pelajar sekolah ini.

Saya hendak tanya kerajaan kalau kita serius untuk membantu pelajar luar bandar. Apakah kerajaan merancang untuk mewujudkan pengusaha-pengusaha bas sekolah di bandar-bandar kecil, di luar bandar yang tidak ada lagi pengangkutan ini? Maknanya kita adakan terus. Katakanlah, contoh kata di kawasan saya tidak ada, jadi berapa keperluan bas sekolah di kawasan saya? Jadi, pihak kementerian cadangkan terus dan kita lahirkan pengusaha-pengusaha ini dengan berikan kemudahan-kemudahan yang tertentu bagi mereka mengadakan kemudahan bas sekolah ini. Adakah perancangan kerajaan untuk demikian?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat Maran yang sentiasa memberikan cadangan-cadangan membina kepada kerajaan. Pengerusi SPAD, Ahli Parlimen Kota Tinggi ada berada di sini dan tentunya beliau mendengar cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Maran ini. Sebagaimana yang saya sebut tadi kerajaan telah mengumumkan satu peruntukan RM150 juta untuk memperbaiki kenderaan awam terutama bas di luar bandar.

Saya kira perkara ini boleh dimasukkan dalam program yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Perdana Menteri itu. Selain daripada itu kemungkinan kalau pengusaha individu tidak mengaut keuntungan yang besar terutama di kawasan luar bandar. Kemungkinan PIBG boleh dilibatkan sekali untuk menyediakan khidmat bas sekolah di kawasan luar bandar. Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan yang baik. Terima kasih.

■1130

9. **Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah jalan raya di kawasan luar bandar yang telah dinaik taraf, jalan luar bandar yang baru dibina dan jumlah jalan raya luar bandar yang akan dibina di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat Yang Berhormat daripada Lipis. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bermula pada tahun 2010 hingga tahun 2012, kerajaan menyasarkan untuk membina dan menaik taraf sepanjang 2,526 kilometer jalan luar bandar di seluruh negara. Sehingga bulan Oktober 2011, sepanjang 1,204.36 kilometer telah dibina dan dinaik taraf di seluruh negara. Manakala sepanjang 1,321.64 kilometer lagi sedang dan akan dibina di seluruh negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2012

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh satu bilion dua ratus empat puluh lapan juta sembilan ratus ribu ringgit (RM51,248,900,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2012, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 2011, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." **[12 Oktober 2011]**

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sebut dahulu, Yang Berhormat Bandar Kuching sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya ada usul tergepar untuk perbincangan atas penyiasatan agensi-agensi kerajaan luar negeri atas tuduhan rasuah Ketua Menteri Sarawak. Saya terima satu surat yang ditolak bahawa usul saya melanggar Peraturan Mesyuarat 23(1)(i).

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 23(1)(i) adalah mengenai pertanyaan-pertanyaan. Peraturan Mesyuarat 23(1)(i), *let me read*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Yang Berhormat, saya tahu perkara 23(1)(i) itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkara 23(1)(i) itu "*a question shall not be asked as to whether statements in the press or of private individuals or financial bodies are accurate*". Usul saya ini bukan satu pertanyaan, pertamanya. Kedua, saya bukan hendak tanya kebetulan *whether the reports are true* tetapi kerana ada begitu banyak laporan mengenai rasuah Ketua Menteri Sarawak dan penyiasatan telah diambil oleh kerajaan negara asing seperti Switzerland, Australia dan Germany.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu, ini telah mencemarkan nama baik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, saya tahu Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ingin pohon kepada Tuan Yang di-Pertua supaya membenarkan usul ini dibahas kerana ini adalah kesan yang amat buruk kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah panjang lebar, Yang Berhormat. Usul Yang Berhormat telah saya timbang sebelum saya jawab. Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: *Same point?*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hari ini dilaporkan di banyak surat khabar dan juga di *online news BERNAMA* bahawa semalam dalam ucapan Yang Berhormat Bayan Baru telah menghulurkan bahawa pohon agar sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina dibubarkan dan ditutup.

Saya difahamkan jika itu adalah benar, saya tidak dengar ucapan tersebut Tuan Yang di-Pertua tetapi saya telah pergi ke pejabat *Hansard* untuk mendapatkan ucapan tersebut dan saya difahamkan akan dibekalkan pada petang ini. Akan tetapi apa yang mustahak adalah berkaitan dengan satu yang bertentangan dengan order 36(10)(b) iaitu *seditionous words*. Kita ada perkara yang sedemikian juga telah dibangkitkan pada tahun 1978 oleh seorang Ahli Parlimen Kota Kinabalu, iaitu Mark Koding pada 11 Oktober 1978 iaitu lebih kurang 33 tahun dahulu. Beliau telah diheret ke mahkamah, dijatuhkan hukum. Mengenai perkara ini saya harap satu penyiasatan dibuat oleh pejabat Tuan Yang di-Pertua dan jika perlu laporan polis dibuat dan tindakan tegas diambil dalam perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. *I will think of that*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai respons kepada *point of order* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Ahli-ahli Yang Berhormat, Parlimen Kedua Belas ini sudah tiga tahun, enam bulan dalam hitungan saya dan belum pernah ada satu fatwa ataupun petua yang saya buat yang saya tarik balik berhubung dengan Peraturan Mesyuarat 18(1). Ini kerana setiap keputusan yang saya buat sama ada secara bertulis ataupun sewaktu berbahas adalah muktamad.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bandar Kuching iaitu usul di bawah Perkara 18(1) walaupun pada hakikatnya ialah mohon untuk soal ini dibincang, ia merupakan bukan pertanyaan di bawah perkara 23(1)(i). Akan tetapi dalam perkiraan saya adalah begini Yang Berhormat. Kita tidak boleh bermain dengan perkataan-perkataan seperti mendefinisi perkataan dalam mahkamah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 23(1)(o) juga tidak membenarkan untuk melempar tuduhan-tuduhan kepada sesiapa sahaja kalau tuduhan itu cuma merupakan tuduhan.

Kalau pula tuduhan itu dibuat kepada Ahli-ahli Parlimen sendiri, tuduhan yang tidak berasas kalau difikirkan ia berasas oleh seorang Ahli Yang Berhormat, mesti buat usul bersendirian.

Itu sebab saya tidak benarkan. Sebab kedua ialah bukannya ini Yang Berhormat sesi bajet. Apa pun Yang Berhormat boleh bangkitkan pada waktu berbahas peringkat dasar. Jadi saya tidak nampak kesegeraan. Saya tidak nampak apa-apa. Satu lagi untuk makluman Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa pihak-pihak agensi kerajaan yang berkenaan telah pun mengambil tindakan dan sedang menyiasat. Jadi itulah sebabnya Yang Berhormat, saya tidak benarkan untuk dibahas dan saya tolak dalam kamar. Terima kasih.

Untuk respons kepada *point of order* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, saya akan ambil maklum dan saya akan siasat perkara ini dan saya akan bertanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih. Yang Berhormat Silam, sila sambung hujah.

11.38 pg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Amat bersyukur dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi mewakili rakyat kawasan Parlimen P.188 – Silam. Saya mengambil ruang dan kesempatan ini untuk ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2012 baru-baru ini yang bertemakan Dasar Transformasi Nasional, "Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara".

Pada pandangan saya, secara keseluruhan bajet ini adalah bajet yang terkedepan kerana mengambil kira situasi ekonomi dunia semasa dan akan datang. Bajet yang seimbang dari segi aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan politik demi membela rakyat dan kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bajet sebanyak RM232.8 bilion merupakan jumlah besar yang menjayakan Pelan Transformasi Negara diyakini memberi impak secara terus kepada rakyat. Apabila kita melihat mengikut kajian yang telah dibuat oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, ketika ini setelah negara kita merdeka selama 54 tahun, penduduk miskin hanya berjumlah lebih kurang 40 peratus.

■1140

Namun yang menjadi persoalan saya ialah kita melihat lebih kurang 80 peratus daripada 40 peratus penduduk miskin tadi adalah terdiri daripada masyarakat bumiputera dan Melayu dan sudah tentu bajet ini akan cuba mengambil suatu inisiatif dan pendekatan bagaimana pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk mencerminkan bagaimana kerjasama dan kepentingan kolaborasi antara rakyat dengan pimpinan negara selaku pentadbir bagi mendepani kemelut ekonomi dunia.

Kalau kita lihat dari segi laporan kewangan antarabangsa dari segi pengurusan ekonomi dan kewangan negara ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah sebab dari segi rating, kita di antara masih dalam lima buah negara yang pengurusan kewangannya adalah gred 'A' selain daripada negara Taiwan, Australia dan termasuk juga negara kita jika dibandingkan dengan negara maju yang lain seperti Amerika dan beberapa buah negara Eropah yang sebelum ini dari segi laporan mereka adalah taraf 'A' tetapi telah diturunkan oleh sebab pengurusan yang tidak menyeluruh.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, dari segi beberapa aspek yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan bajet baru-baru ini dari segi pelaburan, bagaimana kalau dalam usaha untuk meliberalisasikan 17 sub sektor perkhidmatan yang kalau dari segi transformasi *economic program* yang ditekankan menjelang tahun 2020 terutamanya dalam bidang perkhidmatan, pendidikan dan pelancongan yang merupakan penyumbang utama dari segi pertumbuhan ekonomi negara. Saya mencadangkan kepada kerajaan juga dalam teras ini supaya jika terdapat dari segi kekurangan-kekurangan bagi membolehkan para pelabur datang ke negara kita ini dengan lebih mudah, saya berharap supaya diwujudkan suatu majlis yang lebih menumpukan kepada teras-teras utama tadi agar penekanan itu lebih terfokus dan kita mengetahui akan kepentingannya kepada pembangunan negara kita.

Kita melihat dari segi hasil mahsul negara kita memang tidak dinafikan kita di antara negara yang banyak mempunyai sumber asli yang perlu diurus tadbir dengan baik dan jika melibat pelaburan ini dapat ditadbir urus dengan baik, sudah tentu ia akan menjamin dari segi kesejahteraan pertumbuhan ekonomi negara kita yang perlu pada pandangan saya kita menekankan kepada pendekatan yang memang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet baru-baru ini iaitu mengimbangi kesemua aspek baik daripada luaran ataupun domestik terutamanya dari segi domestik kita melihat bagaimana kekuatan-kekuatan seperti negara Brazil, Rusia, India dan China yang sebenarnya menekankan kepada pertumbuhan domestik dan menekankan kepada perkembangan modal insan dalam negara tersebut yang telah banyak mendorong dari segi disiplin.

Kalau mengikut laporan daripada salah seorang pengkaji di negara kita ini Dr. Peter Lee yang mengatakan bahawa negara Malaysia juga adalah antara negara yang dari segi rakyatnya mempunyai sikap dan tabiat yang baik dari segi tabiat menabung dan kita antara negara Asia yang tergolong dalam kelompok yang mempunyai dari segi rakyatnya ada inisiatif untuk memastikan dari segi *saving for the future plan* ataupun aktiviti bagaimana boleh menampung di masa akan datang...

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Saya melihat ini bagaimana konsep yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri konsep *walk about* mesra kepada masyarakat dan kita melihat sendiri bagaimana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Maran bangun Yang Berhormat. Hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Maran?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Sila kawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Maran, ringkas sahaja Yang Berhormat. Kasihan Yang Berhormat Silam, panjang cerita.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Silam. Saya tertarik dengan hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Silam. Saya bersetuju Yang Berhormat Silam usaha kerajaan menggalakkan masyarakat menabung dan sebagainya dan ini dapat menyokong kemajuan ekonomi negara dan ini semua Yang Berhormat Silam, kerajaan dapat memajukan negara adalah hasil daripada keselamatan, kemakmuran dan pembangunan negara kita kerana kita tidak ada isu-isu besar, tidak ada pergaduhan, tidak ada peperangan, tidak ada malapetaka yang besar seperti sekarang ini berlaku di Thailand dan sebagainya.

Saya minta pandangan Yang Berhormat, kalaulah ada sebahagian daripada kita yang tidak berterima kasih dan cuba mencari jalan bagaimana menghasut rakyat, menimbulkan masalah dalam masyarakat, membuat porak-peranda dan sebagainya dan ini akhirnya esok akan menjejaskan keselamatan dan kemakmuran negara. Ini sudah boleh dilihat di negara-negara lain. Hari ini bukan sahaja mereka dahulunya kaya tetapi sekarang miskin papa kedana bahkan ramai rakyat mereka mati begitu sahaja.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat, apakah harapan Yang Berhormat supaya kita dapat mempertahankan ini semua dan kita menyeru kepada semua antara kita sama ada siapa sahaja yang berhasrat dan sebagainya untuk memerintah negara kita supaya memikirkan secara rasional. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih pandangan yang baik dan minta dimasukkan juga sebahagian daripada ucapan saya. Paling penting sebenarnya dalam pembentukan sesebuah negara yang merdeka ini kita perlu keluar daripada kepompong dari segi penjajahan dan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam Bajet 2012 merupakan suatu pendekatan bagaimana kita cuba tadbir negara ini mengikut acuan kita sendiri.

Kalau kita rujuk dalam buku yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat, perkhidmatan awam iaitu merencana dan menjangkau jangkaan untuk masa akan datang iaitu kita membuat suatu pendekatan cuba mengurus perbelanjaan negara kita ataupun perancangan apa pun yang berhubung kait dengan negara kita ini kita perlu tadbir mengikut kehendak kita sendiri dan sejarah telah membuktikan kepada kita bagaimana di Timur Tengah dan beberapa buah di Afrika.

Kita rasa sedih bagaimana masyarakatnya, kepimpinannya masih berada pada takuk lama walaupun barangkali terutamanya di negara-negara Afrika, mereka juga sebenarnya ada perancangan seperti *millennium development door*. Namun itu hanya dari segi kalau kita lihat di atas kertas, retorik perancangan sebenarnya nampak cantik tetapi dari segi pelaksanaan sebenarnya banyak perkara yang menghalang hambatan dari segi pembangunan dan pelaksanaan bajet atau perancangan pembangunan negara mereka.

Contohnya kalau kita melihat negara Mesir mungkin orang menegur, mengkritik bagaimana Husni Mubarak yang sebelum ini mentadbir negara Mesir sehingga *upraising too*, dengan izin, wujud berlaku disebabkan tidak kepuasan hati oleh rakyat dan masyarakat sebab dia nampak bagaimana kerajaan itu tidak mengambil tahu. Namun berlainan dengan konsep dan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional di negara Malaysia ini yang kita melihat sendiri bagaimana kerajaan berusaha untuk mendengar dan cuba memenuhi aspirasi masyarakat kita sebab kalau kita melihat bajet yang dibentangkan baru-baru ini sungguh luar biasa kepada kita semua sebab walaupun mungkin persepsi daripada rakan-rakan sebelah mungkin mereka ada perancangan sendiri dari segi bajet tetapi berdasarkan kepada fakta-fakta yang ada seperti pandangan yang diminta oleh Yang Berhormat Maran tadi.

Penting sekarang ini kita perlu memikirkan kalau negara Amerika contohnya Barack Obama dia berbincang dengan *law makers* dengan dia punya penggubal undang-undang-undang, dengan wakil rakyat, *Congressman* untuk memikirkan sesuatu bagaimana menyelamatkan negara mereka iaitu boleh mengasingkan perbezaan dan pandangan mereka untuk meluluskan suatu usul bajet bagi negara mereka untuk mengatasi masalah ekonomi yang mereka hadapi dalam jangka masa tertentu.

■1150

Di negara kita ini dengan persetujuan daripada pemimpin awal negara kita yang kita ini hidup berbilang kaum dan ini merupakan satu kekuatan, keunikan kepada kita semua. Biarlah nanti ini menjadi *benchmark, trademark* kepada bangsa Malaysia bahawa negara berbilang kaum yang terbaik dari segi pengurusan semua kaum tanpa menafikan mana-mana kaum, Malaysialah yang menjadi *role model*nya. Ini kita harap dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas membuktikan bagaimana kita punya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan cuba *occupied* semua, cuba memenuhi kehendak masyarakat semasa. *Of course there is some loopholes*, dengan izin. Ada beberapa mungkin kekurangan, tetapi kalau dilihat dari segi kekurangan yang sebenar, ia tidak begitu menjejaskan. Jadi kita berharap supaya pendekatan yang dibuat ini kita, contohnya meligat pelaburan, berusaha secara logik, secara fakta yang jelas untuk kita menjana pertumbuhan ekonomi negara kita.

Saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini sebab penekanan kepada ekonomi domestik ini perlu kepada kita semua, walaupun kita tahu bahawa abad ini dan menjelang abad akan datang bahawa pertumbuhan ekonomi ini akan bertumpu kepada negara Asia dan *South-East Asia*. Jadi ini perlu kepada kita semua untuk menjadikan ekonomi negara kita ini menjadi kukuh, kita perlu jana bagaimana kita kembangkan ekonomi domestik kita dari segi *delivery system* contohnya, kita perlu perbaiki.

Sebenarnya negara Malaysia ini kalau dibandingkan dengan negara yang lain dari segi pentadbiran, pengurusan, makluman semua yang ada di Dewan yang mulia ini, sebenarnya ada yang lebih baik daripada negara yang lain. So, kita perlu tadbir bantu kerajaan untuk memastikan segala pelaburan - sebagai contohnya, pembangunan wilayah. Saya mengucapkan jutaan terima kasih, syukur bagi pihak rakyat Silam sebab Yang Amat Berhormat sendiri pun memberikan peruntukan khas kepada Pembangunan Koridor di Pantai Timur Sabah terutamanya di Lahad Datu yang terdapat dalam Parlimen Silam. Dengan peruntukan ini, sudah tentu ia boleh menjana dari segi pembangunan ekonomi di luar bandar di kawasan zon Pantai Timur negeri Sabah.

Ini kerana kita tahu dari segi Lahad Datu dalam Parlimen Silam merupakan daerah yang keempat. Dari segi GDP pun, lebih kurang 1/3 sumbangan GDP negara ini datang daripada kawasan Parlimen Silam terutamanya daripada Lahad Datu. Apabila pembangunan kelapa sawit yang di sana juga ada FELDA. Kemudian saya mencadangkan juga kepada kerajaan sebab dalam sidang yang lepas saya mohon dan perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi pembinaan lapangan terbang baru di kawasan Parlimen Silam.

Ini kerana ia perlu kepada pelaksanaan supaya dari segi peruntukan yang diberikan kepada Pembangunan Koridor Lahad Datu, iaitu pertumbuhan aktiviti kelapa sawit sebab di sana ada FELDA. Ini saya sokong dan perlu dipercepatkan supaya dari segi penajaan pembangunan ekonomi yang lain seperti aktiviti pelancongan, *ecotourism* yang sekarang ini, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Musa, Ketua Menteri Sabah di atas kajian yang dibuat sekarang ini oleh kerajaan negeri dari segi perkembangan dan pertumbuhan pelancongan, *ecotourism* yang akan menjadi satu lagi aktiviti ekonomi Kerajaan Negeri Sabah yang akan dikembangkan di masa akan datang. Ini bersesuaian dengan kemudahan yang dimasukkan dalam perancangan kerajaan secara menyeluruh.

Kalau ada sesetengah pihak mengatakan bahawa pembangunan negeri Sabah dari segi beberapa aspek, kita nampak kekurangannya. Kita maklum, 13 buah negeri, bukan satu negeri sahaja yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kita bangunkan, untuk kita majukan. Sektor ini juga saya rasa kita melihat bagaimana dari segi peruntukan bekalan air luar bandar RM50 juta, walaupun barangkali kita berharap dari segi *rural transformation centre* yang akan diwujudkan. Saya di kawasan Parlimen Silam pun bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia yang saya cetuskan idea yang saya sebutkan sebagai PROSPER iaitu Program Pembangunan Luar Bandar, yang khusus kepada kawasan Parlimen saya ini bersesuaian dengan bajet negara yang dibentangkan baru-baru ini, iaitu menjelang tahun 2020 kita melihat bagaimana kawasan kampung di negara ini akan berubah mungkin dari segi wajahnya.

Namun, kita berharap dari segi kekuatan, keunikan yang ada di negara kita ini dari segi perancangan bandar, perancangan kampung itu perlu kepada aspirasi yang ada terbentuk dan terasas daripada negara kita itu sendiri dari segi kepelbagaian kaum terutamanya di negeri Sabah, kampung-kampung tradisi yang perlu mengambil kira semua etnik yang kita tadbir, yang kita urus sebab inilah kekuatan kita. Jangan kita jadikan kita datang daripada pelbagai latar belakang etnik ini menjadi satu kelemahan ataupun kekurangan kepada kita. Apa yang paling penting apabila kita melihat secara holistik, secara menyeluruh apa yang kita boleh peroleh daripada kekuatan ini. Ini kerana barang tentunya kekuatan ini dan masyarakat yang berbilang ini adalah menjadi satu aspek yang terbaik kepada kita untuk mencetus idea yang terbaik bagaimana kita urus kerajaan kita dengan baik, bagaimana kita *serve*, bagaimana kita hendak layan semua kehendak masyarakat kita supaya kita hidup aman makmur dan sebagainya.

Ini kerana perpaduan, keharmonian, hormat-menghormati di antara satu sama lain adalah satu kunci yang selama ini yang tanpa kita sedari, yang sudah kita layari bersama, kita pelihara bersama. Kita perlu melihat ini, jangan sampai sejarah-sejarah dahulu kala ketika bercakaran kepimpinan terutamanya Kesultanan Melayu Melaka barangkali, bagaimana pentadbiran, pengurusan yang tidak sekata yang akhirnya boleh membawa, mengundang kepada perpecahan dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka ketika itu.

Kita mahu melihat dalam pasca moden ini, kita mahu mentadbir dan mengurus keunikan negara bangsa Malaysia ini, kita datang daripada latar belakang yang berbilang kaum dan sudah tentu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin keunikan yang ada di Sabah dan Sarawak ini akan menjadi satu kekuatan. Seluruh iaitu tiga etnik utama di Semenanjung ini, masyarakat Melayu, Cina dan India ini kita perlu pelihara baik-baik supaya disesuaikan dengan kehendak.

Ini kerana kita melihat bagaimana dalam bajet, iaitu mempergiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebab kalau kita melihat contohnya negara Jerman di Eropah yang sekarang ini merupakan antara negara Eropah yang dari segi ekonominya kukuh walaupun mereka berhadapan dengan krisis ekonomi sekarang ini. Namun, Jerman masih menjadi negara peneraju utama dari segi aktiviti ekonomi di negara Eropah sebab kebergantungannya kepada perusahaan kecil dan sederhana yang merupakan lebih kurang 80 peratus menyumbang kepada peluang pekerjaan di negara tersebut.

Selain daripada itu juga, eksport barangan daripada Jerman semua daripada PKS ini. Kita di negara Malaysia ini, saya mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang memberi peluang lagi kepada perusahaan kecil dan sederhana ini, diberi peruntukan dan kita berharap supaya mereka ini dapat memanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Belajar bersungguh-sungguh, urus tadbir perusahaan itu dengan baik, jadikan bahawa kita sebenarnya, masyarakat Malaysia ini tidak kurangnya berbanding dengan masyarakat yang lain. Hanya kita perlu kepada penumpuan, perlu kepada disiplin supaya kita menjadi usahawan yang berjaya. Kita tidak boleh berusaha, terus sekelip mata kita boleh berjaya dalam segala-galanya. Kita mesti melalui proses yang sesuai.

Pada masa yang sama, saya berharap supaya perusahaan kecil dan sederhana ini secara fokusnya diberi juga keutamaan kepada negeri Sabah. Ini kerana kita melihat banyak aktiviti ekonomi yang boleh dimajukan di negeri Sabah, yang boleh memberikan keuntungan dan memberi cetusan peluang pekerjaan yang paling penting. Ini kerana sekarang ini kalau kita gagal, seperti di negara Amerika Syarikat sekarang ini, Barack Obama berhadapan dengan masalah bagaimana mencipta peluang pekerjaan itu sebenarnya, untuk *survive*, untuk *continuous their life*, dengan izin. Ini yang perlu.

Ini kerana kalau masyarakat ada transaksi aktiviti ekonomi, sudah tentu mereka akan berasa lapang dan mereka rasa bersyukur dan ini akan menyenangkan pihak kerajaan. Sekurang-kurangnya juga kalau kita tahu dari segi sektor kolar putih mungkin peluang pekerjaan ini terlalu terhad. Jadi, melalui PKS ini satu mekanisme yang terbaik untuk kita mencetuskan peluang pekerjaan itu dapat diperluaskan. Mungkin saya ingin mencadangkan di sini juga dalam PKS ini supaya wujudkan satu konsortium yang betul-betul fokus dan biarlah individu yang terlibat dalam konsortium itu, yang datang daripada *zero* yang memulakan PKS itu supaya ia dapat menghayati dan ada kekuatan untuk berusaha.

Kalau kita melihat Samsung, Daeyu, Hyundai, semua ini daripada syarikat yang kecil. KIA Motor, ketika dieksport ke negara-negara Eropah merupakan hanya dianggap sebagai sebuah komponen kereta yang tidak berdaya saing, tetapi lihat setelah beberapa puluh tahun, akhirnya sekarang ini dari segi seperti Samsung, kalau dari segi saiz untuk bahagian elektronik, dia yang terbesar di dunia. Memang tidak ada jalan singkat. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian yang berkaitan, yang bertanggungjawab ke atas PKS ini memikirkan satu mekanisme yang terbaik untuk menjadikan dia satu produk. Kita perlu fokus supaya kita boleh berjaya, supaya kita boleh menjadi negara maju. Kita memang perlu berhadapan dengan cabaran-cabaran yang kita hadapi dari semasa ke semasa.

Namun, kalau kita mempunyai inisiatif yang baik untuk memastikan dapat menyelesaikan masalah ini dengan *fund* yang disediakan oleh kerajaan ini, sudah tentu *insya-Allah* saya yakin dan pasti *small medium enterprise* ini akan berkembang dan menjadi penyumbang utama dari segi pertumbuhan ekonomi di negara kita.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh dari segi bajet mencerna kreativiti mencetus inovasi. Ini pada Bajet 2011 saya membahaskan dan mencadangkan kepada kerajaan, dan *alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih menekankan pentingnya *research and development* (R&D). Kalau mungkin di masa akan datang nanti saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengambil suatu inisiatif untuk mewujudkan bidang R&D di bawah Kementerian Sains dan Inovasi kah atau pun mewujudkan satu agensi atau kementerian baru yang menekankan kepada pembangunan R&D.

Kalau kita lihat, syarikat-syarikat besar seperti *Toyota* dan banyak lagi syarikat-syarikat *conglomerate* yang lain, yang menekankan kepada R&D ini sebab mereka mengetahui bagaimana kekuatan dan kelemahan mereka. Kalau kita lihat dahulu mungkin kita hanya mengenali *Nokia* atau pun *Motorola*, tetapi bagaimana kita melihat sekarang ini kekuatan *Samsung* itu sendiri dan perlu sebab *Samsung* itu sendiri melaburkan dengan sejumlah yang besar dari segi peruntukan dalam bidang *research and development* ini. Ini kerana mereka akan mengetahui dari segi kekuatan bagaimana mengkaji *behavior* aspek atau pun sikap setiap pengguna atau pun rakyat pada masa-masa tertentu. Bagi kita negara yang berbilang kaum ini, dengan kita memang sudah ada kekuatan ini, kita perlu kepada perkara ini untuk kita sama-sama membentuk suatu acuan yang mengikut aspek aspirasi negara kita sendiri.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan juga supaya mewujudkan Yayasan Inovasi seluruh negara Malaysia supaya di setiap negeri ini diwujudkan dan kita ada suatu mekanisme dan dijadikan satu-satu tabiat, ikutan ataupun cetusan setiap warga dan masyarakat Malaysia itu yang cinta atau pun suka kepada bidang inovasi. Ini kerana di sini kita tahu manusia mempunyai sikap yang sentiasa berubah-ubah. Jadi, mekanisme ini penting untuk bagi memastikan hak cipta dapat dijaga dengan baik supaya pencipta itu seperti yang dibahaskan oleh beberapa orang rakan dalam Dewan yang mulia ini, untuk tiba masanya sudah salah satu pra syarat untuk menjadi sebuah negara maju ini. Bidang industri reka cipta dan sebagainya ini juga satu profesion sebenarnya yang perlu kita ambil kira dan ambil berat supaya dalam bidang-bidang tersebut, individu yang berminat itu mereka boleh meneruskan lagi aktiviti dan karier-karier yang mereka buat. Kita berharap juga dengan penyediaan *Market Validation Fund* ini akan membantu aktiviti seumpama ini.

Kita berharap juga di masa akan datang dengan lebih kurang 300 harta intelek yang boleh dikomersialkan ini dapat dimasukkan atau dipatenkan supaya rakyat Malaysia itu tidak akan rasa terpercail atau pun tidak mahu meneruskan penciptaan ini. Ini kerana kalau mereka tidak ada suatu perlindungan atau pun tidak ada masa depan, sudah tentu Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak akan berminat dan saya menyokong inisiatif yang akan dibuat oleh kerajaan untuk menganjurkan *World Innovation Forum* ini di negara kita. Ini kerana apabila kerap ini berlaku, sudah tentu pelabur-pelabur daripada luar negara apabila mereka datang di negara kita ini, mereka akan nampak sendiri apa perkara yang mereka boleh labur dan melihat sendiri perkembangan-perkembangan yang akan dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak menyentuh dari segi sektor pendidikan iaitu mengenai tabung khas pembinaan penambahbaikan penyelenggaraan sekolah-sekolah. Apa yang ditekankan dalam bidang pendidikan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan yang memberi penekanan kepada pembangunan pendidikan. Sebagai sebuah negara yang baru melebihi usia 50 tahun, memang perlu kepada kita semua untuk memberi penekanan kepada bidang pendidikan ini sebagai suatu pra syarat untuk menjadi sebuah negara maju.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memberi penekanan yang lebih dalam bidang vokasional dan teknik sebab kemahiran atau pun keupayaan dari segi lepasan sekolah pun, anak-anak kita daripada lepasan SPM, STPM ada yang tidak boleh meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi disebabkan mungkin faktor kekangan kemiskinan dan sebagainya. Kalau ada pendidikan vokasional dan teknik ini secara meluas, sudah tentu anak-anak kita dan generasi akan datang, mereka tahu dari segi nilai diri yang ada pada diri mereka. Kalau sekadar hanya keputusan SPM dan STPM, mana-mana sekarang ini tempat kita mencari kerja atau pun kompeni pun, mereka tidak akan tawarkan. Ini kerana biasanya apabila kita ditemu duga itu, kita akan ditanya apa kemahiran yang kita ada. Kalau kita lihat negara-negara jiran kita seperti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ambil setengah minit, boleh?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Setengah minit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Silam. Saya hendak tanya dan mendapatkan penjelasan. Kerajaan telah buat macam-macam kursus kemahiran vokasional ini di bawah Kementerian Sumber Manusia dan dahulu pun ada suatu program yang mengeluarkan belanja banyak juga, ratus-ratus juta, untuk bekas siswazah yang tidak dapat kerja dan belum bekerja. Ada macam-macam kursus. Ada Yang Berhormat dapat maklum atau tidak, apa hasil daripada program-program yang dibuat oleh kerajaan? Ada penilaian atau tidak, atau bagaimana, dan duit itu habis begitu sahajakah atau bagaimana? Terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih. Soalan itu boleh masuk dalam ucapan dan minta pihak kementerian yang berkaitan dapat memberi jawapan yang sewajarnya sebab kita pun hendak melihat dari segi kemampuan dan keupayaan rakyat di negara ini terutamanya generasi muda dari segi peluang pekerjaan. Kita mahu supaya *vocational education* ini dapat dikembangkan sebab kita melihat negara-negara jiran kita seperti Thailand, Filipina, dan Indonesia yang sudah lama memberi penekanan kepada bidang tersebut yang melihat rakyatnya di mana juga mereka pergi, ke luar negarakah, mereka mampu mencari peluang pekerjaan untuk membantu diri mereka. Ini kita perlu memperluaskan dan memberi penekanan sebab saya nampak lepasan SPM dan STPM ini semakin ramai setiap tahun. Jadi ada baiknya supaya mereka...

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang mewujudkan Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Silam yang disebut sebagai Kolej Komuniti Lahad Datu. Kalau boleh nama itu Kolej Komuniti Parlimen Silam sebab itu lebih sesuai, lebih menyeluruh, dan saya berharap supaya pihak kementerian dapat menekankan dan memberi keluasan serta insentif yang terbaik kepada generasi muda.

Seterusnya yang terakhir yang saya ingin sentuh ialah dalam bidang alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya pun ada mengemukakan soalan tentang alam sekitar dan kita melihat perlu kepada kerajaan untuk memberi penekanan dari segi bagaimana kerajaan perlu berusaha dan saya menyokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini untuk mengujudkan *Word Environment Organization* sebab sudah bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan semasa sebab keadaan *climate change* yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Sebagai contohnya kalau kita lihat di kawasan DUN Tungku di kawasan Kampung Nala di dalam Parlimen saya, yang sebenarnya oleh sebab pantai yang terlampau panjang dan selama ini belum lagi ada kajian yang sewajarnya yang dibuat oleh pihak agensi-agensi dan kementerian yang berkaitan. Saya berharap dalam Bajet 2012 ini kementerian yang berkaitan supaya mengambil perhatian berat sebab Tuan Yang di-Pertua pun pernah melawat kawasan tersebut dan melihat sendiri keadaannya yang memang sangat tidak baik dan berbahaya. Kalau boleh, peruntukkan beberapa kemudahan-kemudahan yang ada di kawasan tersebut supaya diberi penekanan.

Saya berharap juga supaya pembangunan untuk kawasan luar bandar dapat diteruskan dari segi *delivery system*. Saya minta kepada kerajaan supaya dapat dipermudahkan sebab kita tidak mahu apabila semua rakyat berurusan yang akhirnya rakyat akan menyalahkan kerajaan jika sistem ini tidak diuruskan dengan baik. Ini kerana kita sangat berharap 1.2 juta perkhidmatan di negara ini, mereka ini menjadi *backbone* utama kepada kerajaan untuk memastikan dari segi perancangan dan pelaksanaan. Jadi kita berharap dilihat dari semasa ke semasa dan sentiasa diperbaiki supaya dapat membantu rakyat dan *stakeholders* yang berkaitan pun akan rasa lapang dan gembira.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2012 ini banyak yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memberi penekanan kepada belia untuk masa akan datang dan kita berharap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Lagi 30 saat Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada memberi kemudahan seperti futsal, saya berharap juga supaya kerajaan mengambil berat dari segi bagaimana membantu belia kita ini supaya mereka ada jati diri untuk menjadi generasi yang *insya-Allah* akan menjadi pemimpin di masa akan datang. Saya yakin dan pasti sesungguhnya Bajet 2012 ini adalah bajet yang terbaik kepada negara kita. Kita perlu bersama-sama menggembelng tenaga untuk memastikan dan merealisasikannya untuk membantu rakyat kita pada keseluruhannya. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

12.11 pagi.

Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi Bajet 2012 masih tidak beri banyak wang kepada pembangunan yang diperlukan di Sabah. Bajet yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri telah memberikan perbelanjaan operasi yang sangat tinggi iaitu 78 peratus daripada jumlah keseluruhan yang hanya 22 peratus untuk pembangunan. Ini telah menunjukkan bahawa pembangunan yang dijangka di Sabah pasti akan dikurangkan atau ditangguhkan. Perbelanjaan operasi yang tinggi adalah menunjukkan secara langsung bahawa kerajaan tidak berupaya di dalam meningkatkan ekonomi negara terutamanya di Sabah.

Pembangunan diperlukan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi serta untuk memenuhi keperluan rakyat di Sabah. Penambahan peruntukan yang mencukupi untuk Sabah, Sabah akan terus menghadapi kemiskinan dan akan ketinggalan lagi di belakang berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Ini dapat dilihat daripada peruntukan yang rendah diberikan kepada Sabah di bawah bajet ini untuk jalan dan jambatan. Kami hanya diberikan RM440 juta. Sejumlah RM20 juta untuk pengaliran dan RM570 juta untuk bekalan air kepada rumah luar dan tangki air hujan. Sejumlah RM380 juta untuk bekalan elektrik ke rumah-rumah luar bandar.

Peruntukan lain seperti mengatasi banjir Sabah, dan pangkalan air tidak diambil perhatian. Kerajaan Persekutuan bergantung sepenuhnya kepada pendapatan dari sektor minyak dan gas. Sabah adalah salah satu penyumbang yang tinggi dengan purata 40 peratus daripada jumlah keseluruhan. Jumlah peruntukan sekurang-kurangnya RM60 bilion setahun. Walaupun, Sabah menyumbang jumlah pendapatan yang tinggi untuk negara, kami masih kekal sebagai negeri yang miskin dengan kadar 16 peratus kemiskinan. Manakala semenanjung Malaysia adalah 2.3 peratus dan Sarawak ialah 4.3 peratus. Inilah sebabnya 42 peratus daripada kurungan kemiskinan di Malaysia berada di Sabah. Ia adalah satu kenyataan bahawa Sabah akan terus diketepikan. Isu-isu lain yang lebih mendesak seperti empangan Tambatuan sama ada empangan diperlukan dan ini telah mendapat bantahan yang keras demi orang-orang tempatan di Kota Belud.

Orang-orang membantah projek ini kerana kerosakan kepada kampung-kampung mereka, cara hidup, pendapatan, dan implikasi lain. Kajian ke atas empangan haruslah dibuat semula ataupun dibatalkan sama sekali.

Pandangan rakyat harus dihormati dan selain daripada itu, empangan adalah tidak diperlukan di kawasan itu. Penekanan haruslah diberi untuk membuang air yang berlebihan yang membanjiri ladang padi dan membakar air ke tempat yang lebih tinggi. Sawah padi perlu membiayai jalan yang baik. Jambatan, perparitan, pengaliran, dan bantuan kerajaan yang cukup untuk mengatasi keselamatan bekalan makanan di Sabah. Kami mengimport RM465 juta beras tiap-tiap tahun di Sabah. Ini bermakna kita membiayai keselamatan bekalan makanan yang sifar.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah pengeluar minyak dan gas yang besar. Akan tetapi, kami menggunakan minyak mahal. Apakah logiknya dan kini harga minyak mentah telah menurun menghampiri USD80? Mengapa kita masih membayar kadar yang tinggi? Kerajaan perlu memberi Sabah dan Sarawak kadar khas yang murah. Ini mesti dijalankan untuk menghormati orang-orang Malaysia Timur atas sumbangan mereka. Kemudahan perubatan dan pegawai perubatan adalah sangat kurang di Sabah. Mengapa Sabah ada kekurangan 2,000 orang doktor dan hospital perubatan ada 15 tahun ke belakang berbanding dengan negeri-negeri lain. Kekurangan *pharmacies* di klinik dan hospital telah menggarap Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengurangkan tempoh latihan kepada satu tahun. Apakah ini kerana penambahan pesakit? Hospital-hospital di Sabah memerlukan peningkatan dan terutama bagi klinik daerah luar bandar di mana mereka menghadapi sebab kekurangan yang serius. Klinik-klinik di luar bandar masih seperti di dalam era 70-an.

Mungkin Yang Berhormat Menteri sendiri boleh datang dan melawat keadaan semua klinik-klinik di luar bandar dan desa. Contoh tipikal ialah di Poliklinik NABAWAN yang sepatut dibina dan siap beberapa tahun yang lalu. Mengapa tapak klinik ini masih kosong dan di mana mesin X-ray yang dijanjikan? Koridor Sabah selepas bertahun-tahun diumumkan masih hanya seperti satu gambar yang indah di dinding. Apa yang telah berlaku dan mengapa tidak disebut dalam bajet ini? Adakah kerajaan tidak mampu untuk meneruskan koridor yang disiarkan? Rakyat mula merasai bahawa tiada *super corridor* kerana mereka hanya dapat melihat jalan yang buruk, parit yang rosak, dan kesesakan lalu lintas di Sabah. Kemudahan-kemudahan yang ada tidak dapat diperbaiki.

Oleh itu, kita perlu mengorganize sesuatu yang besar. Rakyat mempunyai mata untuk melihat sendiri dan mereka adalah berkemampuan untuk membuat keputusan sama ada kerajaan telah menjalankan tugas dengan baik atau tidak. Sejumlah RM500 untuk keluarga dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 dijangka akan menghadapi masalah ke atas siapa yang layak. Berapa banyak wang ini boleh benar-benar sampai ke tangan orang yang berhak? Skim Bantuan Orang Tua (BOT) menghadapi masalah yang sama dan masalah ini telah dibangkitkan di Sabah adalah diperhatikan bahawa masih tidak ada langkah yang positif dan pasti tentang cara untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada skim ini.

Untuk faedah bajet yang diberikan kepada pesara adalah tawaran yang tidak memuaskan. Mengapa pekerja awam menerima kenaikan antara 7 peratus hingga 13 peratus tetapi pesara-pesara hanya 2 peratus? Malah kenaikan mereka harus mengikut kata kenaikan sekurang-kurang 70 peratus. Ini adalah kerana pesara-pesara tidak mempunyai perbelanjaan tambahan untuk membeli makanan yang lebih baik dan ubat untuk menjaga kesihatan. Mereka menggesa kerajaan menimbang semula cadangan kenaikan ini. Apa yang membimbangkan adalah kadar warga asing yang mendapat identiti Malaysia dan membimbangkan semua rakyat Sabah. Pada bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini terdapat seramai 91,190 orang asing telah diberi MyKad dan 7,323 orang telah diberi MyPR.

■1220

Adakah kita menambah rakyat Malaysia dengan mengimport orang dari luar? Jawapan Menteri menyatakan, orang-orang ini adalah termasuk orang-orang dari Filipina dan Indonesia.

Ini benar-benar kes salah guna kuasa dan mengapa begitu banyak orang Cina di Sabah yang masih memegang kad merah tidak boleh mendapatkan warganegara Malaysia, jika kadar meluluskan orang asing untuk menjadi warganegara Malaysia. Tidak lama lagi orang tulen Sabah dan bumiputera Sabah akan menjadi orang asing di tanah sendiri. Kita mahu kerajaan untuk menghentikan. Terdapat kes yang serius terutama di Sabah iaitu pengedaran wang haram, pengurup wang, pengiriman wang haram dan penipuan yang melibatkan RM300 juta dan 40,000 orang sebagai mangsa.

Orang-orang ini mendakwa wang mereka telah ditipu oleh syarikat-syarikat yang membiayai pendaftaran dengan pihak berkuasa. Orang-orang berkata, ketuanya telah hilang dan wang mereka telah ditipu, kes ini dipercayai menjadi salah satu skim *Forex* dan penipuan yang melibatkan di peringkat antarabangsa. Kes ini bermula di New Zealand, yang mana polis mereka telah bertindak dan mengadakan penyiasatan, kemudian seluruh operasi dipindahkan ke Hong Kong. Sehingga ke hari ini tidak ada cara untuk menghubungi mereka. Mangsa-mangsa di Sabah telah membuat banyak laporan polis dan melaporkan kes ini kepada Bank Negara tetapi tidak ada berita dan maklum balas buat setakat ini. Dalam beribu-ribu mangsa dan jumlah wang besar yang hilang, saya menyeru kepada Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dengan serta-merta menyiasat kes ini. Dokumen-dokumen ada di dalam tangan saya, jika dikehendaki saya boleh serahkan.

Bagi Sabah, saya meminta bajet ini dikaji semula dan memperuntukkan lebih banyak wang untuk Sabah. Membantu kekurangan dalam pembangunan untuk memperbaiki *infrastructure* yang buruk, untuk menaiktarafkan kemudahan perubatan dan tenaga manusia, untuk membasmu kemiskinan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi untuk memberikan koridor – tempatan bahagian kerja yang saksama di bawah kontrak Persekutuan, diselesaikan masalah PTI, untuk memberi lebih banyak pembangunan luar bandar. Bagi keselamatan bekalan makanan dan memastikan keselamatan kepada semua rakyat Sabah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tangga Batu.

12.23 tgh.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bersama-sama dalam perbincangan bajet pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang membentangkan bajet pada hari Jumaat yang lepas. Kalau kita amat-amati ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dimulakan dengan makna sepotong ayat al-Quran dalam Surah Quraish yang diulang siarannya oleh Yang Berhormat daripada Marang... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "Tuhan memerintahkan kita untuk menyembah pemilik rumah Allah iaitu Kaabah." Secara jelas di sana menunjukkan kepada kita kegiatan kemanusiaan di dalam dunia ini yang membawa kepada ketenteraman, keamanan memahami konsep kehidupan.

Pertama, untuk kita menyembah Tuhan yang memberi rezeki kepada manusia yang lapar... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Yang mendatangkan rasa aman, tenteram dan selamat jauh daripada sebarang ketakutan. Semangat yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini jelas menunjukkan bahawa dalam kaedah kerajaan mentadbir dan mengurus negeri yang penuh dengan masalah had kehidupan ini, meletakkan Islam sebagai yang tertinggi dan tiada barang yang lebih tinggi dari nya... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Islam sebagai pengurus dan pentadbir diplomatik yang paling cekap, yang paling berkesan, yang diberikan teladannya, ditunjukkan jalannya Rasulullah SAW melalui sunah Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya semangat yang di bawah ini... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Niatnya kerana Allah SWT untuk melihat bangsa dan negara ini supaya berada di dalam kedudukan baik di masa hadapan berbanding dengan masa-masa yang lalu.

Rasulullah SAW juga mengkategorikan mereka yang hari hadapannya lebih baik daripada masa yang lampau adalah sebagai kumpulan orang-orang yang beruntung, orang-orang yang boleh menjanjikan hari muka mereka lebih baik, lebih sempurna berbanding dengan masa yang lalu. Kalau mereka sama sahaja di masa hadapan dengan yang lalu, Rasulullah SAW mengkategorikan orang ini pula sebagai rugi. Lebih buruk lagi kalau hari esok lebih teruk daripada hari ini, kita semua digolongkan oleh Allah SWT sebagai kumpulan orang yang dilaknatinya... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] Nauzubillahiminzalik..*

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar pada setiap tahun, saban tahun kerajaan membentangkan bajet melalui Kementerian Kewangan meletakkan sasaran-sasaran yang lebih baik. Tidak ada satu tahun pun yang kita dengar bajet ini lebih kurang baik daripada tahun yang lalu, ini sebagai tanda penambahbaikan yang berterusan, *continuous improvement* kerana kita tidak ada pilihan lagi. Tuan Yang di-Pertua, jalan kita hanya ke hadapan dan menuju ke atas kerana akhirnya semua jari akan menuding kepada kerajaan jika suasana yang berlaku tidak menampakkan ada penambahbaikan berterusan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibentangkan pada hari ini, ada sesetengah pihak menampakkan seolah-olah ia sebagai terlalu baik sehingga sanggup menuding jari mengatakan bajet ini di ciplak, bajet ini ditiru. Persoalannya siapa yang membentangkannya, siapa yang bakal melaksanakannya? Oh! Dia tengah *floor* ini Yang Berhormat Kinabatangan, tidak apa kita bagi juga, lepas ini nampaknya ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mungkin akan berbeza...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tangga Batu sedikit sahaja. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa mendengar hujah Yang Berhormat bahawa kerajaan yang ada ini merupakan kerajaan yang mendapat petunjuk daripada..., sehingga boleh memikirkan soal-soal masa hadapan anak bangsanya dan memberikan sesuatu yang diminta oleh rakyat. Ini pada saya adalah merupakan satu kerajaan yang betul-betul pragmatik sanggup mengorbankan sesuatu yang ada kepentingan untuk keselamatan negara tetapi memberi ruang yang luas kepada rakyat, minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nanti jadi forum agama pula Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi apa pun kalau kita memahami konsep '*Rahmaan*' dan konsep '*Rahiim*,' *insya-Allah* apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

■1230

Kalau kita sertakan dengan... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, kita bekerja kuat, berazam dan berdoa kepada Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, berdoa kepada Allah SWT, Allah SWT akan makbulkan doa kita daripada segenap sudut, datang inisiatif, niat yang baik, bertolong-tolong pada kebajikan. Ini pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan jangan kita membantu pada kejahatan. *Insya-Allah*, hidayah Allah SWT akan sampai dan jalan itu terbuka kepada kita.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini di luar kawalan kita. *It is not within our control.*

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sama ada Tuhan hendak beri atau tidak, *it is not within our control* tetapi prosesnya, kaedahnya - Nanti sekejap.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Tangga Batu, boleh? Sebab... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* tadi ini.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nanti sekejap. Ya, bertolong-tolong pada kebajikan.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya. Yang itu yang sedap. Hendak mencelah sedikit boleh?

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak mencelah untuk kebaikan, okey.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Membaca sepotong ayat al-Quran].*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bertolong-tolong untuk kebaikan... *[Ketawa].*

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Membaca sepotong ayat al-Quran].*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bertolong-tolong, bersama.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Boleh sedikit, ya?

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh. Boleh.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Cuma begini sebab Yang Berhormat Tangga Batu ini pengerusi perumahan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nantilah dahulu. Itu sekejap lagi.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tidak mengapa. Akan tetapi saya masuk sebab nampak sangat tidak ada keadilan di dalam hal ini. Bercakap soal niat, bercakap soal masalah, bercakap soal... Akan tetapi, apabila Syarikat Perumahan Negara Berhad ini beri kepada kroni-kroni sahaja. Jadi, ini nampak sangatlah ketidakadilan ini. Kalau cop Ahli Parlimen Kuala Kedah pasti sudah Rumah Mesra Rakyat tidak dapat.

Seorang Ahli: Betul. Betul.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya. Yang Berhormat Shah Alam nanti sekejap. Sabar dahulu. Yang Berhormat Shah Alam ini dia lain. Saya jawab Yang Berhormat Kuala Kedah... *[Ketawa]* Bertolong-tolong.

Dalam wilayah pengaruh kami sedar tanggungjawab, kami sedar bahawa keputusannya nanti akan diletakkan nanti di atas bahu kami dan saya tidak mencampuri. Saya tahu Kerajaan Persekutuan pun tidak mencampuri urusan Kerajaan Negeri Kelantan, urusan Kerajaan Negeri Selangor, urusan Kerajaan Negeri Kedah dengan pelbagai label diberikan; Husam Putera, Kedah Putera, apa semua Bas Putera. Apa yang disebutkan, kita tidak campur urusan tersebut. Yang pastinya kita tahu tanggungjawab dan peranan kita ini akan dipersoalkan kemudian. Kita tahu kalau rakyat tidak berpuas hati, jari akan menuding kembali kepada kita dan pilihan raya nanti akan menjadi mahkamah.

Setakat hari ini, kalau kita berprestasi pada kehendak dan piawaian yang dikehendaki oleh rakyat, menepati kehendak mereka, saya yakin dan percaya, apa juga bentuk pulangan atau ganjaran akan dipulangkan kepada mereka yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Yes, Yang Berhormat 'Alam Shah'...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat 'Batu Tangga'. Saya setuju bahawa dalam semua amalan, soal niat ini adalah yang terpenting tetapi sebenarnya niat ini memang saya rasa Yang Berhormat Tangga Batu pun akan setuju ia bukan merupakan satu perkara yang kita boleh nilai dan kita boleh tahu. Apa yang kita dapat dan apa yang kita dapat lakukan ialah kita hendak kena menghukum berdasarkan benda yang zahir. Bukan benda yang tersirat di dalam hati.

Di sinilah yang kita persoalkan sekiranya itulah apa yang diinginkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Maka mengapa persoalan hutang negara yang semakin meningkat dipandang remeh sehingga ada di pihak-pihak yang tertentu menganggap bahawa ini perkara biasa.

Jumlah 53 peratus GDP adalah satu perkara yang dianggap sebagai *prudent* sedangkan kita tahu 60 peratus sudah dianggap sebagai satu perkara yang cukup berbahaya. Kiranya kerajaan adalah kerajaan yang bertanggungjawab yang ingin mentadbir dan menguruskan harta negara ini dengan cara yang baik, maka mengapa Kelantan terus dipinggirkan dan terus dianaktirikan, tidak diberikan hak royalti seperti mana yang sepatutnya dan sebagainya.

Kita melihat bagaimana jurang pendapatan dan kekayaan di negara masih merupakan satu masalah yang besar. Inilah pengukuran-pengukuran. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu. Semua sudah menang pilihan raya, pilihan raya semua menang tetapi cubalah, berilah akses yang adil kepada media. Biar rakyat semua dengar hujah-hujah dan selepas itu, biarlah rakyat pilih. Ini semua media, semua 'dok' pro Barisan Nasional sahaja. Rakyat hendak memilih berdasarkan apa?...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam sudah berucap atau belum?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Maklumat yang telah pun diselewengkan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini amanah. Ini yang dikatakan amanah.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Shah Alam sudah berucap atau belum?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Belum lagi. Ini mukadimah sahaja.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Simpan dahulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat 'Batu Tangga'.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itulah kehebatan Yang Berhormat Shah Alam. Dalam satu tangan menolak di dalam kawalan akan niat kerana niat ini cukup *complicated* untuk kita bahaskan. Akan tetapi dalam tangan yang lain dia mengetahui yang tersirat. Wah! Cukup hebat dia. Satu tangan dia kata niat ini bukan di dalam kawalan kita tetapi di sebelah sini dia tahu apa yang tersirat yang dibuat oleh kerajaan. Cukup hebat Yang Berhormat Shah Alam. *Flip-flop*. Dahulu Islam, dahulu membangun bersama Islam. Kini berkebakikan. Masa hadapan, tidak tahu apa dia.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Islam bukan kebajikan kah. Aku ingat...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Allahu Akbar*. Tidak konsisten. Langsung tidak istiqamah, tidak ada *consistency* yang di mana boleh dapat sokongan lebih, di situ dia pergi... [Ketawa] Oh! Berat. Berat. Cukup, cukup Tuan Yang di-Pertua. Ini langgar peraturan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Islam Hadhari apa macam?... [Ketawa]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita bercakap dalam konteks bagaimana kita berada hari ini lebih baik dari dahulu. Pembelaan agama, bangsa dan negara, mempertahankan kemerdekaan. Itu perbualan kita dari hari pertama merdeka sehingga ke hari ini. Akan tetapi mereka berubah ikut keadaan. Sesumpah, kameleon. Kalau kena hijau, hijau. Kalau kena merah, merah. Tidak tahulah. Mungkin pasal ketua dia dahulu merah, sekarang sudah hijau campur biru muda, saya tidak tahulah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Akan tetapi, apa-apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya janji...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Tangga Batu, sedikit sahaja.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena. Sudah tiga saya beri. Tadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Orang lain bercakap tidak ada orang kacau pun. Saya berdiri pula bercakap ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasal hebat. Penghormatan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jadi, bila tambah Yang Berhormat Pokok Sena, jadi hebat lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penghormatan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Pokok Sena boleh janji dengan saya? Saya ada lagi satu minit lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja. Setengah saat sahaja.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Janji setengah saat?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Setengah saat... [Ketawa]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah habis setengah saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya mintalah *intervention* itu ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua pasal hari ini mesti lebih baik daripada semalam. Itu satu hujah yang cukup baik. Sepatutnya daripada Timbalan Menteri patut jadi Menteriilah. Bukan balik pada Ahli Parlimen biasa... [Ketawa]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu tidak menyakitkan. Agak-agak Yang Berhormat Pokok Sena lihat di mana saya lebih baik? Di sana baik atau di sini lebih baik?... [Disampuk] Di sini lebih baik. Itu maknanya hari ini lebih baik daripada semalam. Tuan Yang di-Pertua, apa pun itu tidak menjadi halangan pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Tidak mengapa Yang Berhormat. Berucap kepada saya Yang Berhormat... [Ketawa]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh layan dia. Layan, entah ke mana saya pergi. Apa pun bajet yang berada di hadapan kita ini masih lagi di dalam satu kaedah untuk menerima pandangan serta ulasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan yang dinamik, kerajaan yang progresif akan menerima sebarang bentuk teguran dalam satu pemikiran yang terbuka. Sebagai contoh, pada tahun lepas Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan tentang satu skim pembiayaan perumahan yang amat menarik minat kumpulan orang-orang muda terutamanya skim ini ditawarkan kepada kumpulan muda yang berumur di bawah 35 tahun yang belum pernah memiliki rumah, yang pendapatan individu kurang daripada RM3,000.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada ketika itu ialah kebanyakan rumah-rumah yang ditawarkan hanyalah berada di sekitar kawasan-kawasan bandar. Di mana kekangan di sana sebenarnya ialah di kawasan bandar amat jarang kita dapati rumah yang berharga kurang daripada RM220,000. Maka, satu pendekatan baru yang dibawa oleh kerajaan ialah mengadakan kumpulan-kumpulan untuk mendengar maklum balas, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *market service recovery committee*, yang mana di dalam proses pemulihan ini, saya dapati kerajaan sedang mendengar dan telah pun mengambil tindakan suara kumpulan orang muda yang belum memiliki rumah yang bekerja dengan pihak swasta ini yang mengatakan tidak boleh didapati rumah-rumah yang berharga di bawah RM220,000 di dalam bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Butterworth, Alor Setar dan sebagainya.

Akhirnya telah membawa kerajaan pada satu keputusan yang cukup kita..., pandang besar jiwanya ialah harga rumah RM220,000 itu telah pun diangkat, bukan rumah berharga RM220,000 itu hadnya telah pun diangkat kepada RM400,000. Di mana di sini saya telah dapati bahawa telah dapat banyak pertanyaan daripada kumpulan orang-orang muda ini untuk memiliki rumah.

■1240

Peluang mereka bertambah untuk memiliki rumah di kawasan-kawasan bandar yang mana kali ini had pendapatan seisi rumah telah pun ditingkatkan dari RM3,000 ke RM6,000.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kita pada sesi yang lepas ialah permohonan kepada Skim Rumah Pertamaku ini melimpah ruah masuk ke agensi-agensi perumahan negara bertanyakan bilakah skim ini boleh dimulakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac tetapi pada bulan Januari kumpulan-kumpulan sasaran ini telah mula bertanya seperti kita buka empangan *opening a floodgate* datang beramai-ramai bertanyakan. Pada kali ini saya mengharapkan kepada agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbir skim yang amat mulia niatnya ini untuk memberi peluang pemilikan rumah kepada orang-orang muda untuk segera memulakan penawaran Skim Rumah Pertamaku ini bermula dari bulan Januari. Saya percaya sekarang telah ada permohonan-permohonan daripada kumpulan-kumpulan yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bawa di sini ialah tentang Program Rumah Mesra Rakyat yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak 10,000 unit di mana di dalam program ini kerajaan telah menyediakan subsidi sejumlah RM200 juta. Sejarah Syarikat Perumahan Negara Berhad sebuah agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk membina rumah mesra rakyat ini yang bermula dengan program pembangunan perumahan nelayan dengan nilai pada ketika itu RM45,000. Kos binaannya sebanyak RM45,000 telah menarik perhatian kepada kumpulan-kumpulan sasaran lain yang memiliki sebidang tanah yang besar dan tiada pembangunan di dalamnya dan telah pun diberi peluang oleh kerajaan untuk mereka membina rumah dengan syarat mereka tidak pernah mempunyai rumah. Kedua, syaratnya pendapatan kurang daripada RM1,500 dan yang ketiga mereka perlu meletakkan bidang tanah itu sebagai cagar kepada pembayaran bulanan yang hanya bernilai sebanyak RM150 sebulan. Ia telah menarik permohonan daripada pelbagai pihak yang telah membawa kepada 42,000 permohonan.

Program ini benar-benar berada dekat di hati kumpulan rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kebanyakan kumpulan sasaran tidak menyedari bahawa dengan nilai RM65,000 itu kerajaan telah membina rumah tanpa mengambil kira faedah kepada skim pembiayaan yang dinikmati oleh pembeli-pembeli. Jika diambil kira faedah, Tuan Yang di-Pertua, dengan nilai 4 peratus atau 4.5 peratus harga rumah tersebut yang terpaksa dibayar oleh pembeli-pembeli ataupun pemilik-pemilik akan meningkat dari RM120,000 ke RM140,000 serumah. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di sana kerajaan bukan membiayai 30 peratus subsidi ataupun RM20,000 daripada nilai rumah tersebut. Kerajaan sebenarnya membiayai lebih daripada itu.

Di sinilah yang saya katakan amat jarang kita lihat. Kita menerima pelbagai pelawat yang ingin melawat skim-skim perumahan sama ada di bawah Jabatan Perumahan, di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sama ada di bawah Kementerian Luar Bandar, di bawah agensi FELDA dan FELCRA yang banyak membina rumah-rumah. Pengerusinya ada di sini. Skim-skim ini dipelopori oleh kerajaan di bawah agensi-agensi dan tidak pernah dilakukan oleh negara-negara lain di dunia. Kita menerima pelawat-pelawat daripada sesetengah negara maju seperti Korea, Taiwan dan sebagainya yang ingin mempelajari bagaimana kerajaan menyampaikan perkhidmatan ini kepada rakyatnya yang menghadapi kekangan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya skim-skim perumahan ini disediakan sebuah dana yang lebih khusus yang bukan sahaja memantau dari segi pembangunan rumah-rumah ini secara melalui agensinya tetapi dipantau oleh kerajaan secara langsung di dalam konteks perancangan, pembangunan dan juga kumpulan-kumpulan sasaran yang bakal menikmatinya. Satu jawatankuasa perlu diadakan memandangkan rakyat pada hari ini bukan sahaja mereka memerlukan kediaman tetapi mereka memerlukan kediaman yang lebih berkualiti.

Saya percaya agensi-agensi yang telah dibina oleh kerajaan walaupun mendapat tohmahan dari beberapa pihak seperti 1MDB, PRIMA dan juga beberapa agensi lain yang dibina yang mempunyai peranan dan tanggungjawab di dalam ruang lingkup mereka. Umpamanya Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Tugas dan peranannya adalah membina rumah-rumah yang di atas harga RM400,000 hingga ke RM600,000 yang terletak di dalam kawasan pusat-pusat bandar yang mana peranan ini tidak lagi dimainkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad adalah agensi yang membina rumah-rumah di luar bandar untuk keperluan kumpulan-kumpulan sasaran yang berpendapatan di bawah RM1,500.

Peranan yang berbeza, tanggungjawab yang berbeza, mempunyai ruang lingkup yang berbeza adalah salah satu daripada hasrat kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan dengan cekap, berkesan dan sampai kepada kumpulan sasaran. Saya percaya kaedah *segmentation* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memang digunakan oleh banyak organisasi-organisasi dalam usaha untuk mengukur secara cepat dan tepat pencapaian yang dilakukan oleh kerajaan. Yang membawa saya kepada satu lagi tajuk yang amat penting Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana hari ini *mood* di luar sana dalam kaedah menunggu-nunggu bagaimanakah kerajaan akan menyampaikan segala apa yang telah dibentangkan di dalam belanjawan ini secara tepat, cepat dan berkat. Berkat, tepat dan cepat. Mereka juga ingin mengetahui proses bagaimana kerajaan menyampaikan polisi-polisi yang telah diperbincangkan supaya tidak akan ada pertikaian nilai kesampaian tersebut adalah bertepatan dengan apa yang telah dijanjikan. Dalam usaha kerajaan – perkataan ini saya dengar dan sedap digunakan, “memperkecepat perkhidmatan awam.” Saya percaya “memperkecepat perkhidmatan awam” ini membawa maksud segala yang dijanjikan itu sampai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini ada dalam Dewan Bahasa Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: “Memperkecepat” memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya belajar jugalah hari ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang bermaksud *to expedite*, mempercepatkan. Senanglah bahasa kampung Tuan Yang di-Pertua, bila kita kata sekejap, sekejap. Sekejap itu kadang-kadang berbeza-beza. Kalau ada di sebuah negara Tuan Yang di-Pertua pun pernah bersama – *two minutes Sir! Two minutes* itu maknanya setengah jam. *Coming Sir! Coming Sir* itu maknanya 15 minit. *Anytime Sir!* Maknanya sepuluh minit. Lebih kurang macam itulah. Jadi kita kena...

■1250

Dato’ Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada lagi satu istilah Yang Berhormat, ‘*on the way*’.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Ketawa]

Dato’ Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Tangga Batu, boleh sikit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *On the way* itu akhirnya jadi *underwear* lah... [Ketawa]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja soal ketepatan dan juga masa yang sesuai untuk kita agihkan kepada rakyat tetapi rakyat juga memerlukan keutamaan dalam kerajaan melaksanakan janjinya. Sebagai contoh, mulai tahun hadapan sekolah akan buka, ini bermakna keutamaan yang harus diberikan oleh kerajaan ialah melunaskan bantuan-bantuan persekolahan sama ada kepada sekolah rendah yang kita peruntukkan RM1 seorang termasuk juga sekolah menengah. Ini meliputi juga baucar pembelian buku di institusi pengajian tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya bersetuju Yang Berhormat, bila sebut kejap tadi itu, itu sebab saya kata tadi ia kecepatan, ketepatan dan keberkatan. Semua ada itu berkat, cepat, tepat. Maknanya dalam itu semua ada bila mereka menerima dan yang pasti penerimaan itu tidak ada sebarang pertikaian selepasnya. Akan tetapi apa pun Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin bawa ini ialah bagaimana agensi kerajaan selepas ini terpaksa menggarap segala tindakan, usaha, merancang, merencana, menggariskan pelan-pelan tindakan dan dalam penggarisan itu perkara yang paling penting ialah pengukuran kepada tahap pencapaian sesuatu perkhidmatan yang telah dijanjikan. Saya lihat apa yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, laluan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Selaku Menteri Kewangan ini, jika tidak disambut...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap ya Yang Berhormat Kota Raja, nanti saya bagi *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Istilah itu 'memperkejakan', orang Kedah sudah lama menggunakan istilah 'kejab'. Misalnya kalau tin itu kita tutup bagi 'kejab' supaya tidak masuk angin. Jadi di sini 'kejab' mungkin bermakna supaya mengurangkan ketirisan dan kebocoran.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Orang Kedah, orang Melaka, orang Malaysia kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang Yang Berhormat Kota Raja sebut tadi, Yang Berhormat Kota Raja faham saya sebut itu, saya kata, berkat, tepat, cepat, berkat itu ketirisanlah itu, keberkatan, kecepatan dan ketepatan. Jadi Yang Berhormat Kota Raja kena faham, jangan perhati dari sudut, jangan 'usha' dari sudut yang sempit, biar besar sikit, buka sikit fikiran, *inclusive* kan sikit.

Beberapa Ahli: 'Usha' itu apa?

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak tau apa dia, 'usha' tengok kot. Jadi harapan saya supaya pihak kerajaan, agensinya mengatur segala rencana ini secara cekap, jangan kita tinggal kerana apa yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan ini memerlukan sokongan dalam bentuk tindakan bukan hanya bercakap, memberi penjelasan dan sebagainya. Lebih baik kita kurang bercakap, biarlah yang bercakap ini Ahli-ahli Parlimen sahaja, yang bekerja kita bersama kerana saya yakin dan percaya kejayaan penyampaian perkhidmatan ini bergantung langsung kepada kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu minit. Saya tertarik dengan mempergiatkan inovasi. Dalam kaedah bajet menyebut 'mencerna kreativiti dan mencetus inovasi'. Saya suka menarik perhatian Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tentang Program Jejak Inovasi untuk menggalakkan pencetusan idea-idea baru.

Di sana Tuan Yang di-Pertua, gerakan telah dilangsungkan oleh Kementerian dan saya percaya Kementerian melihat dalam kaedah bagaimana inovasi ini berlaku secara *bottom top*, dari bawah ke atas. Jadi harapan saya jangan Kementerian lupa bahawa yang penting di sana adalah *mobilization* dan juga *commercialization*. Kalau inovasi itu ditinggalkan demikian, ia tergantung. Jadi harapan saya, Kementerian memberikan satu perhatian kepada memperdagangkan produk-produk inovasi ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Kementerian pada hari ini boleh menjumudkan. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu boleh menjumudkan peranan R&D&C itu kepada setiap masing-masing Kementerian. Masing-masing Kementerian ada 28 Kementerian, setiap 28 Kementerian itu seharusnya mempunyai bahagian yang bertanggungjawab tentang *research, development and commercialization*. Kalau kita bergerak ke arah itu, maknanya kita satu langkah lebih baik daripada masa-masa yang lalu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya terpaksa bagi Yang Berhormat Klang sebab dia berdiri daripada semalam. Lagi pun saya maklumkan, sehingga peringkat ini 18 daripada Barisan Nasional sudah berucap; PKR – enam orang; DAP – lima orang; PAS – lima orang; SAPP – seorang; BEBAS – dua orang. DAP ada 29 ahli sementara PKR dan PAS ada 23 ahli dalam Dewan masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Klang.

12.56 tgh.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbincang beberapa isu pada pandangan saya kritikal berkait dengan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lalu.

Saya ada sembilan isu yang hendak dibangkitkan. Isu pertama ialah anggaran pelaburan langsung asing yang mengelirukan, *misleading FDI figures*. Sebenarnya dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, anggaran pelaburan langsung dikatakan tertinggi di Asia, Malaysia telah menerima pertumbuhan yang tertinggi di Asia. Akan tetapi pada pandangan saya, bila saya ambil fakta-fakta yang diberikan di Dewan yang mulia ini dan *compare* dengan *UN Economic Social Commission for Asia Pacific Report* terdapat beberapa percanggahan. Saya minta kerajaan menjelaskan.

Sebenarnya apa yang Perdana Menteri katakan ialah dalam ucapan Belanjawan 2011 menyatakan bahawa FDI ke Malaysia telah pulang balik malah telah berkembang enam kali ganda dan telah capai RM29 bilion untuk tahun 2010. Malah Perdana Menteri mengatakan bahawa Malaysia mencatat pertumbuhan yang tertinggi di Asia. Akan tetapi *the UN Economic Social Commission for Asia Pacific* dalam laporan mereka yang dikeluarkan bulan lalu, *Asia Pacific Investment and Trade Report* yang dikeluarkan pada Ogos 2011 mengatakan bahawa rantau *Asia is the fourth front of attracting foreign direct investment, 75 peratus of this goes to just five economies, China, Hong Kong China, India, Asian Federation dan Singapore*. Saya tidak nampak nama Malaysia di sini walaupun saya percaya Malaysia harus di sana kalau kita tertinggi di Asia. Laporan *NESDCAP* juga mengatakan bahawa pada tahun 2011 ekonomi negara India dijangka mencatat pertumbuhan eksport tertinggi sebanyak 11.3 peratus, diikuti oleh Republik Korea – 11 peratus; China – 10.8 peratus; Thailand – 10 peratus; Indonesia – 9.9 peratus; dan akhirnya Malaysia sebanyak 7.9 peratus.

Perdana Menteri mengatakan bahawa Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang tertinggi di Asia tetapi *NESDCAP, UNESCAP*, fakta mereka mengatakan Malaysia adalah di tahap yang bawah sekali. Laporan *UNESCAP* juga menunjukkan bahawa untuk rantau ASEAN, Singapura telah menerima 35 peratus daripada FDI yang datang ke ASEAN diikuti oleh Vietnam sebanyak 17 peratus; Indonesia – 16 peratus; Thailand – 13 peratus; dan Malaysia pada tahap yang bawah sekali iaitu 10 peratus.

Ini jelas menunjukkan bahawa ada percanggahan di antara fakta-fakta yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2012 dan badan *UNESCAP* ini. Laporan *UNESCAP* ini dikeluarkan pada bulan Julai 2011 iaitu empat bulan sebelum Bajet 2012 menunjukkan Malaysia dalam tahap rendah dan bukan mencatatkan pertumbuhan FDI yang tertinggi di Asia seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa yang harus dirisaukan oleh Dewan yang mulia ini ialah Malaysia telah hilang daya saing dengan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia termasuk negara kurang maju iaitu Vietnam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau belum habis sambung tengah hari ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Klang untuk 25 minit.

2.33 ptg.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan sambung yang mana saya lepas tadi. Apa yang harus dirisaukan ialah Malaysia telah hilang daya saingan dengan negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia termasuk negara kurang maju ataupun *less developed nation* seperti Vietnam. Mereka telah *overtake* Malaysia dan jelas bahawa negara kita telah hilang *competitive advantage* dengan negara-negara anggota ASEAN. Saya harap Kementerian Kewangan dapat menjelaskan hakikat sebenarnya mengenai *foreign direct investment* ini dan juga percanggahan angka-angka yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan beliau dan juga angka-angka yang telah diberikan oleh *United Nations Economic and Social Commission for Asia and The Pacific*. Soalan di sini ialah adakah Malaysia benar-benar mendapat FDI yang tertinggi di Asia?

Isu yang kedua saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan hutang negara dan juga hutang isi rumah. Isu ini saya telah bangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini sebab saya percaya dalam Malaysia kemungkinan besar akan menghadapi krisis besar pada masa yang akan datang. Pada masa kini hutang kerajaan ialah lebih kurang 53 peratus GDP ataupun KDNK dan hutang isi rumah ataupun *household debt* adalah lebih kurang 80 peratus KDNK. Malah, hutang isi rumah di Malaysia adalah kedua tertinggi di Asia selepas Korea Selatan.

Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa..., saya fikir kajian Bank Negara ini menunjukkan bahawa 50 peratus daripada pendapatan isi rumah ataupun *household income* digunakan untuk membayar hutang. Walaupun keadaan hutang ini tidak dalam tahap bahaya tetapi ia tidak bermaksud bahawa keadaan hutang negara dalam tahap yang boleh dikatakan selesa. Apa yang jelas ialah jika kita tidak kawal pinjaman hutang, maka kita akan berhadapan dengan kemelesetan ekonomi seperti yang dihadapi oleh Amerika Syarikat dan juga Greece pada tahun-tahun yang akan datang.

Trend hutang kerajaan dan hutang isi rumah bukan mampan (*unsustainable*) dan trend yang membimbangkan.

Untuk mengurangkan hutang, kerajaan mungkin memperkenalkan penjimatan atau *austerity* pada masa akan datang dan ini akan menjadi kesan ke atas perkhidmatan kerajaan untuk rakyat. Beban hutang akan ditanggung oleh generasi yang akan datang. Lebih penting lagi, kerajaan mungkin terpaksa mengurangkan peruntukan untuk pendidikan, kesihatan, perumahan untuk membayar balik hutang yang telah dipinjam.

Pada pandangan saya, generasi akan datang tidak seharusnya dibebani dengan sikap yang tidak bertanggungjawab generasi kini. Saya minta supaya Kementerian Kewangan menggariskan satu strategi dan *master plan* untuk menurunkan kadar pinjaman bukan sahaja untuk pihak kerajaan tetapi juga untuk pihak isi rumah supaya Malaysia tidak menjadi *indebted or debted nation*. Mungkin satu siling boleh ditentukan terhadap pinjaman, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, dan isu ini boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan.

Isu ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai tenaga nuklear. Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan lalu, selepas desakan rakyat Malaysia, Perdana Menteri mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak akan mengimplementasikan program tenaga nuklear dan pembinaan loji nuklear tanpa perbincangan dan proses rundingan yang luas. Akan tetapi beberapa perkembangan baru menunjukkan bahawa keputusan ataupun pengumuman Perdana Menteri untuk mengadakan rundingan dengan rakyat adalah hanya satu *public relation exercise*. Apa yang dikatakan tidak dikotakan.

Baru-baru ini Kerajaan Malaysia khususnya kementerian telah menandatangani perjanjian kerjasama ataupun *cooperation agreement* dengan Jepun dan Korea Selatan. NGO-NGO di kedua-dua buah negara tersebut telah mengkritik tindakan kerajaan mereka terutama sekali di Jepun di mana ia tidak dapat menangani krisis Fukushima. Sifat Kerajaan Jepun ini telah dikutuk sebagai satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral.

Beberapa bulan lalu, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengeluarkan iklan menjemput syarikat-syarikat *public relation* antarabangsa untuk *undertake public relation exercise* di Malaysia supaya dapat menawan hati rakyat Malaysia. Tindakan kerajaan jelas menunjukkan bahawa kerajaan akan meneruskan rancangan untuk membina loji nuklear di Malaysia memandangkan *Malaysia Nuclear Power Corporation* telah dibentuk untuk menguruskan semua aktiviti berkaitan dengan pembinaan loji tenaga nuklear.

Apakah rancangan kerajaan untuk mengadakan rundingan dengan *stakeholders*? Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah memberi jaminan bahawa dengan izin Menteri mengatakan, "*He also said, 'The government will not do it – maksudnya di sini membina loji nuklear, secretly without informing the public.'*" *Chin added the Malaysia Nuclear Power Corporation had opened a tender to international consultants to conduct a study on the location, suitability and safety of the location, type of technology and public acceptant of the proposal*".

Saya hendak tanya kepada Menteri berkenaan mengenai *progress* ataupun perkembangan dalam proses tender ini, dan mengapa tidak ada rundingan dengan *stakeholders* di negara Malaysia tetapi kerajaan meneruskan rancangan pembinaan loji nuklear secara rahsia? Saya minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kemukakan kepada Dewan yang mulia ini beberapa rundingan telah diaturkan dengan *stakeholders*, beberapa lokasi disarankan dan memberitahu rakyat Malaysia mengenai kandungan perjanjian *cooperation development* dengan Korea dan Jepun. Saya harap projek pembinaan loji nuklear tidak menjadi *the biggest secret and the biggest scandal ever*, Tuan Yang di-Pertua.

Isu yang keempat saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dalam ucapan '*greater democracy*' Perdana Menteri sempena menyambut Hari Malaysia, beliau telah mengatakan bahawa kerajaan akan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan juga termasuk semua rakyat Malaysia yang selama ini telah mendesak dan berkempen untuk memansuhkan ISA.

Sebenarnya, ini adalah kemenangan untuk semua kempen-kempen dan juga orang ramai yang telah ditangkap dan juga *campaigners* seperti Suaram dan sebagainya dan juga lain-lain NGO yang telah bekerja bertungkus-lumus untuk memansuhkan ISA. Akan tetapi apa yang saya kluatir ialah undang-undang baru yang akan menggantikan ISA masih akan kekalkan unsur-unsur yang melanggar hak asasi manusia iaitu *detention without trial* iaitu penangkapan ataupun penahanan tanpa bicara.

■1440

Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa undang-undang baru yang akan digubal akan mencerminkan Akta Patriot Amerika Syarikat dan juga Akta Anti-Keganasan di England. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini kedua-dua akta ini memberikan kuasa yang luas kepada pihak kerajaan menahan seseorang tanpa bicara. So, saya mohon Menteri Dalam Negeri menjelaskan adakah penahanan tanpa bicara atau *detention without trial* akan dikekalkan dalam akta baru yang akan menggantikan ISA. Isu yang kelima ialah mengenai peranan kerajaan dalam menjaga dan mempromosikan keharmonian industri dan hak pekerja berkesatuan, khususnya mengenai masalah NUBE dengan majikan Maybank.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu semasa perbincangan untuk meminda Akta Kerja 1955, Menteri Sumber Manusia telah mengulang beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini bahawa kementerian beliau peka dengan masalah pekerja malah hendak melindungi hak pekerja dan ini dijamin oleh pihak kerajaan. Akan tetapi, Menteri Sumber Manusia senyap dalam pertikaian antara Maybank, satu GLC dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) malah saya diberitahu bahawa kementerian menyokong pihak majikan Maybank. Kesatuan sekerja NUBE ini menuntut hak mereka ke atas bonus prestasi untuk lapan bulan belum dibayar. Akan tetapi, majikan Maybank telah bertindak untuk menubuhkan Kesatuan Pekerja Dalaman (*In-House Union*) supaya kekuatan NUBE boleh dipecahkan dan desakan untuk bonus diketepikan. Pada 3 Januari 2011, tindakan Maybank untuk menubuhkan Kesatuan Dalaman direstui oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja di Kementerian Sumber Manusia dan Kesatuan Dalaman yang dipanggil *Maybank Non Executive Union* telah ditubuhkan secara sah. Apa yang mengejutkan dalam tindakan membentuk *bank non executive union* ialah kesatuan *in-house* mewakili kategori pekerja yang sudah pun diwakili oleh NUBE sejak tahun 1960 di Maybank.

Apabila ahli-ahli NUBE berjumpa dengan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja, alasan beliau untuk mendaftar kesatuan dalaman adalah atas arahan pihak atasan. Apa yang lebih mengejutkan ialah apabila wakil-wakil NUBE berjumpa dengan Encik Asri, seorang pegawai kanan dari Bahagian Dasar, Kementerian Sumber Manusia, beliau pula mempromosikan Kesatuan Dalaman tersebut kerana mengikut dia Maybank akan membayar upah serta ganjaran lebih tinggi daripada kesatuan dalaman. Pihak NUBE bersama MTUC telah berjumpa dengan Menteri Sumber Manusia pada bulan Mac 2011 untuk menjelaskan kepada beliau, bagaimana tindakan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja akan memecahbelahkan sebuah Kesatuan Kebangsaan dan menjejaskan perwakilan ahli-ahlinya.

NUBE serta MTUC memohon pada masa itu kepada Menteri menggunakan kuasa beliau di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membatalkan pendaftaran kesatuan dalam Maybank yang sudah wujud, memandangkan sudah wujud satu kesatuan kebangsaan. Malangnya sehingga hari ini selepas enam bulan, Menteri Sumber Manusia masih belum memberi maklum balas kepada permintaan MTUC dan juga NUBE. Pihak Maybank juga melanggar segala peruntukan undang-undang yang melindungi sesebuah kesatuan sekerja, khususnya di bawah Akta Kerja 1955. Saya diberitahu oleh pekerja-pekerja di Maybank dan juga oleh kesatuan NUBE bahawa Maybank menggunakan *security guard* untuk memukul pegawai-pegawai kesatuan. Menggunakan polis untuk menggugat pegawai-pegawai kesatuan menjalankan tugas mereka dan ahli-ahli NUBE dipanggil oleh Polis di Bukit Aman untuk mengambil kenyataan kerana membuat aduan berkenaan tingkah laku Maybank tidak mengikut *collective agreement*.

Saya harap Menteri Sumber Manusia dapat menjelaskan keadaan serta menggunakan undang-undang yang sedia ada untuk memberikan keadilan kepada pekerja-pekerja di NUBE. Saya harap pekerja-pekerja di Maybank dan juga di NUBE dan saya juga harap Menteri tidak tunduk kepada desakan majikan Maybank.

Isu yang berkait Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai gaji minimum untuk pegawai-pegawai keselamatan. Pada Januari 2011, kerajaan telah mengumumkan gaji minimum untuk 100 ribu orang pegawai keselamatan di seluruh negara. Gaji minimum ini untuk kumpulan ini adalah di antara RM500 hingga RM700. Saya telah menerima beberapa aduan di kawasan saya dan juga di luar daripada pegawai keselamatan bahawa majikan mereka masih belum mengimplementasikan mekanisme gaji minimum yang telah disarankan oleh pihak kerajaan. Saya minta Menteri menyenaraikan tindakan kerajaan untuk memastikan majikan membayar gaji minimum dan apakah pihak kerajaan atau Kementerian menganjurkan taklimat atau mesyuarat untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh majikan dan juga pekerja-pekerja berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan *retrenchment and retraining fund*. Laporan Ekonomi 2011/2012 menunjukkan bahawa kebanyakan sektor mula mengalami penguncupan. Industri elektrik dan elektronik menggunakan lebih kurang 100 ribu orang pekerja dan telah bermula kontrak sebanyak 4.9 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 dan *contraction* ini akan menjadi lebih besar pada akhir tahun ini. Ini bermaksud bahawa pekerja akan mula kehilangan pekerjaan secara besar-besaran. Saya cadangkan supaya kerajaan membentuk dana pemberhentian kerja atau latihan semula atau *retrenchment and retraining fund* untuk mengatasi kemungkinan *retrenchment* yang akan berlaku.

Isu keenam Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai bekas pekerja ladang Bukit Jalil. Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang hangat dibincangkan oleh masyarakat India dan juga di Media Tamil ialah mengenai masalah yang dihadapi oleh 41 keluarga yang merupakan bekas pekerja Bukit Jalil Kuala Lumpur. Pekerja ini telah bekerja dan tinggal di ladang ini untuk empat generasi iaitu lebih kurang 100 tahun. Pada tahun 1995, pekerja ini telah diberhentikan kerja tanpa pampasan dan juga perumahan alternatif. Masalah sekarang ini ialah mereka telah menerima surat daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 20 Disember 2010 untuk mengosongkan kawasan perumahan mereka. Akan tetapi, bekas pekerja ini di Bukit Jalil percaya mereka adalah bekas pekerja ladang dan berhak untuk mendapat pampasan dan perumahan. So, untuk mendapatkan keadilan untuk mereka, bekas pekerja ini telah memulakan kempen memperoleh empat ekar tanah yang boleh digunakan untuk membina rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan golongan pekerja ini adalah sah, mereka memperjuangkan hak mereka untuk rumah *the right to housing* dan keluarga mereka telah menyumbang lebih kurang seratus tahun untuk kepentingan dan keuntungan pemilik ladang dan negara. Oleh kerana itu, saya minta dan saya harap Menteri Wilayah tidak halau mereka atau merobohkan rumah mereka yang sedia ada tetapi memberi empat ekar tanah untuk mendirikan rumah mereka dan juga cari penyelesaian, perikemanusiaan demi kepentingan golongan bekas pekerja ini dan juga kepentingan warga Kuala Lumpur.

Isu ketujuh Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan pelabuhan ketiga atau cadangan pelabuhan ketiga di Port Klang di kawasan saya. Baru-baru ini Lembaga Pelabuhan Klang telah mengumumkan bahawa mereka akan membina pelabuhan ketiga di *Port Klang* iaitu *South Point*. *South Point* itu adalah sebenarnya di tengah-tengah *North Port* dan juga *West Port*. Pelabuhan yang baru ini akan dimiliki oleh pihak swasta, tambahan pula kerja permulaan akan bermula pada tahun depan dan projek ini menunggu keputusan Kabinet sebelum memulakan pembinaannya. Saya mohon supaya Menteri Pengangkutan dapat menyenaraikan *net benefit* pelabuhan ketiga di *Port Klang* untuk industri pelabuhan di tempat ini, memandangkan ada dua pelabuhan di kawasan itu iaitu *North Port* dan juga *West Port*.

Saya juga cadangkan supaya kerajaan *declassify Port Klang master plan* ini demi kepentingan dan ketelusan. Saya juga minta Menteri Pengangkutan kemukakan *viability studies* dan memberi satu komitmen bahawa projek *South Point* itu tidak akan menjadi *another Port Klang Free Zone*. Isu kelapan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Zone*). Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Kerajaan Malaysia sedang berunding dua perjanjian perdagangan bebas, *free to agreement*, satu dengan Kesatuan Eropah dan kedua dengan Amerika Syarikat dan beberapa negara lain menerusi *Trans-Pacific Partnership Agreement*.

■1450

Beberapa pengkritik dan pakar-pakar ekonomi telah membangkit beberapa isu berkaitan dengan kedua-dua Perjanjian Perdagangan Bebas ini. Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah sekarang..., pada masa kini mendesak Malaysia dan negara-negara lain untuk terima dan mengikut dasar mereka khususnya *intellectual property right*. Khususnya kedua-dua kuasa besar ini mahukan Malaysia dan negara-negara membangun yang lain untuk menggunakan piawaian yang lebih tinggi bagi perlindungan serta penguatkuasaan harta intelek daripada yang dipersetujui dalam perbincangan *World Trade Organization*.

Para pengkritik mengatakan bahawa tuntutan-tuntutan Amerika Syarikat dan Eropah adalah untuk memaksimumkan keuntungan *Multinational Corporation* (MNC) di negara masing-masing. Saya minta Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menyatakan dasar dan sikap kerajaan dalam menangani desakan-desakan Amerika dan *European Union* dan juga minta Yang Berhormat Menteri untuk respons Malaysia. Apakah *response* Malaysia mengenai perubahan-perubahan dalam *data exclusivity* yang diminta oleh pihak Amerika dan Eropah. Kalau Kerajaan Malaysia terima pandangan Amerika Syarikat dan tukar kriteria *data exclusivity* ataupun peraturan *data exclusivity* maka ini bermaksud bahawa *medicine generic* atau *generic medicine* ataupun ubat-ubat generik, harga mereka akan melambung tinggi. Itu implikasinya dan ini ada implikasi terhadap *the right to medicine* oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah sudi membentuk *Select Committee on Electoral Reform*. Dengan *Select Committee* ini saya harap – ini harapan besarlah agar pilihan raya 13 akan menjadi pilihan raya yang terbebas dan yang terbersih.

Dalam konteks ini saya mintak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi satu pengakuan, satu komitmen pada Dewan yang mulia ini bahawa beliau hanya akan memanggil pilihan raya 13 hanya selepas cadangan *Select Committee* diimplementasikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

2.52 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan bajet yang dibentangkan Bajet 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang juga merangkap Menteri Kewangan yang telah dapat membentangkan satu bajet negara yang terbaik di antara yang terbaik untuk rakyat Malaysia. Mencakupi semua lapisan masyarakat, sama ada yang tinggal di dalam bandar mahupun yang tinggal di luar bandar. Sama ada ianya pembangkang ataupun penyokong-penyokong kerajaan maka mereka sekiranya diluluskan di dalam Dewan ini akan dapat menikmati bajet yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perkara yang hendak saya sentuh ialah tentang tebatan banjir bagi Daerah Segamat. Bagi saya selaku Ahli Parlimen Sekijang, yang terletak di Daerah Segamat di negeri Johor. Bajet ini begitu besar ertinya kepada kami di Parlimen Sekijang khususnya di daerah Segamat, yang mana di dalam bajet ini telah disebutkan bahawa Daerah Segamat akan menerima peruntukan tebatan banjir yang agak besar daripada biasa dan secara kebetulan, sebahagian besarnya terletak di dalam kawasan Parlimen Sekijang. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006 kami telah dilanda banjir yang besar. Penduduk dan kawasan komersial kami telah ditenggelami banjir dan mengakibatkan kesengsaraan dan kerugian yang besar.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Nanti dulu, belum habis lagi. Sekali lagi pada awal tahun 2011, itu dia baru masuk. Kami telah dilanda banjir yang begitu besar dan lebih besar pada tahun 2006. Kalau tidak percaya Yang Berhormat Pokok Sena pun, kami dan Yang Amat Berhormat Kuala Krai, kami yang menyelamatkan dia. Boleh bertanya dengan dia kalau tidak percaya tentang banjir yang besar yang berlaku di negeri Johor, di Daerah Segamat kawasan Parlimen Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan kah Yang Berhormat Sekijang?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Hendak bercakap, boleh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kawan saya Yang Berhormat Sekijang. Saya tidak mahu menafikan dan memang betul dan saya ucapkan terima kasih. Saya dan Yang Berhormat Kuala Krai diselamatkan oleh orang-orang kampung di situ. Akan tetapi yang saya hendak sebutnya ialah supaya Yang Berhormat Sekijang harus juga boleh bersetujunya dengan saya betapa jentera kerajaan, jentera penyelamat ini pun sendiri tidak mempunyai kemampuan, keupayaan untuk hendak pergi menyelamatkan kami. Walaupun mereka ini terlatih sama ada di kalangan tentera ataupun pasukan bomba penyelamat, dengan bot laju dan sebagainya diberitahu kepada saya.

Akhirnya mereka berkata bahawa, "*Minta maaf Yang Berhormat Pokok Sena kami tidak mampu untuk pergi, memang arus deras.*" Akan tetapi orang kampung hanya dengan bot kecil sahaja boleh datang untuk menyelamatkan kami. Maknanya menunjukkan betapa pasukan penyelamat kita itu punya kelemahan-kelemahan tertentu yang harus kita perbaiki. Terima kasih.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Itulah tadi saya sudah katakan tadi sebab saya tidak mahu berbohong di dalam Dewan yang mulia ini dan kita telah bersama-sama dapat menyelamatkan Yang Berhormat dari Pokok Sena dan Kuala Krai. Memang pun apabila berlakunya banjir ini kerana arus dia kencang dan banjirnya besar dan tentu kalau orang yang tidak tahu tentang kawasan tersebut, tidak pernah mengendalikan sampan ataupun bot memang bermasalah. *Waima* tentera sekalipun bermasalah. Walaupun Yang Berhormat Pokok Sena menghubungi tentera terlebih dahulu, tidak mahu menghubungi saya, akhirnya dia memanggil saya juga untuk menolong dia. Ini orang kampung, satu kelebihan yang ada pada kami di kawasan Sekijang ini. Jadi terima kasih.

Saya sebutkan tadi bahawa kami mengalami banjir yang besar dan kami sekali lagi mengalami kerugian yang besar akibat daripada banjir yang berlaku pada tahun 2011 ini, awal 2011 ini. Di antara punca banjir yang telah kami kenal pasti salah satu daripadanya ialah akibat daripada aktiviti penambakan kawasan berpayau dan kawasan tadahan air dan juga akibat daripada saluran yang tidak lancar. Kawasan yang ditambak ini dijadikan sebagai kawasan komersial dan ditambak lebih tinggi daripada kampung tradisional yang sedia ada dan mengakibatkan kawasan yang ditambak ini lebih tinggi. Kampung tradisional ini menjadi lebih rendah daripada kawasan yang ditambak tadi, yang mengakibatkan banjir itu terus melalui kampung-kampung tradisional ini. Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Sekijang. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Sekijang berhubung dengan berlakunya banjir akibat pembangunan. Kalau hendak dikatakan tidak dirancang, itu tidak tepat sebab mesti pembangunan itu dirancang dengan teliti. Akan tetapi yang hendak saya pertikaikan di sini ialah kemampuan EIA. Sama ada EIA daripada kementerian ataupun EIA daripada pihak swasta. Adakah mereka memberi maklumat atau *info* yang salah pada setiap kali projek Yang Berhormat Sekijang bangkitkan tadi juga berlaku di kawasan saya dan juga berlaku di kawasan-kawasan yang lain. Menggambarkan bahawa fakta yang diberikan untuk tujuan menyokong kepada projek pembangunan berkenaan adalah tidak tepat. Sebab itulah kekerapan banjir sekarang. Kalau dulu kita dengar di Kelantan dengan Terengganu sahaja tapi sekarang dah menjadi fenomena di seluruh negara. Pandangan Yang Berhormat Sekijang berhubung perkara ini.

■1500

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih saudara saya dari Arau. Yalah, sebagaimana mungkin banjir ini berlaku pada lima tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun dengan kedatangan hujan yang tidak menentu yang mengakibatkan banjir besar dan mungkin apabila tidak berlaku banjir, kita lupa, kita lalai kadang-kadang. Yang ini mungkin yang menyebabkan berlakunya banjir ini Yang Berhormat Arau, terima kasih.

Dengan pengumuman Bajet 2012 ini dan memasukkan peruntukan tebatan banjir daerah Segamat, ini adalah lambang keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kami dan saya bagi pihak penduduk di dalam kawasan Parlimen Sekijang dan daerah Segamat amnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Sekijang, mohon laluan.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Takkan tak habis lagi?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sikit sahaja, sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Pada setiap kali banjir Yang Berhormat, kita ini kita bercakap tentang nasib petani sebab Putrajaya dia tidak ada kawasan pertanian, dia hanya ada bangunan, dia tak tahu perkara ini. Pada setiap kali berlaku banjir, bermakna berlaku perubahan dalam struktur tanah. Ini berlaku bukan sahaja di Kubang Pasu, Jerlun, Segamat, Padang Besar dan Kangar.

Kita lihat perubahan struktur tanah ini kalau ikut kajian yang dibuat oleh pihak MADA dan juga Jabatan Pertanian, ia mengambil masa enam kali pusingan. Bermakna kata hampir enam tahun baru kesuburan ini dapat dikembalikan pada kedudukan asal. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekijang, apabila berlaku yang melibatkan apa Yang Berhormat Sekijang katakan tadi juga termasuk dalam pakej Arau dan juga di Perak. Saya pun turut mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi saya nak beritahu Yang Berhormat Sekijang, hasil daripada kekerapan berlaku banjir menyebabkan hasil pertanian berkurangan.

Jadi apa tindakan kerajaan? Kalau kita nak bagi bahan input pertanian kepada petani, petani tak buat malah ada setengahnya mengambil kesempatan untuk jual. Apa salahnya kalau kerajaan lantik ataupun buat tender terbuka untuk syarikat-syarikat yang tolong buat bagi memulihkan balik struktur ataupun base tanah yang telah kehilangan kesuburan akibat banjir tersebut. Pandangan Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya nak respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi kerana setiap kawasan terutama dalam kawasan-kawasan bandar, banjir ini kadang-kadang berlaku pada kawasan-kawasan luar bandar ada antaranya berpunca daripada kawasan bandar. Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat dari Sekijang, setiap kawasan pihak berkuasa tempatan ini dia ada rancangan tempatan dia, dia ada RTD dia.

Jadi adakah wajar kerajaan melihat kembali kepada penggunaan zon-zon tanah terhadap zon-zon pembangunan supaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apabila satu-satu projek baru itu dibangunkan terutama projek-projek perumahan, taman yang besar dibangunkan, ia bukan sahaja mengambil kira kapasiti kepada taman yang sedang dirancang untuk dibangunkan itu tapi untuk tentukan kawasan-kawasan persekitaran itu tidak akan jadi mangsa. Ini kerana apabila pihak berkuasa tempatan dan kerajaan luluskan satu-satu perancangan guna tanah, kadang-kadang ia tidak mengambil kira faktor persekitaran yang ada dan akhirnya ia menjadi beban masalah kepada mereka yang duduk dalam kawasan sekitar itu. Agaknya apa cadangan Yang Berhormat untuk kerajaan melihat kembali kepada RTD-RTD yang ada dalam kawasan pihak berkuasa tempatan ini.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Tenggara. Perubahan, dia dah *warning* saya dulu dah.

Yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi saya ingat Yang Berhormat Arau kena selesaikanlah kalau jual baja kerajaan itu, itu Yang Berhormat Arau kena selesaikanlah di kawasan Arau sendirilah. Yang itu saya tak mahu nak komen dia punya itu. Jadi yang itu saya ingat kita kena buat kursus ke apa itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Arau dan yang ini tadi pun bekas Exco kerajaan tempatan. Jadi saya ingat ...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sekijang salah itu. Baja itu yang di akhir, saya tanya perubahan struktur tanah. Kesuburan tanah itu hilang maksudnya. Itu yang saya nak Yang Berhormat Sekijang tekankan, bagi pandangan Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak respons ini kerana masalah banjir di Segamat ini Yang Berhormat Sekijang kena ambil maklum. Masalah banjir yang berlaku di Segamat ini bukan sahaja menyusahkan Segamat tapi menyusahkan daerah Batu Pahat, Kluang dan termasuklah di daerah saya iaitu Kota Tinggi. Jadi kerana itu, cadangan yang dikemukakan itu mohon pertimbangan. Bagaimana caranya agaknya...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Belum jawab lagi dah kena marah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Arau tadi, eh ada lagi? Ini karang tak habis juga saya ini karang.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak cadangkan kepada Yang Berhormat Sekijang sebab Negeri Sembilan ini menerima tempias daripada salahnya pembangunan yang ada di Segamat. Bila Segamat ada masalah pembangunan, limpahan air itu sampai ke Negeri Sembilan. Tak pasal-pasal di kawasan Tampin tenggelam sebab kesalahan Segamat.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Sekijang, kalau boleh pelaksanaan peruntukan yang banyak ini supaya jawatankuasa pembangunan bersama di antara Johor dengan Negeri Sembilan dapat diadunkan bersama supaya peruntukan ini benar-benar memberikan impak yang baik mengatasi banjir di kawasan Segamat sekali gus mengatasi masalah banjir di Negeri Sembilan Darul Khusus. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya belum sempat jawab lagi tadi. Tak apalah, saya jawab sikit sahaja, karang saya tak habis ini. Yang tadi Yang Berhormat Arau saya ingat kalau banjir ini kalau tak tahulah, saya belajar dahulu kalau banjir ini bagus untuk pertanian tapi kata Yang Berhormat Arau tadi dia bawa lari itu saya tak tahu. Sebab itu banjir itu Tuhan anugerahkan kepada kawasan lembah itu untuk menyuburkan tanah-tanah di kawasan tersebut.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat, saya mohon laluan. Saya tak puas hati, kenyataan itu tak betul.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tak apa, nanti Menteri akan jawab.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Sekijang belajar di universiti pertanian mana ini? Ini tak betul ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Awat tu? Bah di Arau pasal di Segamat punya kah?... *[Ketawa]*

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Eh, ramai pula.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Saya tak mahu tanya soalan Yang Berhormat, hanya nak minta kalau boleh Yang Berhormat terima masukkan ini sebahagian dalam ucapan sebab *climate change* ini telah merubah kepada segala paten *climate* serata dunia. Kalau kita lihat dalam tempoh enam bulan yang lalu, berapa kali banjir berlaku di tempat-tempat yang tertentu dan di Segamat dan Sekijang berlaku banjir yang amat besar. Saya pun pernah ke sana. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terima cadangan yang pernah pun saya cadang banyak kali juga agar kerajaan memberi perhatian serius supaya kita mulai daripada sekarang, bagi kawasan-kawasan yang dikatakan *flood flow areas* ini menggalakkan rakyat membina rumah di atas tiang.

Di Kuala Lumpur sekalipun kalau kita lihat zaman British dulu, rumah-rumah dibuat atas tiang. Apakah masalah kepada kita sebab di Australia pun kalau kita pergi di Darwin dan di Queensland, Orang Putih sendiri membuat rumah atas tiang. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Dia pun ada kena-mengena dengan Segamat juga sebab sebahagian daripada dia dekat Segamat... [Ketawa] Jadi saya masukkan sahajalah dalam ucapan saya tadi. Tadi Yang Berhormat Arau saya dah jawab, Yang Berhormat Tenggara saya ingat tentang cadangan persekitaran ini, sebab itu kita dalam kawasan tadahan air ini saya minta supaya kita mengambil perhatian kawasan-kawasan tadahan air ini supaya tidak dibangunkan. Saya minta kepada jabatan-jabatan yang berkenaan supaya mengambil perhatian, mengambil tahu tentang perkara ini. Bukan bila dah berlaku baru kita nak mengatasi.

■1510

Jadi yang ini saya minta dan saya hendak respons kepada Yang Berhormat Jempol tadi dia kata disebabkan masalah Sekijang. Ia bukan masalah di Sekijang. Masalah air yang datang daripada Jempol itu yang menyebabkan Sekijang tenggelam. [Ketawa] Sebab air yang datang kami terpaksa menerima air daripada orang lain datang daripada Jempol, daripada Negeri Sembilan, daripada Kuala Pilah yang kami kena tanggung ini. Jadi bukan kami yang menyebabkan dia banjir tetapi dia yang menyebabkan kami banjir tapi wajar. Sebab itu Yang Amat Berhormat tahu tentang perkara ini dia baginya kepada Segamat, kepada Sekijang untuk peruntukan tebatan banjir ini. Dia tidak bagi kepada Jempol sebab Jempol yang menyebabkan banjir.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Nanti panjang lagi. Berkaitan dengan ini juga kami berharap pihak kementerian dan jabatan yang akan melaksanakan projek ini perlu berhati-hati kerana ianya terletak dalam kawasan penduduk yang padat dan banyak perkara yang sensitif yang perlu ditangani.

Perkara ini telah pun saya bangkitkan semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kira-kira dua tahun yang lalu semasa melawat daerah Segamat di mana pada masa itu konsultan dan pegawai-pegawai tinggi daripada kementerian dan jabatan terlibat sama dalam lawatan tersebut dan saya telah katakan bahawa sebelum sesuatu projek ini hendak dijalankan mestilah berjumpa dengan wakil rakyat, berjumpa dengan pemimpin-pemimpin tempatan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan penduduk setempat dan membuat kajian yang terperinci bukannya dengan duduk di atas meja, tengok daripada atas, tengok daripada satelit kemudian terus membuat cadangan kerana *human factor* juga adalah merupakan salah satu daripada faktor yang boleh menyebabkan kegagalan kepada sesuatu projek yang hendak kita jalankan. Ini kerana pada ketika ini rakyat telah mula mempertikaikan kewibawaan jabatan apabila membuat pengambilan tanah melalui kawasan sekolah dan juga berhampiran dengan perkuburan Islam di Kampung Jawa Segamat. Mereka bukan membantah projek tetapi mereka menyatakan kepada saya ialah cara pelaksanaan projek yang mereka katakan tidak begitu telus terutamanya dari segi pengambilan tanah.

Saya telah mengatur satu pertemuan dengan Pengarah Jabatan Parit dan Saliran Johor, Pegawai Daerah Segamat, Jurutera Daerah, penghulu dan ketua kampung dan juga konsultan yang terlibat dengan pemimpin-pemimpin setempat pada 17 Julai 2011 tetapi dalam perbincangan tersebut kita telah membuat rumusan bahawa terusan yang hendak dibina itu hendaklah dialihkan sedikit kira-kira dalam dua ataupun tiga kilometer daripada tempat asal kerana kawasan tersebut tidak mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Oleh kerana pihak jabatan masih lagi berkehendakkan membuat terusan melalui kawasan berhampiran dengan perkuburan dan terkena dengan sekolah agama maka mereka telah membantah tentang perkara ini kerana mereka menganggapkan pandangan-pandangan mereka telah tidak diambil kira.

Yang ini saya minta kepada kementerian dan jabatan supaya melihat dan mengambil kira tentang perkara-perkara tersebut kerana dalam perjumpaan tersebut semua pihak telah bersetuju supaya kajian dibuat semula dan pengambilan tanah ditangguhkan dan akan kembali berbincang sekiranya projek tersebut hendak diteruskan di tempat laluan asal. Apa yang terjadi saya difahamkan seolah-olah projek itu hendak diteruskan dengan tanpa merujuk balik kepada perbincangan. Dengan sebab itu mereka telah mula merasakan ini adalah satu yang tidak betul dan inilah yang menyebabkan mereka telah mula meletakkan poster dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Saya amat menyanjung tinggi kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengundang saya beberapa kali iaitu pada 4 dan 12 Oktober yang lalu baru-baru ini dan bersama dengan Ketua Pengarah dan Pengarah Tebatan Banjir di Jabatan Parit dan Saliran di ibu pejabat untuk berbincang tentang perkara ini dan saya berharap perkara ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin yang boleh. Kita kena membuat kajian-kajian yang terperinci dan kalau perlu duduk lagi kita akan duduk bersama dengan penduduk dan rakyat kerana kita memberi dan rakyat yang akan menerimanya dan kalau kita memberi dan rakyat tidak mahu buat apa kita bagi, ini menyusahkan lagi. Kita ikut apa kehendak rakyat mahu yang itu dan jangan kita seperti mana yang saya katakan lebih awal tadi kita duduk buat kajian atas meja dengan kita katakan dari segi teknikal dan sebagainya tetapi *human factor* kita lupa tentang perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya beralih kepada tajuk lain Tuan Yang di-Pertua tentang Hospital Daerah Segamat. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana telah menaik taraf Hospital Daerah Segamat yang terletak di dalam kawasan Parlimen saya yang dahulunya hospital ini yang merupakan hospital yang dipanggil nukleus tetapi kini telah pun diubah menjadi hospital pakar sepenuhnya. Kalau dahulu doktor pakar yang ada di sini hanya tiga atau lima orang maksimum tetapi kini saya difahamkan perjawatan doktor pakar di sini telah ditambah menjadi 20 orang dan telah pun diisi seramai sembilan orang. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih. Cuma harapan saya ialah supaya hospital ini dapat diperbesarkan kerana pada ketika ini kita hanya boleh menampung 340 katil dan perlu ditambah sekurang-kurangnya satu atau dua kali ganda daripada yang ada sekarang kerana kalau dia menjadi hospital pakar sudah tentu tumpuan kepada penduduk-penduduk sekitar akan berlaku di tempat ini.

Buat masa ini keperluan untuk menambah ini memang amat perlu Tuan Yang di-Pertua kerana dalam siri lawatan yang saya buat saya mendapati bahawa pesakit-pesakit ada di antaranya diletakkan di lorong-lorong masuk yang begitu sesak sekali dan menyebabkan keadaan tidak selesa. Selain daripada itu, hospital ini juga terpaksa menampung penduduk-penduduk dari selatan negeri Pahang dan selatan Negeri Sembilan khususnya di Daerah Rompin dan daripada Daerah Gemas.

Saya juga berharap permohonan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan tanah bersebelahan seluas 39 ekar kepunyaan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) yang telah tidak digunakan kerana dahulunya digunakan sebagai tapak pemancar gelombang radio dan kini tidak digunakan lagi agar dapat diserahkan ataupun ditukarkan milik dan sebagainya kepada Kementerian Kesihatan bagi pembesaran hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) kerana mempunyai niat dan kesungguhan untuk membina sebuah Maktab Rendah Sains Mara di dalam Daerah Segamat yang terletak di kawasan saya di mana tapak seluas 60 ekar telah pun dibeli kira-kira dua atau tiga tahun yang lalu. Akan tetapi tapak ini masih lagi berkeadaan seperti asal di mana ditanam dengan kelapa sawit dan tidak digunakan dan menjadi tanda tanya kepada penduduk-penduduk di kawasan saya bilakah agaknya ia akan dibangunkan. Jadi saya berharap kepada kementerian, kepada pihak MARA agar melihat perkara ini dan diangkat untuk terus dibuat pembinaan dengan secepat mungkin yang boleh Tuan Yang di-Pertua.

Perumahan Mesra Rakyat. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sungguh-sungguh untuk melihat kehidupan rakyat terbela terutamanya di kawasan luar bandar. Skim Perumahan Mesra Rakyat yang telah dijalankan selama ini telah memberi peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar memiliki rumah sendiri yang begitu selesai.

■1520

Bayaran yang dikenakan adalah dalam kemampuan mereka, apatah lagi rumah yang bernilai RM65,000 dibayar pada kadar RM45,000 sahaja. Inilah tradisi Kerajaan Barisan Nasional untuk membela rakyat. Saya sungguh berharap pengagihan pembinaan yang telah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet iaitu 10,000 unit yang diumumkan itu akan dapat diagihkan kepada mereka yang memohon dan menunggu begitu lama. Ada yang di antaranya telah menunggu lebih dua atau tiga tahun yang lalu. Di samping itu saya berharap Parlimen Sekijang akan dapat keutamaan untuk kuota ini kerana permohonan yang banyak daripada kawasan Parlimen Sekijang yang belum lagi dipenuhi. Di samping itu saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mewujudkan tabung khas perumahan nelayan yang berjumlah RM300 juta untuk membina dan membaik pulih rumah-rumah mereka. Saya juga mengharapkan supaya nelayan sungai tidak dilupakan dan mendapat pembiayaan ini.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Putrajaya tidak ada nelayan sungai. Tanya Sabah Sarawak ramai nelayan sungai ini. Saya ingat Sabah Sarawak mesti sokong saya, sebab nelayan sungai ini kadang-kadang kita tidak ambil perhatian, tetapi dialah sebenar-benarnya nelayan yang memberikan sumbangan ikan kepada penduduk setempat dan sekitarnya. Yang ambil di laut itu belum tentu akan balik ke pantai. Akan tetapi yang ini yang kita kadang-kadang lupa. Sebab itu saya minta juga supaya ianya diberikan perhatian, kerana mereka ini juga menyumbangkan kepada negara kita.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Arau ini sudah berapa kali. *Last.*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Mana boleh kata *last* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya bersetuju Yang Berhormat Sekijang. Sebenarnya kita lihat kementerian agak lupa kepada nelayan sungai. Kerana kalau ikut bantuan bulanan nelayan sungai tidak dapat kerana alasan yang diberikan mereka tidak ada lesen yang diberikan kepada mereka. Jadi mereka juga tidak berhak untuk mendapat subsidi minyak seperti mana yang dapat kepada nelayan pantai.

Saya bersetuju kerana nelayan pantai sekarang pun apabila dia dapat subsidi, kadang-kadang mereka tidak pergi ke laut pun. Mereka pergi ambil minyak dan pergi ambil inoivis percuma 1 kilo 10 sen dan akhirnya ikan tidak naik seperti mana Yang Berhormat Sekijang katakan tadi.

Jadi kita pohon pihak kementerian di sini supaya mempertimbangkan nasib nelayan sungai terutamanya beberapa kawasan bukan sahaja di Segamat, Pahang, Sabah, Sarawak dan tempat-tempat yang lain yang sebenarnya memerlukan perhatian daripada pihak.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih kepada sahabat saya dari Arau. Oleh kerana Yang Berhormat Arau menyokong, kalau bangun lagi saya minta kalau Tuan Yang di-Pertua bagi, saya bagi.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau dan saya hendak beralih kepada yang berikutnya tentang bantuan sara hidup. Keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan bantuan sara hidup kepada mereka yang berpendapatan bawah daripada RM3,000 secara *one-off* adalah satu langkah yang bijak. Walaupun pemberian yang dicadangkan sebanyak RM500, tetapi sekurang-kurangnya dapat meringankan beban yang mereka hadapi terutamanya di musim-musim persekolahan anak-anak. Walaupun disyaratkan mestilah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, tetapi saya percaya kelonggaran dapat diberikan kepada penduduk yang tinggal di luar bandar dan di pedalaman yang sememangnya tidak mempunyai pendapatan tetap dan sukar untuk berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Saya kira penduduk-penduduk luar bandar dan pedalaman ini semuanya berpendapatan rendah dan di bawah RM3,000. Oleh itu saya mencadangkan tidak perlu untuk berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan dikira layak secara automatik untuk menerima RM500 ini kerana pendapatannya di bawah RM3,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada jalan Segamat-Labis. Akibat meluruskan jalan di persimpangan Jalan Melayu Raya, Segamat, sebuah kampung yang bernama Kampung India Genuang Baru telah menjadi mangsa banjir apabila hujan lebat berlaku akibat daripada air yang terkepung akibat daripada pelurusan jalan dan penambakan jalan dan juga mempunyai *culvert* yang kecil yang tidak membenarkan air keluar dengan cepat. Akibat daripada ini, maka air akan masuk ke rumah-rumah dan satu perkampungan India ini telah banjir. Saya telah mengajukan kepada jurutera daerah untuk diperbetulkan kira-kira tiga tahun yang lalu. Jurutera daerah telah bersama dengan saya melihat perkara ini dan perlu diperbetulkan. Saya juga telah bercakap dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Akan tetapi sampai ke hari ini ianya belum lagi dapat dibetulkan. Jadi saya minta kepada kementerian supaya dapat memperbetulkan jalan ini dan supaya kampung yang saya sebutkan tadi tidak ditenggelami banjir apabila setiap kali berlaku hujan lebat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang gaji guru yang telah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya juga bagi pihak guru, saya percaya dengan rakan-rakan Barisan Nasional yang lain mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberikan kenaikan pangkat secara *time-based*, kalau dahulu 20 tahun sekarang hanya memakan masa 16 tahun...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Sekijang, dua saat sahaja.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Dua saat?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya. Mohon izin Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Sekijang ada sebut tentang gaji guru. Adakah Yang Berhormat maklum gaji guru sekarang yang gred 48 berpendapatan lebih tinggi daripada gaji Ahli-ahli Parlimen?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Jasin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lebih kurang RM2,000 lebih tinggi Yang Berhormat... [Ketawa]

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Selepas ini saya akan sebut Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak habiskan ini Tuan Yang di-Pertua, belum habis lagi. Mana tadi, saya pun sudah lupa?... [Ketawa] Tentang gaji tadi.

Jadi saya minta juga kalau diberikan kepada guru ataupun DG, skim DG ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya pun bekas daripada pegawai kerajaan yang berkhidmat 18 tahun dalam kerajaan, kadang-kadang kita lupa. Kita kadang-kadang skim 'M' ini...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Begitu cepat dia pergi. Akan tetapi kalau 'N', 'S', yang lain semua sudah tinggal belakang. Kalau kenaikan gaji 'M' akan dahulu, yang 'S', 'N' ini semua tertinggal di belakang. Jadi hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang DG. DG sahaja akan jadi begini. Kalau yang lain-lain dalam *close service*...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ya, Yang Berhormat...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Nanti sekejap Yang Berhormat Arau. Yang *close service* ini Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lipis.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kita kasihan tengok dia. Apabila kita kasihan tengok dia, kadang-kadang dia orang hendak bersuara pun tidak boleh dalam Parlimen. Saya pun bertanya dengan dia orang ada kawan-kawan lama dia kata memang sudah nasib kita macam itu kata dia. Memang selalu tertinggal. Jadi saya mintalah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan mereka yang bertanggungjawab melihat juga kepada mereka yang duduk di bawah skim yang saya sebutkan tadi ini yang terkeluar banyak di jabatan dan kementerian ini yang tinggal dan tidak boleh... Tuan Yang di-Pertua sudah tunjukkan masa Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sedikit-sedikit.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Jadi saya minta perkara ini dilihat bersama. Yang Berhormat Arau hendak tanya apa?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Pasal gaji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Selepas itu Lipis ya.

■1530

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sekejap, tidak sampai setengah minit. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang. Akan tetapi dalam perkhidmatan tertutup, saya nampak ada ketinggalan yang kerajaan perlu beri perhatian seperti mana Yang Berhormat Sekijang katakan tadi dalam *close service*. Nasib guru DG ini yang telah diperjuangkan sebegitu lama telah pun diambil tindakan segera oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Akan tetapi dalam perkhidmatan tertutup, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita lihat dalam kastam dan imigresen dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam *close service*, kita lihat mereka berasa dalam keadaan yang cukup kecewa apabila nasib mereka juga tidak diberi perhatian oleh kerajaan.

Jadi dalam hal ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang, supaya kerajaan juga turut memberi *time-based* kepada perkhidmatan tertutup dan tidak terhad kepada M sahaja. Ini kerana kadang-kadang mereka merasa kecewa apabila kebanyakan pegawai PTD dalam M yang berusia 31 tahun, 30 tahun sudah menikmati Gred 48 dan ada sesetengahnya gred 52. Satu yang cukup cepat. Mereka terpaksa menunggu perkhidmatan sehingga berumur 60 tahun iaitu 30 tahun lagi baru mereka sampai ke kedudukan status yang seperti itu. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Lipis. Soalan saya lebih kurang sama.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sedikit sahaja, pasal saya hendak sebut yang *last* ini.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, selain daripada gaji, bagi saya syarat perkhidmatan itu juga penting. Sebagai contohnya, sekarang ini hasrat Kementerian Pelajaran hendak buat pensiswazahan semua guru di sekolah rendah, sekolah menengah, mungkin sekolah tinggi pun, Tingkatan Enam semuanya guru siswazah. Akan tetapi, kita tengok dari segi skim untuk menjadi Guru Besar dan Penolong Kanan pula, masih lagi pada bukan siswazah.

Jadi kalau ada guru-guru siswazah yang berkhidmat di sekolah rendah, mereka ini tidak boleh untuk menjadi Guru Besar atau Penolong Kanan sebab skim untuk Penolong Kanan dan Guru Besar itu adalah guru bukan siswazah. Jadi kita harap walaupun hasrat guru siswazah tadi hendak semua tetapi betulkan skim ini, syarat perkhidmatan ini. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya ingat saya tidak payah beri pandangan. Minta Menteri jawablah nanti. Kalau saya beri pandangan tidak cukup masa saya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tentang elaun Ahli Parlimen. Tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat Jasin. Kenapa kita begitu hipokrit, pihak Pakatan Rakyat, pihak pembangkang dalam hal ini? Soal naik atau tidak elaun Ahli Parlimen tidak penting tetapi jangan diputarbelitkan, dan harus dilihat dan diberitahu kepada rakyat. Rakyat kena tahu ini. Saya hendak minta daripada Setiausaha Dewan, yang telah berucap untuk kenaikan elaun ini daripada Pakatan Rakyat, daripada pembangkang ini daripada penggal yang dahulu sampai sekarang berapa orang? Saya hendak minta daripada Setiausaha Dewan keluarkan balik dalam *Hansard*, berapa orang yang telah bercakap.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Sekijang. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya perlu perbetulkan kenyataan itu yang tidak berapa tepat. Yang putar belit dan hipokrit ini Ketua Umumnya dengan juak-juaknya lah. Ketua Pembangkang sahaja. Sebab ramai rakan-rakan kita bila sembang dekat belakang itu, dok maki hamun Ketua Pembangkang sahaja. Sebab, yang mencadangkan kenaikan ini pun daripada Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya duduk dalam jawatankuasa itu. Jadi, tidak adil untuk menyatakan Pakatan Rakyat yang hipokrit dan putar belit. Sebenarnya Ketua Pembangkang dan juak-juaknya sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu membetulkan kenyataan saya tadi. Saya pun tidak tahu yang hipokrit itu yang dekat-dekat situ. Padanlah semalam semasa Yang Berhormat Kuala Langat berucap, dia pandang sahaja kerusi itu, dia terus tidak boleh *landing*. Dia pusing-pusing, dia terpendang kerusi dekat situ, tidak boleh *landing* lagi dia.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Minta laluan Yang Berhormat Sekijang. Sebut Kuala Langat itu, minta laluan.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Minta laluan, okey.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya hendak betulkan *statement* Yang Berhormat Sekijang, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya semalam jelas bahawa rakyat perlu tahu pendapatan wakil-wakil rakyat adalah di bawah paras JUSA. Kemudian, rakyat kena tahu keperluan yang diperlukan seperti pejabat, kerani, setiausaha, pemandu, bayaran petrol, keraian yang parasnya paras yang 15 tahun yang lalu. Keduanya ialah pegawai *researcher* dan pembantu *researcher*.

Saya melingkarkan itu adalah melibatkan berasingan pendapatan. Saya tidak kata menolak pendapatan kenaikan *allowance* itu. Yang saya maksudkan ialah di mana sikap keadilan sebagai wakil rakyat. Saya merumuskan bahawa keperluan itu kalau diperlukan sebagai *researcher* untuk mengangkat martabat Ahli Dewan menjadi seorang wakil rakyat yang hebat, yang tahu semua pengetahuan. Kita perlukan pegawai.

Keseluruhan daripadanya, diperlukan kenaikan, kita perlulah dalam pembentukan untuk mengadakan pentadbiran yang menyeluruh.

Yang Berhormat Sekijang kena faham bahawa maksud saya jelas. Keperluan itu wajib. Wajib. Jangan salah faham. Kalau menjadi wakil rakyat tidak ada informasi, wakil rakyat itu ketinggalan ke belakang. Kalau Speaker tidak tahu apa pun, Speaker menjadi Speaker yang tidak berfungsi. Jadi Speaker perlukan *researcher*, pengetahuan yang luas supaya semua kawasan Speaker dapat maklumat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dalam perkataan yang pendek, setuju lah itu.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Setuju. Kata lain, ia keperluan itu Tuan Yang di-Pertua, keperluan. Yang Berhormat Sekijang, hendak betulkan *statement* Yang Berhormat Sekijang. Jangan Yang Berhormat Tenggara membalun saya maksimum. Hendak beritahu bahawa ini keperluan. Okey, jadi itu penjelasan. Jadi kalau perlukan penjelasan lebih, kita minum teh di luar nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang, habiskan Yang Berhormat Sekijang.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebab itu saya perbetulkan Yang Berhormat Sekijang. Mereka tidak membantah. Yang putar belit dan hipokritnya Ketua Pembangkang. Saya sudah sebut semalam, Dewan Undangan Negeri Selangor pun sudah luluskan kenaikan. Jadi, hipokritlah... [*Dewan riuh*]

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya minta Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Yang ini hipokrit nombor satu ini.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tolong lah sedikit menjaga kelakuan. Tidak payah hendak buat serangan yang macam itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Shah Alam tidak payah lah, dia ada sumber yang lain.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tidak payah hendak buat serangan yang macam itu. Saya tidak setuju.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia ada sumber lain.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Walaupun kami sama sekolah tetapi saya tidak setuju cara begitu. Saya bercakap bagi pihak keperluan dan tolong jangan membilaskan cerita yang tidak begitu menarik didengar. Saya mohon.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Shah Alam tidak payah lah, dia ada sumber lain.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya hendak tutup.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya sekadar hendak mengatakanlah bahawa sebenarnya walaupun kami sokong dan kita memahami perlunya kenaikan *allowance* tetapi memandangkan masanya dan bajet...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Apa pula masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dan masanya dan bajet yang defisit... [*Disampuk*] Tidak boleh dibandingkan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Kalau hendak, katalah hendak.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Putar belit itu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak boleh dibandingkan dengan Selangor. Selangor sudah empat tahun...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Putar belit lah itu, putar belit. Selangor naik tidak apa.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Selangor sudah empat tahun bajet seimbang. Pendapatan negeri Selangor bertambah daripada RM1 bilion sampai RM1.8 bilion.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Oh, Selangor tidak apa.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Selangor boleh.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Pendapatan Kerajaan Negeri Selangor bertambah daripada RM800 juta, naik RM1.2 bilion.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Cukuplah...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ini Yang Berhormat Shah Alam ini hipokrasi *in the highest order*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Lalu tidak boleh dibandingkan. Ini saya iklankanlah. Minggu depan saya berucap, saya akan ceritakanlah. Yang hendak dengar boleh duduk dalam, yang tidak hendak dengar boleh keluar.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sampai boleh pakai duit zakat lah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sampai boleh pakai duit zakat. Punya kaya Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa yang kata pakai duit zakat itu, cabar saya dekat luar.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sampai boleh pakai duit zakat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya hendak bercakap ini. Ini bukan *you* punya *floor*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terus terang kita jumpa dekat luar cakap. Siapa yang pakai duit zakat?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Eh, terasa pula. Terasa pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Jangan main cakap lepas sahaja.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terasa pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Selangor punya kaya boleh pakai duit zakat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Nampaknya tadi... [Disampuk] Sebab Yang Berhormat Kuala Langat ini Tuan Yang di-Pertua, dia dekat bilik air pun saya dengar dia bercakap tentang elaun. Saya dekat pintu pun saya dengar dia cakap tentang elaun. Bercakap dekat kantin pun...

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sekijang, kalau cakap tanggungan lain, cakap tanggungan lain, jangan cakap bab *allowance*.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sampai dalam Dewan dia tidak berani, tetapi selepas ini tadi memang cantiklah. Okey, kita setuju.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Maknanya kita bersetuju mengatakan bahawa...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ha, bersetuju, okey, okey.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sebab elaun pun boleh mengigau.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mengatakan bahawa kita perlukan *researcher*, kita perlukan pegawai, kita perlukan mereka-mereka yang berkemampuan memberikan transformasi itu.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bab elaun sampai mengigau.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Perbetulkan.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Okey, okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ah, ini pun kalau tidak beri susah juga saya ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil. Saya sebetulnya memang sudah sembilan tahun kita melihat bagaimana kita bandingkan 47 buah negara, Parlimen Malaysia lah elaun Ahli Parlimennya yang terendah. Yang Berhormat Kuala Langat, saya dengar dia ini dalam jawatankuasa menilai apa ini termasuk Yang Berhormat Kubang Kerian, tetapi hari ini tidak bersetuju, saya hairan.

■1540

Jadi kalau boleh kita sama-sama ini..., jangan kita politikkan, untuk kepentingan kita bersama, untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Setuju kah Yang Berhormat Kuala Langat kalau kita bahas isu meminta kerajaan mempertimbangkan untuk menaikkan elaun kita untuk memberi perkhidmatan yang terbaik. Jangan kita main putar alam tidak baik. Sebab Dewan Undangan Selangor pun sudah naik apa beza dengan sini. Setuju kah tidak?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik putar alam itu. Kita minta kerjasama pandangan perkongsian. Kan lebih manis itu Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey, okey. Setuju kah tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sudah awal-awal setuju Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Setuju kah tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena hendak berucap ini.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sebab itu kita ini di Barisan Nasional ini kita ini orang kata bukan sahaja kita daripada ahli-ahli kita sahaja BNBB. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dia dengar juga rintihan daripada sebelah sana. Apabila Yang Amat Berhormat bagi *green light* tetapi apa yang dijawabnya ini yang saya katakan tadi...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Rintihan kita minta *allocation* RM1 juta itu. Itu yang kita minta.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Hipokrit. Jangan kita hipokrit.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sudah lama sudah kita minta tetapi tidak pernah dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kita cakap apa yang...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Peruntukan Ahli Parlimen RM1 juta yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak diberi kepada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kalau tidak Tuan Yang susahlah kita ini.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: RM2 juta sudah diberi.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Cerita hendak dipusingkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini tidak adil kepada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalaulah Perdana Menteri...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Duit zakat pun sapu sudahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Patut ini sudah awal-awal lagi dia sudah bagi.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Duit zakat pun sapu apalah!

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau bagi elaun itu tidak payah naik pun sudah cukup sudah. Kita pandai macam mana hendak urus. Bukan macam Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ini *floor* saya ini apa ini cakap ini...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Duit zakat pun ambil.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua seperti yang dikatakan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tadi.

Sebab itu Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu berhijrah, hijrah itu bagus... [Disampuk] Kalau sudah kelompok yang depan kata tidak mahu yang belakang mahu, hijrah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Hijrah, hijrah Barisan Nasional masuk pilihan raya pun boleh juga. Hijrah juga itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kita ini lebih prihatin. Kerajaan yang lebih prihatin. Jangan bercakap-bercakap sahaja. Dalam Buku Jingga dalam buku apalah. Kita ini meliputi semua. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap dengan profesionalnya pegawai-pegawai kerajaan yang membuat ini tentu ada bajetnya. Apa kita hendak bercakap pula tentang tidak ada duit, ekonomi tidak sesuai tetapi buat di Selangor sesuai, buat di situ sesuai. Apa ini berpusing-pusing ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya pohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena.

3.42 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang beri kesempatan pada saya untuk turut membahaskan Belanjawan Negara tahun 2012 yang telah pun dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan. Cuma ingin saya merakamkan sedikit kekecewaan saya dalam perbahasan ini kerana sehingga hari ini hari keempat kita berbahas tentang belanjawan negara kita. Sepatutnya kita boleh berbahas dengan secara yang lebih baik dengan membuat rujukan-rujukan kepada perkara-perkara yang tertentu khususnya berkaitan dengan perbelanjaan negara kita untuk tahun 2010. Melalui pembentangan laporan audit yang sepatutnya dibentangkan kepada kita sejak daripada hari pembentangan belanjawan ini.

Akan tetapi, sehingga sekarang hari keempat kita berbahas kita tidak boleh dapat merujuk kepada laporan audit tentang pengurusan dan perjalanan perbelanjaan kewangan negara untuk tahun 2010. Sebaliknya, pada semalam dan hari ini dibentangkan kepada kita diberi kita buku ucapan Menteri Kewangan tentang bajet. Saya ingat buku ini tidak bagi pun tidak apa sudah. Kita dapat sudah yang fotostat hari itu yang boleh kita rujuk tentang ucapan yang telah dibaca dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi dia tunjuk gambar dia dan sebagainya tetapi saya hendak katakan bahawa yang kita minta bukan buku ini. Buku yang kita minta ialah buku laporan audit.

Jadi saya tidak tahu mana kesilapan sehingga menyebabkan pada hari keempat perbahasan kita ini kita masih belum dibekalkan dengan laporan audit...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya merakamkan satu kekecewaan yang amat sangat Parlimen gagal untuk mengemukakan laporan audit pada kali ini. Saya tidak tahu apakah pendirian Yang Berhormat Padang Besar selaku Pengerusi PAC yang sepatutnya lebih awal, selaku Pengerusi yang punya integriti yang tinggi yang sepatutnya lebih awal daripada kami untuk membuat satu kenyataan yang lebih ke hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Meminta supaya laporan audit ini perlu dikemukakan. Akan tetapi, sehingga hari ini kita masih belum dapat laporan audit yang sepatutnya menjadi rujukan kita tentang perbahasan belanjawan ini. Supaya hendak pastikan bahawa perbelanjaan kita ini biarlah perbelanjaan yang dibelanjakan secara yang lebih berhemah berbanding dengan perbelanjaan sebelum ini.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Pokok Sena. Saya rasa benda ini bukan perkara kecil, perkara yang serius kerana ia merujuk kepada satu tanggungjawab statutori tanggungjawab berkanun oleh *Auditor General*. Tanggungjawab beliau untuk menyediakan semua itu ialah tanggungjawab yang berat. Implikasi untuk tidak menyiapkan mengikut seperti peraturannya itu satu implikasi besar. Jadi saya rasa bersetuju dengan saya Yang Berhormat Pokok Sena bahawa kegagalan untuk mengadakan laporan audit di Dewan yang mulia ini bagi saya mencemarkan sedikit sebanyak perbahasan kita.

Ini kerana kita mahu satu perbahasan yang tepat, yang efektif. Jadi saya rasa laporan audit itu satu perkara yang amat penting. Setuju dengan saya bahawa kita perlu mengusulkan dan mencadangkan kepada Dewan mungkin kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil satu ketetapan untuk perkara ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, baik terima kasih. Saya bersetuju amat sangat. Sebab itu saya sebut daripada awal rakaman kekecewaan saya terhadap perjalanan perbahasan kita sehingga hari ini. Parlimen saya katakan bahawa dalam konteks ini bahawa Parlimen gagal mengemukakan kepada kita yang sepatutnya menjadi tanggungjawab pihak Parlimen, pihak Tuan Yang di-Pertua untuk membentangkan. Akan tetapi, saya tidaklah hendak mengatakan bahawa Parlimen itu yang bersalah. Mungkin laporan itu belum sampai kepada mereka jadi sepatutnya bagi saya bahawa pihak Parlimen khususnya pihak Tuan Yang di-Pertua perlu membuat satu penyiasaan, perlu membuat satu ketegasan untuk mencari kenapa, punca-punca kenapa laporan audit itu masih belum dibekalkan.

Saya telah difahamkan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Sungai Petani bahawa mengikut laporan daripada Jabatan Audit Negara bahawa mereka telah menyiapkan laporan audit itu lebih awal daripada yang sebelum ini, yang biasa. Akan tetapi, apabila diberitahu bahawa kami belum mendapat laporan audit mereka agak terkejut. Jadi saya tidak tahu apakah laporan audit itu terlebih dahulu hendak diperhati, hendak diperhalusi pula oleh Menteri Kewangan untuk hendak memadam ketirisan-ketirisan yang telah pun ditunjukkan oleh laporan audit sebelum ini. Jadi saya katakan bahawa tanggungjawab Laporan Ketua Audit ialah audit itu, laporan itu dikemukakan kepada Parlimen bukan dikemukakan kepada Menteri Kewangan ataupun kepada mana-mana Menteri.

Jadi saya minta supaya pihak Parlimen khususnya pihak Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil tanggungjawab ini. Di samping itu saya juga minta daripada Yang Berhormat Padang Besar sebagai Pengerusi PAC yang seharusnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini untuk menjaga integriti Parlimen ini sendiri. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini. Saya lihat bahawa sebelum daripada belanjawan itu laporan menggambarkan dan digambarkan bahawa harapan masyarakat dan rakyat kepada belanjawan itu sendiri. Juga harapan itu didorong oleh kenyataan-kenyataan yang telah pun dibuat terlebih dahulu oleh kerajaan tentang bagaimana rupa bentuk belanjawan itu. Antaranya ialah kononnya belanjawan itu ialah belanjawan ada satu mekanisme melalui penubuhan makmal NKRA iaitu untuk hendak mengurangkan kos beban, kos sara hidup. Ini yang digambarkan.

Jadi sudah tentulah bahawa harapan rakyatnya dalam keadaan tekanan hidup yang begitu tinggi maka mereka mengharapkan bahawa satu belanjawan yang benar-benar boleh meringankan beban kos sara hidup seperti mana yang dinyatakan oleh pihak kerajaan. Ini kerana kerajaan telah pun membentuk satu lagi NKRA iaitu NKRA yang berkaitan dengan mengurangkan beban kos sara hidup hingga ada satu makmal dan sebagainya.

■1550

Akan tetapi bila dikemukakan belanjawan ini saya tidak dapat melihat di manakah unsur-unsur ataupun elemen-elemen tertentu dalam belanjawan ini yang betul-betul boleh mengurangkan beban kos sara hidup. Ini sebab ia umpamanya begini, beban itu terlalu tinggi di atas bahu kita ini.

Maknanya kita pikul beras 50 kilogram umpamanya, kita tidak larat, letih, nampak tidak larat, membongkok. Tiba-tiba kita buang dua kilogram. Adakah dengan buang dua kilogram itu maka kita boleh berdiri tegak bersama dengan beras 48 kilogram? Sudah tentu tidak mampu untuk hendak berdiri tegak kerana beratnya yang hanya dikurangkan pada dua kilogram. Jadi, begitulah juga bagi saya bahawa dengan pengumuman-pengumuman yang digambarkan hendak mengurangkan beban kos sara hidup itu berasaskan kepada pemberian-pemberian *one-off* yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan belanjawan baru-baru ini.

Saya tidaklah mengatakan bahawa tidak perlu beri *one-off* itu. Boleh beri tetapi ia tidak menggambarkan bahawa peruntukan pemberian *one-off* itu betul-betul merupakan kaedah yang direkomenkan oleh makmal NKRA hendak mengurangkan beban kos sara hidup ini, yang betul-betul boleh mengurangkan beban kos sara hidup. Contohnya, saya katakan umpamanya apabila diberikan RM500 untuk orang yang berpendapatan RM3,000. Berapa duit sangat, RM1.33 sehari. Sejumlah RM1.33 sehari, hendak kurangkan beban kos sara hidup? Ikan temenung Yang Berhormat Sungai Petani, berapa?

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: RM9.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: RM9, ikan temenung. Melengung! Melengung dan termenung... [Ketawa] Jadi, saya hendak katakan bahawa duit RM1.33 ini, takkan RM1.33 duit peruntukan satu hari daripada kerajaan boleh mengurangkan beban kos sara hidup? Sambil itu pula saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang tadi yang menyebutkan bahawa hendak dapatkan ini kena daftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ya, kalau hendak daftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah tentulah orang yang mempunyai repot, yang pernah dapat borang cukai.

Kalau orang kampung, borang cukai pun tidak pernah tengok. Tidak pernah tengok, macam mana nama depa hendak direkodkan, hendak didaftar di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana mereka selama ini bukan masuk dalam asnaf yang layak dicukaikan dan mereka sendiri pun tidak pernah tengok borang cukai. Jadi, saya tidak tahu apakah akhirnya akan jadi macam beras SUBUR. Sampai hari ini beras SUBUR masih belum dapat dilaksanakan kerana masalah-masalah mekanisme tadi.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, sedikit Yang Berhormat Pokok Sena. Kebetulan, saya jarang tengok RTM. Semalam saya balik, kebetulan program namanya *dialog*, program mengenai Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Tambun dengan Saudara Syed Munawar mengenai macam mana bajet hendak di mekanisme dan sebagainya. Ini soalan, boleh betulkan RTM ya, kalau saya cakap perkara yang salah. Selepas soal jawab melalui Facebook, seorang telefon. "Saya orang pencen, saya gaji sekian-sekian, RM500 dekat mana hendak dapat?" Lebih kurang macam itu. Yang Berhormat Menteri jawab, "Kita, dalam bulan Januari baru kita akan berjumpa dan kita akan fikir macam mana hendak selaraskan."

Jadi, orang kampung dia tanya soalan-soalan yang praktikal, dekat mana hendak ambil, bila hendak ambil. Antara yang saya ingat semalam saya tengok, kebetulan saya tengok sampai habis, "Kita akan isytiharkan dalam masa-masa akan datang." Jadi, perkara yang diisytiharkan ini sebenarnya kalau betul dengan *lab* yang dibuat, saya rasa bukan satu perancangan yang lengkap. Itu apa Yang Berhormat Menteri cakap. Mohon... dia kena perelaskan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, oleh sebab itu saya katakan bahawa komen saya daripada awal, bajet ini tidak terhasil daripada satu perancangan yang teliti tetapi ia lebih didorong kerana hendak berlawan. Hendak berlawan dengan bajet yang telah dikemukakan oleh Pakatan Rakyat supaya dilihat bahawa, "Oh, bajet ini lebih baik daripada – pemberiannya lebih baik daripada Pakatan Rakyat..." [Dewan riuh] Jadi, oleh sebab itu saya hendak balik kepada persoalan..

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Pokok Sena buat lawak ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak berbalik kepada persoalan asas yang saya katakan tadi bahawa pemberian yang diberikan itu tidak dapat menyelesaikan persoalan beban kos sara hidup seperti yang digambarkan bahawa "*Oh! Belanjawan ini kita hendak kurangkan beban sara hidup.*" Tidak beban... Saya katakan tadi macam duit RM1.33. Kemudian diberikan sebanyak RM3,000 kepada bekas polis lama ini, polis Bukit Kepong dan sebagainya. Tiga ribu! Lapan ringgit tiga puluh sen!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pokok Sena ada bayar cukai lawak kah?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia punya cukai lebih sikit daripada gaji jaga stor itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duit RM8.33! RM8.33 kepada polis Kepong dahulu ini. Kita hendak bagi jasa mereka yang sangat berharga yang perlu kita korbankan. Kemudian begitu juga RM100 kepada penuntut sekolah, budak sekolah. Saya percaya bahawa 1 Januari penggal pertama ini akan digambarkan bahawa Menteri pergi bagi duit RM100 dan sebagainya. Yalah, dua kupang tujuh duit sehari! RM200 kepada...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kalau banding dengan gaji Mat Sabu di pembangkang, Pulau Pinang memang tidak boleh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya bukan hendak mengatakan bahawa tidak boleh bagi kepada rakyat tetapi tidak menggambarkan bahawa belanjawan itu betul-betul belanjawan yang hendak meringankan beban kos sara hidup. Oleh sebab itu saya lihat umpamanya penghargaan kepada bekas tentera, hanya disebut bekas tentera khususnya bagi mereka yang berkhidmat tidak melebihi 21 tahun.

Maknanya tidak melayakkan untuk mereka itu sebagai mendapat pencen. Jadi hanya diberi dalam bentuk latihan. Hendak latih mereka untuk bekerja masuk dalam sektor awam atau sektor swasta. Kalau yang masih muda tidak mengapalah, orang yang sudah tua, apa yang mereka dapat? Sedangkan saya hendak mendapatkan satu penjelasan daripada pihak kementerian bahawa ada janji yang telah pun dibuat oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, yang menjanjikan bahawa akan ada satu pemberian pencen ataupun elaun untuk 300,000 bekas-bekas tentera yang berkhidmat tidak melebihi daripada 21 tahun selepas daripada pembentangan dan kelulusan Rang Undang-undang Veteran 2011.

Ini disebut beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi saya melihat daripada pembentangan Rang Undang-undang Veteran yang diluluskan ini tidak pun hendak memperlihatkan bahawa ada satu komitmen dan kesungguhan ke arah untuk pembayaran pencen kepada bekas-bekas tentera ini yang kalau ikut Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kata sebanyak 175,000. Akan tetapi ikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kata sejumlah 300,000. Jadi, saya katakan bahawa ini yang sepatutnya dilihat oleh pihak kerajaan dan saya menuntut supaya kerajaan harus memikirkan bagaimana pencen untuk mereka-mereka ini.

Oleh sebab itu, perlu dilihat. Maknanya mungkin selepas ini tidak perlu ada skim kuota hendak kena berkhidmat 21 tahun baru boleh dapat pencen. Jadi kalau yang berkhidmat 19 tahun? Lama tempoh itu tetapi tiba-tiba dia tidak dapat pencen. Aniyalah dia! Dalam keadaan dia sudah umur tua, hendak pi kursus apa lagi? Hendak buat latihan apa lagi? Hendak masuk sektor swasta, dia hendak makan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana yang lebih baik? hendak bagi pencen dengan *one-off* kah ataupun memuja-muja komunis sebagai wira negara?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini apa? Maknanya orang yang Bukit Kepong hendak diberikan hanya setakat RM3,000, duit RM8.33, malulah! Itu pun mujur Mat Sabu sebut! Kalau Mat Sabu tak sebut? Haram 'sekepiang' tak dapat!... [*Ketawa*] Haram 'sekepiang' tak dapat! Jadi, oleh sebab itu saya minta daripada pihak kerajaan untuk melihat persoalan ini, oleh sebab saya katakan bahawa umpamanya diumumkan pelepasan-pelepasan cukai untuk pemilik teksi persendirian dan juga bayaran tertentu untuk hendak melupuskan dan sebagainya.

Saya hendak katakan bahawa sebahagian besar pemandu teksi itu adalah bekas tentera tetapi tidak ramai yang memiliki teksi persendirian. Kebanyakan mereka adalah pemandu kepada syarikat teksi. Jadi, sudah tentulah bahawa mereka ini tidak akan mendapat apa-apa habuan. Jumlah pemilik permit persendirian ini terlalu kecil. Oleh sebab itu kita menuntut supaya permit teksi ini hendaklah diberikan kepada pemandu-pemandu teksi secara pemilik permit persendirian. Ini yang kita minta supaya dan kita ingin komitmen Pakatan Rakyat iaitu kalau kita memerintah, sistem yang ada sekarang ini akan dikaji semula dan akan diutamakan kepada pemandu-pemandu teksi ini.

Oleh sebab itu bagi saya, saya sangat kecewa kerana tidak ada peruntukan untuk bekas tentera secara yang serius dan bekas tentera yang memandu teksi pun tidak apa kerana mereka hanya pekerja kepada syarikat-syarikat teksi. Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itu saya katakan tadi pemberian-pemberian itu yang akhirnya dengan perkembangan ekonomi yang ada ini, akhirnya beban itu akan makin bertambah. Hari ini selepas pembentangan belanjawan beberapa hari sahaja, masalah keluh kesah dari kalangan masyarakat kita ialah kenaikan harga barang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]*

■1600

Kerajaan sendiri pun tidak ada satu jaminan bahawa 2012 harga minyak tidak akan dinaikkan, tidak ada satu jaminan harga minyak tidak akan dinaikkan. Bermakna bahawa dengan perkembangan ekonomi yang ada ini berkemungkinan bahawa harga minyak akan melambung dan akan menyebabkan kita terpaksa menampung perbelanjaan yang lebih dan kerajaan saya lihat bahawa akhirnya akan menyebabkan mereka mengurangkan subsidi kepada barang-barang yang menjadi keperluan kepada rakyat untuk cover pemberian kepada *one-off* kali ini.

Jadi sebab itu saya hendak mengingatkan baik pegawai kerajaan, baik siapa sekalipun di sebalik umpan itu ada mata kail yang sangat berbisa. Di sebalik umpan, dia bagi kita pergi mengail, bagi umpan elok-elok tetapi di sebalik umpan itu ada mata kail yang sangat berbisa. Kena mata kail itu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Umpan itu bayang-bayang itulah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena mata kail Yang Berhormat Sungai Petani, leher dia kena, insang. Bawa naik atas bot, hendak bawa keluar mata kail daripada insang itu punya seksa ikan itu, bawa balik rumah kena siang pula. Inilah dia nasib yang akan dihadapi oleh rakyat dalam negara kita daripada belanjawan negara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kemudian saya juga melihat bahawa tidak ada satu secara yang serius pihak kerajaan untuk hendak melihat persoalan penambahan pendapatan kepada negara kita ini dan yang menyebabkan bahawa akhirnya bahawa apabila kita berhadapan dengan defisit yang tidak dapat diatasi ini, cara mudah kerajaan mengambil pendekatan hendak mengurangkan defisit iaitu kurangkan subsidi. Hendak mengurangkan defisit GST, 'gasak sampai terlentang'. Yang gasak itu kerajaan, yang terlentang itu rakyatlah.

Maknanya bagi saya bahawa kerajaan begitu mudah, maknanya tidak memikirkan hendak mengatasi masalah defisit negara itu ialah dengan menerokai sumber-sumber baru ataupun meningkatkan pendapatan dari sumber-sumber yang sedia ada tetapi sebaliknya hari ini saya lihat bahawa kerajaan bukan sekadar berusaha mengurangkan defisit tetapi sebenarnya kerajaan memindahkan defisit itu daripada defisit kerajaan, negara kita ini kepada defisit rakyat. Apabila subsidi dikurangkan, harga minyak, harga barang akan naik. Jadi apabila harga minyak akan naik, bermakna bahawa perbelanjaan rakyat akan melebihi daripada pendapatan.

Bermakna bahawa kerajaan sebenarnya bukan sekadar mengurangkan defisit kerajaan, defisit negara kita ini tetapi sebenarnya pindahkan defisit itu kepada rakyat. Sepatutnya bagi saya ialah kerajaan dalam hendak mencari dan mengatasi masalah defisit ini ialah seharusnya mencari sumber baru ataupun pendapatan dari sumber yang sedia ada...

Seorang Ahli: Mencari sumber ekonomi dari mana itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, dia banyak putar alam Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya melihat bahawa dalam belanjawan ini ada tiga sektor yang kerajaan saya tidak nampak dari sudut usaha untuk meningkatkan hasil ini dan hendak memberikan satu lonjakan baru kerana ada tiga sektor yang memberikan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara kita iaitu *electrical* dan elektronik, komoditi dan juga minyak. Tiga sektor ini tetapi saya tidak nampak di manakah usaha kerajaan secara serius untuk hendak melonjakkan tiga sektor ini.

Saya mengambil contoh umpamanya sektor minyak. Kita ada 103 telaga minyak yang marginal, *marginal fuel*, telaga kecil yang boleh menghasilkan antara 400 hingga 600 juta tong atau 400 hingga 600 juta *barrel marginal fuel* tetapi ini sudah lama dikenal pasti tetapi sehingga hari ini saya tidak lihat bahawa kerajaan khususnya daripada pihak Petronas menerokai *marginal fuel* ini sedangkan kita punya teknologi tertentu untuk hendak menghasilkan *marginal fuel* yang boleh memberi dan menambahkan pendapatan dan meningkatkan pendapatan kepada negara kita.

Jadi sebab itu saya lihat bahawa kalau kerajaan betul-betul bersungguh-sungguh dalam usaha ini untuk hendak meningkatkan pendapatan negara melalui memberi tumpuan kepada *marginal fuel* ini saya katakan bahawa sudah tentu bahawa kita boleh mengurangkan dan mengecilkkan defisit itu secara yang lebih baik kerana menambahkan pendapatan kepada negara kita untuk berbelanja bagi kepentingan masyarakat dan rakyat. Tanpa menyusahkan rakyat dan bukan ambil daripada subsidi yang telah diberi kepada rakyat.

Begitu juga kalau kita lihat bahawa *brown fuel*. *Brown fuel* ini ialah telaga yang ditinggalkan dan yang telah pun dicari gali oleh pihak *Shell*, *Esso* dan sebagainya ditinggalkan sedangkan mengikut teknologi yang ada sekarang ini *brown fuel* ini boleh lagi memberikan sumber antara 20 peratus ke 25 peratus hasil minyak yang masih lagi tertinggal di dalam *brown fuel* atau telaga yang sudah dicari gali. Memang ada penemuan teknologi pada hari ini yang boleh mencari gali *brown fuel* ini tetapi kerajaan nampaknya tidak melihat khususnya pihak Petronas kerana mungkin mereka merasakan bahawa dia besar, tidak perlu bergantung kepada *marginal fuel*, tidak perlu bergantung kepada *brown fuel*. Maka akhirnya marginal dan *brown fuel* itu dibiarkan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya tekun mendengar. Yang Berhormat Pokok Sena, di mana orang yang pakar minyak di Malaysia ini sebab saya dimaklumkan mantan CEO Petronas sendiri yang tadi Yang Berhormat Pokok Sena mengatakan kita perlu memajukan industri minyak dan antara orang yang berjaya melalui industri minyak ke satu tahap yang amat dibanggakan. Akan tetapi saya difahamkan beliau tidak menyumbang khidmat di Malaysia sekarang, dikatakan hingga di Conoco, Amerika saudara Hassan Merican. Mungkin Yang Berhormat Pokok Sena boleh minta Menteri jelaskan kenapa kepakaran begitu kita tidak memanfaatkan potensi-potensi yang Yang Berhormat Pokok Sena katakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebab kita tidak jaga kita punya profesional, kita punya kepakaran yang ada kepada kita sehingga bekas CEO pergi ke ConocoPhilips di luar negara, di Texas dan ramai lagi saya difahamkan bahawa tenaga-tenaga muda ini lebih banyak berkhidmat di luar negara melalui syarikat-syarikat internasional kerana mereka ditawarkan dengan bayaran yang begitu baik dan sebagainya, akhirnya meninggalkan negara kita. Jadi saya katakan bahawa ini merupakan perkara yang harus dilihat yang saya katakan tadi bahawa soal *marginal fuel* dan *brown fuel* dan sebagainya.

Jadi kita tinggal tauke minyak urat sahaja buat apa, minyak gamat. Minyak gamat bagus juga ada hasil. Jadi sebab itu saya minta bahawa ini pada kaedah untuk hendak mengurangkan defisit kita.

Ketiga ialah kerana untuk hendak mengurangkan defisit kita ini ialah pertama sekali saya hendak mencadangkan supaya perbelanjaan diumumkan semalam daripada sejak ditubuhkan PLKN sampai hari ini hampir RM5 bilion tetapi saya tidak nampak walaupun disebut oleh Timbalan Menteri hebatnya begitu begini tetapi saya tidak nampak apa hasil kepada hendak menyejahterakan kehidupan masyarakat dan rakyat dalam negara kita. Sedangkan saya daripada awal sewaktu pembentangan akta untuk mewujudkan PLKN saya katakan sepatutnya kita peruntukan atau kaedah pembelajaran latihan itu boleh diserapkan di bangku sekolah lagi tetapi kita pergi hendak buat tiga bulan. Bermakna bahawa kita mengakui gagalnya sistem pendidikan yang ada di persekolahan kita.

Jadi sebab itu bagi saya, saya hendak mencadangkan supaya PLKN ini ditutup dan RM5 bilion yang telah kita belanjakan itu jangan pula sampai beberapa tahun akan datang RM5 bilion lagi. RM5 bilion itu kita buat politeknik untuk mengeluarkan lebih banyak lulusan-lulusan diploma dalam bidang-bidang teknikal di samping mereka itu diserapkan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan sahshiah dan keperibadian mereka yang tinggi. Jadi ini saya katakan bahawa yang perlu dilihat oleh kerajaan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih. Saya rasa cadangan itu cukup baik. Dari segi jumlah RM5 bilion ini perlu kita gunakan untuk menaik taraf guru-guru kita, kemahiran guru-guru kita supaya keperluan untuk PLKN itu langsung tidak timbul dan dengan itu juga dengan apa yang dicadangkan oleh Pakatan Rakyat dalam bajetnya menaikkan gaji kepada guru-guru sebanyak RM500 setiap bulan tidak lagi merupakan satu perkara yang tidak mustahil.

Ini menunjukkan kebijaksanaan pengurusan, pentadbiran, cara guna apa kekayaan dan *resources* yang ada pada kita dengan cara yang lebih berkesan. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya bersetuju sepenuhnya cadangan dan mohon jadi sebahagian daripada ucapan saya dan saya bersetuju sangat.

Saya juga hendak tanya sumber hasil lagi ini iaitu laporan kemasukan cincin RM24 juta ini, berapa cukai yang telah dibayar kepada pihak Kastam. Saya hendak tahu juga sebab ini hasil negara. Tak kan sebab jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata tidak ada unsur rasuah, cincin itu masuk kemudian keluar. Takkan dia masuk keluar pakai tikar terbang P. Ramlee.

■1610

Sudah tentu dia mesti masuk melalui pintu masuk kastam. Dia bukan boleh masuk '*zam zam ala kazam*'... [Ketawa] Jadi mestilah bila masuk melalui pintu *airport* dan sebagainya, mestilah melalui kastam. Apabila melalui kastam, tentulah kena cukai. Cincin emas ini, ia emas betul, emas yang sudah dihasilkan sebagai barang hiasan. Sudah tentulah bahawa kena cukai. Jadi saya hendak tanyalah, berapa hasil cukai ke arah hendak mengurangkan defisit negara?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada 2 minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hendak kurangkan defisit ada 2 minit lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada 2 minit lagi ya? Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini yang saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Dan juga saya hendak dapatkan penjelasan tentang bagaimana ekoran daripada *Multi-Role Combat Aircraft*, *MRCA campaign* iaitu pedagang-pedagang kapal terbang ini banyak datang ke negara kita, saya baru dimaklumkan untuk hendak ditawarkan penjualan dan pembelian kapal terbang perang untuk tentera kita ini. Jadi saya hendak tanya, adakah kerajaan kita sudah pun senarai pendek syarikat mana? Kita hendak tahu berapa jumlah harga yang hendak dibeli dan apa bentuk *offset* daripada pembelian tersebut. Kita tidak mahu nanti *offset*nya bagaimana kita beli Sukhoi, *offset*nya angkasawan.

Syarikat yang jual Sukhoi kita itu dalam *offset* saya pernah baca, tidak ada pun program angkasawan ditawarkan kepada kita menggunakan teknologi, pembinaan teknologi, tiba-tiba kita terhegeh-hegeh minta pergi angkasawan, bawa cucuk bendera, pergi makan sana dan sebagainya. Jadi, saya tidak tahulah bahawa apa *offset* yang dilihat supaya ada *transfer* teknologi dan sebagainya. Ini yang juga saya mohon.

Kemudiannya ialah saya juga minta penjelasan berkaitan dengan benih padi. Ini satu isu yang sangat besar. Saya pun hairan bagaimana pihak kerajaan gagal untuk menangani sehingga hari ini. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Asas Tani ada beri kepada saya di luar. Bila saya tanya beliau, beliau pun pergi ambil maklumat. Beliau beritahu kepada saya benih padi negeri Kedah ini yang kekurangannya kawasan MADA iaitu Simpang Empat Perlis, Kangar Perlis, Simpang Empat Kuah, Jerlun. Manakala luar MADA ialah Langkawi Kedah, Asun Kedah, Changlun Kedah. Seolah-olahnya seperti kawasan Pokok Sena ini tidak terlibat kawasan di sebelah Jerai, di sebelah Pendang, tidak terlibat padahal saya hari-hari petani telefon saya bahawa ini masalah Yang Berhormat, benih tiada, kami hendak menanam bagaimana, hendak tabur bagaimana. Bila lari daripada *time* dia, bermakna bahawa kita akan berhadapan dengan satu masalah yang sangat besar.

Jadi isu yang saya hendak tanya di sini, kenapa kerajaan masih belum dapat menyelesaikan masalah ini sedangkan kita telah beri kepada syarikat-syarikat tertentu ini antaranya ialah Seri Merbok. Seri Merbok ini dahulu ini, saya pun hairan bagaimana Pak Chek Kiaw asal orang Cina ini dengan cap iaitu cap 'SAH'. Ini dia punya padi, beras dan sebagainya, tiba-tiba hari ini tukar jadi Seri Merbok, ia jadi syarikat bumiputera, diberikan 25 ribu tan. Sedangkan dia diberi 25 ribu tan, masih tidak dapat selesai masalah benih di Kedah. Jadi, saya katakan bahawa jika kelewatan ini bermakna bahawa kita akan berhadapan dengan kekurangan beras apatah lagi dalam keadaan banjir di Thailand. Oleh sebab itu saya minta penjelasan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada penghapusan ataupun pemansuhan Akta Kediaman Terhad hari itu, saya telah dimaklumkan bahawa ada 125 orang tahanan dibebaskan dan 200 waran tangkap dibatalkan. Memanglah kita perjuangkanlah bahawa ini tahanan tanpa bicara tetapi mereka ini ditahan dahulu kononnya atas alasan ada dokumen, ada kes, ada maklumat yang cukup daripada pihak polis. Jadi saya hendak tanyalah, adakah mereka ini akan didakwa? Ini kerana bagi saya bahawa kita tidak mahu pula apabila bebas, akhirnya tidak didakwa. Polis kata ada kes. Ini untuk menjaga keselamatan masyarakat, rakyat yang ada dalam negara kita.

Adakah mereka ini akan didakwa kalau polis kata ada kes? Kalau kes itu tidak ada, tidak ada maklumat, maknanya lemahlah polis ini sebab tidak boleh cari maklumat. Katanya hebat sangat polis ini. Jadi sebab itu, saya minta bahawa pihak polis dalam melaksanakan tugas ini mestilah bebas daripada pengaruh politik. Ini kerana mengikut kenyataan yang dibuat oleh bekas Ketua Polis Baling, Tunku Muszaffar, beliau menyatakan bahawa dalam kes peristiwa Memali satu ketika dahulu adalah berpunca daripada pengaruh politik. Maknanya, polis lebih mengikut arahan daripada orang politik. Ini dalam buku terbaru beliau berkaitan dengan sejarah Memali.

Jadi, saya katakan bahawa ini masalah dalam negara kita. Bersih dahulu pun tidak profesional, tidak dibuat atas pendirian polis kerana persoalan pendirian soal politik. Jadi akhirnya menyebabkan orang politik cuci tangan, yang kena polis. Jadi, saya minta bahawa ini isu yang menunjukkan bagaimana...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat bau politik.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang sebelum ini yang pernah saya sebut di sini sewaktu membahas Akta Kediaman Terhad apabila perhimpunan umat Melayu pada ketika itu, akhirnya yang diberi cuti ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Ketua Pemuda MCA pada ketika itu, yang masuk dalam saya, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya harap bahawa persoalan ini harus diatasi untuk memastikan supaya imej negara kita ini dapat diberikan satu gambaran yang lebih baik daripada apa yang ada pada hari ini. Saya merakamkan kekecewaan saya terhadap belanjawan ini yang gagal dibentangkan Laporan Audit kepada Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lanang.

4.16 ptg.

Datuk Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan bagi tahun 2012. Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang dihormati kerana telah membentangkan Belanjawan bagi tahun 2012 yang begitu bersifat prihatin dan penyayang untuk manfaat seluruh rakyat jelata. Orang ramai termasuk sektor *business* berkeyakinan tinggi terhadap kestabilan pertumbuhan ekonomi yang berterusan di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional.

Sehubungan itu, saya ingin membentangkan beberapa isu seperti pertama, masalah perkhidmatan penerbangan di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam proses pertukaran saham di antara MAS dan AirAsia iaitu 10 peratus pegangan daripada AirAsia telah ditukarkan dengan 20.25 peratus dalam MAS. Kerjasama ini dilihat sebagai kerjasama strategi di antara kedua-dua syarikat penerbangan. Ia akan mengelakkan persaingan yang tidak sihat dan mendatangkan kesan positif industri penerbangan di negara ini. Namun dalam proses kerjasama ini, kedua-dua syarikat ini harus memberikan keutamaan kepada para penumpang terutamanya dari segi kos tambang dan jadual penerbangan. Keadaan *win-win* harus dicapai dalam proses mencari keuntungan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, MAS mempunyai dua buah anak syarikat iaitu Firefly dan MASwings yang menyediakan perkhidmatan penerbangan untuk negeri Sarawak dan Sabah. Firefly telah menggantikan MAS dalam menyediakan penerbangan terus dari Sibu ke Kuala Lumpur semenjak bulan Julai tahun ini. MASwings pula menyediakan penerbangan domestik yang menghubungkan bandar-bandar di Sarawak dan Sabah.

Projek pemanjangan lapangan terbang Sibu yang dinanti-nantikan oleh warga Sibu dijangka siap pada bulan Jun 2012. Dengan persiapan terminal yang serba lengkap ini, saya berkeyakinan bahawa sektor pelancongan di Sibu akan berkembang pesat memandangkan perkhidmatan penerbangan yang disediakan memainkan peranan penting dalam menarik pelancong melawat ke sesuatu tempat. Kita semua sedari bahawa Sarawak mempunyai destinasi pelancongan tropika yang indah yang berpotensi di Malaysia yang bukan sahaja menarik pelancong asing, tetapi juga menawan warga tempatan.

■1620

Oleh itu, pelancongan menjadi suatu bidang pelaburan bijak yang dapat memacu pertumbuhan industri-industri berkaitan yang lain yang kesemuanya berperanan penting dalam pertumbuhan ekonomi di Sibu.

Akan tetapi kesalnya industri pelancongan di Sibu telah menghadapi kesulitan dengan kekurangan perkhidmatan penerbangan pesawat seperti *Airbus 320*, *330* dan *Boeing 737*.

Pada masa kini, MASWing masih menggunakan ATR 72 dalam menghubungkan bandar-bandar utama di Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah. Memandangkan Kota Kinabalu adalah laluan alternatif selain Kuala Lumpur yang menghubungi negeri Sarawak dalam perkhidmatan penerbangan antarabangsa. Saya bercadang pesawat dari Kota Kinabalu, Kuching atau Kuala Lumpur dapat singgah di Sibu untuk memudahkan penumpang asing dan tempatan.

Selain itu, perkhidmatan penerbangan terus yang menghubungi Sibu dan Kuala Lumpur iaitu AirAsia dan Firefly tidak menyediakan perkhidmatan perpindahan bagasi ke destinasi akhir terutamanya dalam penerbangan antarabangsa. Kekurangan ini amat mengambil masa dan menyulitkan penumpang. Tambahan pula, Firefly dan AirAsia tidak menyediakan perkhidmatan usungan dan oksigen kepada pesakit yang amat diperlukan untuk pesakit tenat yang memerlukan rawatan di Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, saya juga bercadang memulihkan perkhidmatan penerbangan terus MAS dari Sibu ke Kuala Lumpur pada pukul tujuh pagi setiap hari agar penumpang sempat berhubung dengan penerbangan lanjutan terutamanya ke destinasi antarabangsa. Selain itu, penerbangan ini membolehkan ahli perniagaan dari Sibu menjalankan urusan sehari di Kuala Lumpur tanpa bermalam di Kuala Lumpur untuk menjimatkan masa dan kos mereka.

Kedua, insentif pendidikan. Tuan Yang di-Pertua saya juga menyambut baik keprihatinan kerajaan dalam pendidikan sama ada dalam memberi bantuan persekolahan sebanyak RM100 atau RM200 kepada para pelajar, pemberian baucar, potongan cukai kepada penderma program persekolahan, pemansuhan bayaran tambahan sekolah dan sebagainya.

Potongan cukai kepada penderma program persekolahan bagi individu dan syarikat adalah langkah yang paling memberangsangkan. Saya memohon agar derma kepada sekolah jenis kebangsaan dan sekolah swasta juga dapat menerima manfaat potongan cukai. Selain itu, proses kelulusan potongan cukai ini dapat dipermudahkan untuk menggalakkan orang awam menggabung dan menyumbang tenaga mereka dalam pembangunan pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perbelanjaan pengurusan sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah swasta adalah ditanggung oleh lapisan masyarakat Cina selama ini. Saya bercadang kerajaan dapat memberi bantuan kepada tabung khas bagi sekolah jenis kebangsaan Cina dalam tempoh tertentu untuk mengurangkan beban komuniti Cina dalam menggerakkan kerjaya budaya selama ini.

Ketiga, kenaikan gaji kakitangan awam. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah untuk memperbaiki kebajikan kakitangan awam dalam Bajet 2012. Selain pemanjangan umur persaraan kepada 60 tahun dan pemberian bonus sebulan. Dan yang paling memberangsangkan adalah kenaikan gaji. Kenaikan gaji sebanyak 7 peratus kepada 13 peratus yang akan dilaksanakan pada tahun 2012 telah membantu kakitangan-kakitangan kerajaan dalam menampung kos kehidupan yang semakin naik pada masa kebelakangan ini.

Namun, kerajaan haruslah membuat kajian mendalam terhadap struktur kenaikan gaji kakitangan kerajaan dalam jangka panjang supaya hasrat kerajaan dalam mempertingkatkan pendapatan per kapita ke USD15,000 dapat dicapai pada tahun 2020. Saya percaya pendapatan purata kakitangan-kakitangan awam pada masa kini hanya mencapai sekitar USD7,000.

Saya harap semua kakitangan awam akan menghargai keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan semua supaya berusaha lebih gigih lagi untuk mempertingkatkan kualiti, inovasi dan produktiviti dalam membantu negara melangkah kepada sebuah negara yang maju menjelang 2020.

Pihak swasta juga harus mengambil langkah untuk mengkaji semula kebijakan kakitangan mereka terutamanya struktur gaji supaya dapat mencapai keseimbangan dengan sektor awam dan berganding bahu menuju Wawasan 2020. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menggesa pihak pembangkang supaya tidak membangkitkan isu kenaikan gaji kakitangan awam sebagai langkah yang berunsurkan politik. Tuduhan tersebut tidak adil bagi golongan kakitangan awam yang bertungkus lumus membantu dalam membangunkan negara kita. Mereka haruslah menunjukkan penghargaan dan bukan membangkang segala inisiatif kerajaan demi tujuan membangkang semata-mata.

Akhir sekali makmal kimia di SibU. Tuan Yang di-Pertua, makmal kimia di SibU telah siap dibina dan dibuka pada tahun 2010 pada kos pembinaan RM22 juta. Namun operasinya masih terhad kepada analisis kimia yang mudah. Sehingga kini, analisis sampel makanan masih belum dapat dilaksanakan. PBT-PBT di kawasan tengah Sarawak masih dikehendaki menghantar sampel makanan yang diambil daripada pengendali-pengendali makanan ke Kuching.

Ini telah mengakibatkan perbelanjaan yang tinggi disebabkan oleh keperluan untuk pegawai-pegawai PBT untuk mengiringi sampel makanan tersebut ke Kuching. Saya difahamkan bahawa kelengkapan di makmal kimia SibU sekarang mampu menjalani analisis-analisis sampel makanan, namun ia menghadapi kekurangan sumber manusia profesional untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut.

■1630

Oleh kerana analisis makanan amat penting demi kesihatan orang awam SibU dan juga penduduk-penduduk di sekitar kawasan tengah Sarawak, saya menyeru agar kerajaan berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan kadar segera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, sila Yang Berhormat Batu Gajah.

4.30 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baru kali yang ketiga wanita berucap, ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat menyatakan pelaksanaan Program Transformasi Politik. Bagi menunjukkan kerajaan bergerak ke hala tuju transformasi politik, Yang Amat Berhormat telah membuat pengumuman pemansuhan ISA dan membentangkan undang-undang memansuhkan Akta Kediaman Terhad dan Akta Buang Negeri. Usaha ini adalah disokong. Malah, lebih banyak lagi perlu dilaksanakan untuk menjadikan semangat demokrasi ini berfungsi.

Saya turut ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat berkenaan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat bahawa pindaan ISA adalah kononnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara dengan izin, *best democracy in the world*. Apakah tindakan susulan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara dengan izin, *best democracy in the world*? Apakah lagi kandungan di dalam Program Transformasi Politik Yang Amat Berhormat ini, selain daripada kajian semula pindaan undang-undang oleh kerajaan? Saya percaya untuk membuktikan kerajaan adalah ikhlas, benar-benar menuju transformasi politik, antaranya yang boleh dilakukan adalah menghormati hak kebebasan bersuara, berhimpun dan menerima perbezaan pendapat iaitu mesti batalkan pengharaman Bersih.

Tuntutan-tuntutan BERSIH adalah berasas. Jika tidak, kerajaan tidak akan mengadakan satu jawatankuasa untuk menambah baik sistem pilihan raya ini. Oleh itu, adalah wajar kerajaan membatalkan pengharaman BERSIH.

Tiada alasan lagi untuk mengharamkan BERSIH. Jawapan Kementerian Dalam Negeri kepada pertanyaan saya di dalam Dewan pada 3 Oktober menyatakan Bersih diharamkan kerana dituduh menghasut rakyat menjatuhkan kerajaan; mengadakan aktiviti mengancam, menggugat ketenteraman awam, keselamatan ekonomi dan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum. Tuduhan ini adalah tidak bertanggungjawab oleh kerajaan.

Saya tanya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mana yang tidak ingin satu pilihan raya yang bersih dan adil? Nampaknya hanya kerajaan Barisan Nasional. Siapa pengerusi Bersih Tuan Yang di-Pertua? Bersih diketuai oleh Datuk Ambiga. Seorang penerima anugerah, dengan izin, *International Women of Courage* tahun 2009 yang diberi oleh *US Secretary of State* dan diakui sumbangan kepada pembelaan hak asasi manusia oleh *Ambassador of France* ke Malaysia dan bekas Pengerusi Majlis Peguam dari tahun 2007 hingga 2009.

Maklumat yang diperoleh dari jawapan bagi pertanyaan sesi soal jawab di dalam Dewan ini menyatakan bahawa 11,000 pegawai polis digerakkan untuk menghalang perhimpunan BERSIH dan membelanjakan lebih kurang RM2 juta adalah satu pembaziran. Jika benar Yang Amat Berhormat telah merancang mengadakan satu transformasi politik, pembaziran ini tidak perlu diadakan.

Saya percaya kehadiran perhimpunan BERSIH dianggarkan lebih daripada 50,000 orang itu dari pelbagai kaum dan umur Tuan Yang di-Pertua, untuk menuntun satu pilihan raya yang bersih dan adil telah memberi tamparan yang hebat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Perdana Menteri boleh menafikan tetapi ini adalah satu fakta, ini adalah satu kenyataan. Oleh itu saya boleh memberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tuduhan-tuduhan bahawa BERSIH berniat untuk menjatuhkan kerajaan dan mengancam keselamatan adalah tidak berasas.

Orang ramai yang menyertai perhimpunan BERSIH telah menulis di laman-laman web terutamanya dalam *Malaysian Insider*, akan pengalaman mereka, perasaan mereka sebagai warga Malaysia di mana mereka merasa selamat di dalam perhimpunan BERSIH ini. Mereka merasa tidak ada halangan perbezaan kaum semasa dalam perhimpunan. *No racial barrier* dalam perhimpunan BERSIH itu. Seheinggalah FRU menembak *tear smoke* dan *tear gas* terhadap mereka. Mereka rasa selamat di kalangan himpunan lebih daripada 50,000 orang ini. Oleh itu, saya pohon kerajaan batalkan pengharaman BERSIH ini untuk memberi makna kepada Program Transformasi Politik dan untuk juga membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat menghormati hak asasi kebebasan berkumpul bersuara dengan aman.

Saya juga ingin tanya Yang Amat Berhormat di bawah Program Transformasi Politik ini, apakah Yang Amat Berhormat bersedia menegaskan bahawa akan bersama-sama memastikan bahawa pilihan raya umum yang akan datang ini adalah satu pilihan raya yang bersih dan adil? Ini kerana sebelum ini Yang Amat Berhormat pernah mengeluarkan kata-kata bahawa dengan izin, "*Walau berkecai tulang dan juga badan, walau bercerai jasad dari nyawa, saudara dan saudari, walau apa pun yang terjadi, Putrajaya mesti dipertahankan*". Kalau benar-benar transformasi politik yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat, apakah Yang Amat Berhormat akan bersedia menerima keputusan pilihan raya yang akan datang ini secara aman dan dengan hati yang terbuka? Tarik balik kenyataan yang dikeluarkan semasa perhimpunan agung dahulu. Kenyataan yang saya bacakan tadi.

Kedua, apa yang boleh Yang Amat Berhormat lakukan sekarang untuk buktikan program transformasi beliau benar-benar – ingin melaksanakan Program Transformasi Politiknyanya adalah adakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk disertai oleh ahli-ahli dari kedua-dua belah parti politik dan untuk mendrafkan undang-undang yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat untuk menggantikan ISA tersebut.

Ahli-ahli Parlimen dipilih oleh rakyat, dan merupakan sebahagian daripada sistem Demokrasi Berparlimen di negara ini. Undang-undang yang ingin dipinda atau dibentangkan harus diadakan konsultasi dengan ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh itu, saya cadangkan kepada kerajaan untuk mengadakan satu jawatankuasa pilihan untuk menggubal undang-undang yang akan digunakan untuk menggantikan ISA. Ini yang boleh dilakukan untuk membuktikan Yang Amat Berhormat sedang melaksanakan, menghala tuju ke Program Transformasi Politik.

Begitu juga Yang Amat Berhormat buktikan yang Yang Amat Berhormat terima keputusan rakyat, pilihan rakyat memilih pembangkang dengan mengumumkan, mengambil langkah memberi peruntukan pembangunan yang mencecah RM1 juta kepada semua ahli dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang ini hanya diberikan pada Ahli-ahli Parlimen daripada kerajaan yang mungkin mereka kata tidak disalurkan terus kepada mereka tetapi mereka mempunyai..., mereka ada diminta untuk beri cadangan, pandangan apakah projek yang perlu dilaksanakan di kawasan. Akan tetapi ini dinafikan untuk kawasan kami di sini.

Saya juga ingin memohon berkenaan dengan perkara Suruhanjaya Pilihan Raya. Pada tiga hari bulan yang lalu juga, Dewan ini telah mengusulkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya yang diberi tempoh enam bulan dan boleh dilanjutkan untuk mengkaji sistem pilihan raya ini. Yang Amat Berhormat juga turut enggan memastikan bahawa pilihan raya tidak akan dipanggil sehingga cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas ini selesai dengan tanggungjawab dan pelaksanaan cadangannya. Perdana Menteri berkata tidak terikat dengan jawatankuasa ini.

Saya mengetahui bila pilihan raya dipanggil adalah budi bicara Perdana Menteri mengikut Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi untuk membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar jujur dan ikhlas untuk mengadakan satu pilihan raya yang akan datang ini satu pilihan raya yang bersih dan adil, adalah baik jika pilihan raya ditangguhkan sehingga syor-syor jawatankuasa diberi pertimbangan dan dilaksanakan. Jika tidak, ia tidak mencapai tujuan atau objektif penubuhan jawatankuasa ini untuk mengadakan satu pilihan raya yang bersih dan adil. Bukti kerajaan benar-benar ikhlas ingin menambah baik sistem pilihan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada perkara-perkara berkenaan dengan sistem pilihan raya ini boleh diambil tindakan dengan serta-merta, iaitu pastikan hak mengundi diberi kepada warga Malaysia yang di luar negara ini, *Malaysian overseas right to votes*, dengan izin.

Pada bulan Ogos yang lalu, saya membaca satu laporan yang Pengerusi SPR telah menyatakan bahawa ia dalam proses pindaan peraturan untuk membolehkan warga Malaysia yang dianggarkan lebih kurang satu juta yang berada di luar negara untuk mengundi. Buat masa ini mereka tidak di bawah empat kategori iaitu di bawah Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) dan Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) ini.

■1640

Jadi saya ingin tahu apakah mekanisme untuk mendaftar sebagai pengundi dan pengundi tidak hadir di Kedutaan Pesuruhjaya Tinggi dan Konsulat Malaysia, apakah ia telah dilengkapkan mekanisme untuk pendaftaran mereka. Bagaimana pengundian pos ini dirancang akan dilaksanakan untuk memastikan ia tidak diganggu atau undi-undi ini tidak akan diterima lewat jika pilihan raya dipanggil dan hari pengundian dijalankan.

Saya juga ingin menyeru agar apa yang boleh dilakukan oleh SPR buat masa ini dengan serta-merta adalah mengadakan satu pendaftaran pemilih secara *online* sebab kerajaan walaupun kami telah banyak kali sebelah sini membangkitkan agar mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik tetapi ia telah ditolak oleh kerajaan. Jadi saya rasa menjadi tidak mampu, saya rasa kerajaan mampu kalau benar-benar ikhlas mahu memperbaiki sistem pilihan raya adalah untuk mengadakan satu pendaftaran pemilih *online*. Di mana buat masa ini Tuan Yang di-Pertua ada penolong pendaftar SPR dilantik oleh parti politik dan juga ada perkembangan terbaru di mana sesiapa individu yang belum mendaftar mereka boleh memuat turun borang pendaftaran dari laman web tetapi ini banyak birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah muat turun borang dari laman web SPR mereka mesti mengepalkan IC mereka dan megeposkan borang tersebut. Bukan kah kerajaan sekarang dalam e-Kerajaan, elektronik kerajaan. Jadi kerajaan mampu kalau ada *political will* untuk memperbaiki keseluruhan sistem pilihan raya, memudahkan orang ramai mendaftar menjadi pengundi...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Telok Intan bangun. Mana satu yang hendak dibagi? Yang Berhormat Telok Intan kah ataupun Yang Berhormat Balik Pulau.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mahu. Saya bagi Yang Berhormat Telok Intan dahulu, maaf ya Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak apa.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu Gajah saya ingin bertanya mengenai pendaftaran pemilih, tadi Yang Berhormat mengatakan lebih baik buat *online*. Adakah Yang Berhormat bersetuju jika saya mengatakan kalau era ICT ini lebih baik kita boleh menggunakan *database* pendaftaran Jabatan Pendaftaran untuk daftar terus ataupun sambung dari Jabatan Pendaftaran untuk daftar pemilih apabila mereka genap menjadi 21 tahun, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja untuk tujuan maklumat agar boleh diulas. Pagi tadi saya mendapat jawapan daripada Menteri Pengajian Tinggi iaitu untuk menyatakan jumlah pelajar-pelajar Malaysia di luar negara mengikut negara di mana mereka belajar dan apakah perancangan kerajaan bagi membolehkan mereka layak dapat mengundi, dapat menunaikan hak mereka. Untuk maklumat Yang Berhormat Batu Gajah, jawapan Menteri menunjukkan bahawa pada masa kini terdapat seramai 80,103 orang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di 51 buah negara di seluruh dunia.

Negara yang mempunyai bilangan pelajar Malaysia tertinggi adalah Australia iaitu lebih kurang 20,493 orang, United Kingdom, Ireland 13,982 orang, Mesir 8,611 orang seterusnya Amerika Syarikat 6,100 dan Indonesia 5,448 orang. Akan tetapi, yang lebih penting di sini ialah yang ada kaitan, saya mohon penjelasan sedikit kerana mereka memberikan jaminan bahawa SPR akan berurusan dengan Kementerian Luar Negeri bagi memastikan menyelaraskan proses pengundian kepada semua rakyat Malaysia di luar negara termasuk pelajar. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Batu Gajah agar perkara ini dapat dilakukan dengan penuh *governance* yang ketat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan Yang Berhormat Balik Pulau, saya amat bersetuju, sebab itu saya tanya *mechanism* apakah kemudahan ini telah dilengkapkan untuk mereka mendaftar sebagai pengundi juga apabila mereka berada di luar negara. Ia perlu diperluaskan kategorinya kerana buat masa ini hanya angkatan tentera, kakitangan awam dan pelajar, nampaknya hanya pelajar *sponsor* kerajaan sahaja yang dibenarkan menjadi pengundi, tidak adil apabila mereka di luar negara. Jadi peraturan-peraturan pilihan raya itu perlu dipinda dengan segera.

Berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat Telok Intan. Saya telah menyatakan saya dan ramai ahli di dalam Dewan ini dan di sebelah sini telah menyeru berulang kali untuk mengadakan satu pendaftaran pemilih automatik, 21 tahun automatik didaftarkan menjadi pengundi tetapi kerajaan Barisan Nasional menolak. Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini pernah menyatakan pada tahun lalu bahawa orang ramai diberikan kebebasan sama ada untuk daftar atau tidak. Oleh itu enggan menjalankan pendaftaran automatik apabila mereka mencapai 21 tahun. Tadi saya kata ini alasan yang tidak boleh diterima, yang dikemukakan oleh kerajaan.

Jadi memandangkan kerajaan masih bertegas enggan mengadakan pendaftaran automatik apabila mereka mencapai 21 tahun, apa yang boleh dilakukan sekarang adalah pendaftaran *online*. Di mana individu boleh masuk *online* daftar menjadi pengundi, mungkin ada yang akan membangkitkan kesahihan maklumat tersebut tetapi yang penting ialah semua maklumat yang mereka isi boleh di *verify* dengan data Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi tidak ada isu berkenaan maklumat-maklumat yang disalurkan apabila pendaftaran melalui *online* ini dijalankan secara tidak sah. Jadi sebelum SPR mengesahkan boleh membuat bandingan dengan maklumat di JPA. Jadi apa susahnya untuk melakukan perkara ini jika benar-benar SPR mahu orang ramai mendaftar menjadi undi seperti lagu-lagu atau iklan yang disiarkan dalam TV selalu memanggil orang mendaftar menjadi pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan berkenaan peruntukan untuk meringankan kos sara hidup di bawah bajet ini. Saya menyambut baik bantuan *one-off* sebanyak RM500 yang akan diberikan kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa ketua isi rumah perlu berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai agensi pelaksana dan bantuan akan disalurkan melalui bank dan pejabat pos. Saya ingin tahu bagaimana pengiraan pendapatan isi rumah ini, nampaknya ada laporan hari ini. Nampaknya, bagaimana *mechanism* ini akan dijalankan untuk pemberian RM500 ini nampaknya masih belum dikenal pasti. Saya memohon agar pemberian ini harus dijalankan dengan dikurangkan birokrasi pemberiannya dengan efisiennya.

Saya ingin tahu sama ada Jabatan Kebajikan turut dilibatkan bersama, sebab saya percaya pihak kebajikan mempunyai maklumat yang lengkap juga kerana ramai penerima bantuan bulanan daripada kebajikan ini saya percaya adalah layak untuk menerima bantuan *one-off* RM500 ini juga. Sementara kerajaan memberikan RM500 ini, kerajaan juga menyatakan pemberian RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah. Saya sambut baik tetapi ada yang tertanya-tanya apakah ini termasuk pelajar disekolah persendirian, mungkin pihak kementerian boleh menjawab selepas ini. Akan tetapi, saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab ada kes-kes di mana *one-off* ini mungkin tidak sampai kepada pelajar-pelajar miskin yang benar-benar miskin sehingga tidak mampu menghantar anak mereka ke sekolah dan anak mereka tercicir daripada sekolah. Apakah pihak kementerian mempunyai satu 'taja' seperti yang telah dibangkitkan oleh Persatuan Nasional *Parent-Teacher Association* baru-baru ini dan juga *National Union of the Teaching Profession, zero drop a policy* di mana memang mengejutkan data yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini semasa sesi soal jawab dua hari yang lalu bahawa terdapat 70,000 orang pelajar yang tercicir daripada sekolah.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada isu berkenaan wanita. Bajet ini Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Berhormat ada menyentuh pengiktirafan keupayaan wanita dan di antaranya memperuntukkan RM10 juta untuk program latihan bagi melatih wanita berpotensi menjadi ahli lembaga pengarah syarikat agar ia boleh mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dan dalam sektor korporat.

■1650

Peruntukan ini juga menarik golongan profesional wanita untuk kembali ke pasaran pekerjaan. Saya ingin tahu apakah bentuk latihan yang dirancang? Saya berpendapat yang patut diutamakan atau dikenal pasti dahulu ialah apakah sebabnya perempuan di universiti kemasukannya lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Akan tetapi, menghalang mereka untuk meneruskan kerjaya dan menyumbang pada sektor pembangunan negara ini. Jadi, punca-punca ini seharusnya dikenal pasti agar peruntukan yang disalurkan untuk membantu mereka kembali ke pasaran kerja ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan sampai ke objektif dan sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan berkenaan isu Kementerian Dalam Negeri. Pada bulan Jun yang lalu, satu laporan media ada membuat dakwaan bahawa ada dua orang warga Singapura di bawah tahanan telah dipaksa melakukan ketuk-ketampi secara berbegel di pusat tahanan.

Ekoran itu, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ada mengumumkan satu siasatan akan dijalankan. Saya ada bertanya berkenaan perkara ini dalam Dewan ini dan jawapan yang saya terima Tuan Yang di-Pertua, terlalu ringkas, begitu samar-samar, tidak jelas. Saya bertanya dengan begitu terus, apakah hasil siasatan berkenaan perkara tersebut? Akan tetapi jawapan yang diberikan adalah bahawa subjek dibawa ke depot tahanan di Pekan Nanas dan menjalani prosedur pemeriksaan. Pemeriksaan dijalankan oleh pegawai imigresen wanita seperti yang dinyatakan dalam prosedur operasi tetap pengurusan depot.

Berdasarkan siasatan, ini kenyataan, jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri, *'Berdasarkan siasatan pegawai yang terlibat dalam pemeriksaan tersebut telah memastikan tanggungjawab dan tugas tersebut dilaksanakan dengan baik dan teratur'*. Apakah maksudnya? Sekarang adalah dakwaan bahawa dua orang warga ini telah mendakwa seperti yang dilaporkan dalam surat khabar. Mereka diminta melakukan ketuk-ketampi secara berbogel. Apakah ada insiden sedemikian? Akan tetapi jawapan yang diterima tadi saya kata adalah kurang lengkap dan kurang jelas sehinggakan Tuan Yang di-Pertua, saya baca laporan Menteri Luar Negeri Singapura turut menginginkan satu jawapan berkenaan hasil siasatan kejadian ini.

Saya ingin pihak kementerian memaklumkan, mengapakah dua orang warga ini yang dikatakan melalui kaunter pemeriksaan yang telah tutup ini boleh memasuki Malaysia tanpa disedari atau dikesan oleh pegawai penguat kuasa? Kedua, saya ingin tahu apakah benar dakwaan kedua-dua orang warga ini bahawa mereka diminta melakukan ketuk-ketampi dalam keadaan berbogel semasa di dalam tahanan? Jika ya, apakah ini *Standard Operating Procedure (SOP)* sebab sebelum ini pada bulan enam ada satu laporan yang menyatakan – *Johor Immigration Director* menyatakan bahawa dengan izin, *'Conducting a body search sometimes required detainees to remove their clothing for thorough checks but squads were not part of the operating procedure'*.

Saya pohon penjelasan berkenaan perkara ini dan perkara..., apakah dalam kes apabila seseorang itu ditahan di bawah Akta Imigresen, seksyen 6 kerana didapati memasuki dan berada di Malaysia tanpa pas, *justify* untuk ditahan dan dipaksa melakukan ketuk-ketampi dalam keadaan berbogel, jika benar mereka ada diminta berbuat demikian. Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya untuk menyiasat prosedur tetap operasi dan sebagainya berhubung pengendalian pemeriksaan tubuh berkenaan dengan penangkapan dan penahanan oleh polis pada tahun 2005 telah memutuskan, mencadangkan bahawa amalan polis mengarahkan orang tahanan melakukan ketuk-ketampi dalam keadaan bogel harus dihentikan serta-merta yang mana dalam versi bahasa Inggeris, muka surat 23, dengan izin saya membacakan, *'We recommend that the practices of the police ordering detainees should do the ketuk-ketampi in the nude while in detention be discontinued immediately. Needless to say, it is indeed degrading and humiliating experience for female detainees especially to be subjected to such practice'*, dengan izin.

Mengapakah kementerian tidak mematuhi cadangan Suruhanjaya Bebas ini untuk menghentikan atau membatalkan sebarang prosedur untuk memaksa orang tahanan melakukan ketuk-ketampi dalam keadaan berbogel, jika memang masih ada prosedur sedemikian. Daripada pandangan saya, kementerian harus telus di dalam perkara ini, memperjelaskan hasil siasatan kejadian ini. Dakwaan ini akan menjejaskan hubungan baik dan nama baik Malaysia. Jangan sebab 'nila setitik, rosak susu sebelanga,' Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini sebenarnya kelmarin, Timbalan Menteri Pertahanan menyatakan kerajaan membelanjakan RM4.7 bilion untuk PLKN sejak ia dimulakan tahun 2004. Saya tidak menafikan objektif PLKN iaitu tiga yang penting; perpaduan, cintakan negara dan pembentukan perwakilan yang positif. Akan tetapi persoalan yang timbul adalah berbaloi kah perbelanjaan yang berjumlah RM4.7 bilion ini untuk mengadakan Program Latihan Khidmat Negara ini? Timbalan Menteri menyatakan bahawa responsnya baik. Jika sedemikian, apakah ini tidak mencerminkan sistem pendidikan kita telah gagal? Ini kerana kalau hendak memupuk semangat cintakan negara, perwatakan positif ini, memupuk perpaduan, ini haruslah dipupuk semasa mereka di sekolah.

Akan tetapi kalau PLKN berjaya dalam tiga bulan, ini mencerminkan sistem pendidikan kita telah gagal walaupun mereka melalui enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Jika sedemikian, PLKN modulnya begitu baik sehingga boleh mencapai objektif ini. Mengapa tidak serapkan dalam sistem pendidikan kita? Kita boleh jimatkan berbilion ringgit ini, yang sebelum ini dikatakan beranggaran lebih kurang RM600 juta untuk melaksanakannya dalam satu tahun, jika begitu efektifnya PLKN. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhiri Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya, semasa soal jawab pada hari pertama sidang Parlimen, kerajaan ada menyatakan bahawa untuk menyatupadukan rakyat, berkenaan pertanyaan, “Apakah strategi yang diambil oleh kerajaan untuk menyatupadukan rakyat?” Yang Amat Berhormat dalam Dewan telah memberitahu usaha yang dijalankan adalah Gagasan 1Malaysia, *inclusiveness*, penubuhan jawatankuasa dan juga jawatankuasa dan pertubuhan memainkan peranannya.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum adalah dipupuk dan mengambil masa. Akan tetapi, perpecahan ini mengambil sekelip mata. Negara akan dapat dimajukan ke hadapan. Pra-syaratnya, setiap warganegara disatupadukan di bawah pimpinan pemimpin yang mewakili semua rakyatnya tanpa mengira kaum, agama, perbezaan politik. Pemimpin yang berminda mengutamakan rakyat dan negara. Amanah rakyat dijalankan dengan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kepelbagaian rakyat Malaysia atau *diversity* adalah sesuatu yang unik untuk negara ini. Ia menjadi kebanggaan kita semua. Jadi, parti politik yang berdasarkan kaumnya harus ditolak di era ini. Kalau benar-benar kerajaannya yang mahu merealisasikan 1Malaysia yang dilaung-laungkan, yang membawa definisi berdiri, berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Saya juga ingin mengakhiri dengan mengatakan saya bukan sahaja mengharapkan pemimpin yang memimpin negara ini buat masa kini melihat kepelbagaian rakyat Malaysia ini sebagai satu keunikan yang sangat penting yang patut disatupadukan semua rakyat.

Akan tetapi, kenyataan-kenyataannya yang saya baru baca semalam yang dikeluarkan oleh bekas Perdana Menteri, “*Malays will loose power in 10 years if they do not unite.*” Saya orang muda Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat sakit hati apabila saya membaca kenyataan-kenyataan yang nampaknya tidak membantu menyatupadukan rakyat. Nampaknya tidak akan membantu perkembangan perpaduan di antara rakyat ini masih dilaung-laungkan oleh ahli politik sekarang mahupun bekas ahli politik. Jadi, saya harap biar kita bekerja bersama kalau benar-benar ingin memajukan negara. Ini negara kita semua. Mana satu kaum yang ketinggalan, negara tidak akan maju ke hadapan. Biar kita bersatupadu, utamakan perpaduan dan hentikan politik perkauman ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1700

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat kerana betul Yang Berhormat cukup-cukup masa. Sila Yang Berhormat Sabak Bernam.

5.00 ptg.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, saya Sabak Bernam dapat turut sama dalam perbincangan Bajet 2012 ini. Terima kasih diberikan kesempatan untuk turut serta membahaskan Bajet 2012.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membukakan Bajet 2012 yang *inclusive* merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk masyarakat luar bandar dan bandar, penjawat awam dan swasta. Bajet 2012 dibentangkan bertemakan Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Menyejahterakan Negara. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM232.8 bilion, kerajaan memberikan penekanan kepada lima fokus utama iaitu meligat pelaburan, mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, Program Transformasi Luar Bandar, memperkejap perkhidmatan awam dan meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan fokus pertama iaitu meligat pelaburan khususnya berhubung dengan mempergiat aktiviti Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Peranan PKS begitu penting kerana PKS mewakili 99.2 peratus dari semua perniagaan di Malaysia dan menyumbang kepada 31 peratus kepada KDNK dan 56 peratus tenaga kerja serta menyumbang 19 peratus daripada jumlah eksport. Bagaimana pun, sumbangan PKS masih rendah berbanding Jepun – 55 peratus; Korea Selatan – 49 peratus; Hong Kong – 49 peratus; dan New Zealand – 40 peratus. Oleh itu masih terdapat ruang bagi meningkatkan lagi tahap produktiviti di kalangan PKS. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan produktiviti bagi PKS ini khususnya bagi meningkatkan sumbangan dari segi KDNK.

Bajet 2012 menyediakan dana pembiayaan PKS berjumlah RM2 bilion melalui pembiayaan patuh syariah. Saya menghargai inisiatif kerajaan yang akan menanggung 2 peratus daripada kadar keuntungan pembiayaan. Langkah kerajaan ini akan mengurangkan beban kos kewangan untuk memulakan atau membesarkan perniagaan. Kerajaan begitu bersungguh-sungguh untuk memajukan PKS. Selain dana pembiayaan PKS, kerajaan juga menyediakan dana untuk membantu usahawan PKS yang gagal untuk memulakan semula atau menghidupkan semula perniagaan dengan peruntukan dana RM100 juta melalui *revitalization fund*. Malah kerajaan juga menyediakan dana kecemasan PKS sebanyak RM10 juta untuk membantu PKS yang terlibat dengan bencana alam.

Saya kagum dengan kesungguhan dan iltizam kerajaan untuk memaju dan membangunkan PKS di negara ini. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar kerajaan menubuhkan pusat pembangunan PKS di setiap daerah khususnya untuk membangunkan dan merencanakan lagi industri kecil sederhana mengikut kesesuaian daerah berkenaan. Pusat pembangunan PKS ini sewajarnya mempunyai kemudahan fizikal seperti kilang dan kemudahan infrastruktur yang lain.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan fokus kedua iaitu mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi khususnya langkah kerajaan untuk memantapkan pembangunan pendidikan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sebanyak RM50.2 bilion untuk sektor pendidikan bagi tahun 2012 termasuk peruntukan pembangunan sebanyak RM1.9 bilion. Kejayaan dan kemajuan sekolah dari segi akademik dan pengurusan adalah kerana penyelarasan dari pejabat pendidikan daerah ataupun PPD.

Saya ingin menyentuh tentang pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sehingga kini tiada kemajuannya. PPD Sabak Bernam ini telah menumpang di Sekolah Kebangsaan Seri Makmur sejak 1 Jun 1982. Setelah 27 tahun PPD Sabak Bernam masih lagi menumpang di salah satu blok di sekolah berkenaan. Tanah bagi kompleks ini telah pun dikenal pasti. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran agar pembinaan untuk kompleks PPD Sabak Bernam ini dapat disegerakan sesuai dengan semangat untuk membangun dan memantapkan modal insan bertaraf dunia dengan meningkatkan kualiti pelajar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fokus ketiga iaitu Program Transformasi Luar Bandar. Bajet 2012 adalah merupakan bajet yang *inclusive* meliputi segala golongan rakyat terutamanya penduduk luar bandar dan berpendapatan rendah. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang bertujuan menarik pelaburan, menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan kegiatan ekonomi.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Program Lonjakan Mega Luar Bandar yang melibatkan tanah seluas 6,500 hektar di 11 kawasan. Saya berharap kerajaan akan menimbangankan Parlimen Sabak Bernam turut menikmati peruntukan yang disediakan melalui Bajet 2012 ini sebanyak RM110 juta melibatkan aktiviti taman, tanaman komoditi, tanaman kontan dan ternakan ikan sangkar.

Berhubung Program Transformasi Luar Bandar ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan infrastruktur asas luar bandar khususnya berhubung dengan projek jalan raya yang diberikan peruntukan RM1.8 bilion. Saya mohon kepada kerajaan supaya dapat mempertimbangkan projek pelebaran jalan dua lorong kepada empat lorong dari *traffic light* Balai Polis Sabak Bernam ke Jambatan Sabak yang jaraknya enam kilometer. Pelebaran ini adalah perlu bagi mengelakkan kesesakan terutamanya di musim-musim perayaan kerana jalan ini digunakan bukan sahaja oleh kenderaan dari dalam dan luar tetapi juga untuk keselamatan pelajar yang menggunakan basikal dan juga motosikal. Begitu juga saya berharap besarkan juga jalan daripada simpang empat Kampung Sungai Apong ke Sekolah SBPI di mana jalan ini sebelum ini telah banyak kemalangan-kemalangan berlaku kerana jalannya yang kecil... [Disampuk] Dan sempit yang menyukarkan kadang-kadang orang-orang daripada luar kawasan Sabak Bernam untuk menghantar anak-anak mereka ke SBPI Sungai Lang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula berhubung dengan fokus keempat iaitu memperkejab perkhidmatan awam. Saya mengucapkan tahniah kepada penjawat awam yang telah diberikan pengiktirafan oleh kerajaan dengan memberikan setengah bulan bonus menjadikan kaki tangan kerajaan tahun ini menerima satu bulan gaji. Kenaikan gaji 7 peratus hingga 13 peratus mengikut gred, kenaikan gaji tahunan antara RM80 hingga RM320, pengenalan gaji sebaris melalui Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SSBP). Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada guru-guru yang mendapat manfaat daripada SSBP ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun penjawat awam kini telah pun mendapat pengiktirafan yang sewajarnya daripada kerajaan, maka adalah menjadi tanggungjawab semua penjawat awam supaya meningkatkan produktiviti dan menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Berhubung dengan guru ini saya menyentuh tentang dua golongan guru iaitu guru yang berkhidmat dengan pejabat pendidikan daerah (PPD) dan guru-guru yang bertugas sebagai pegawai Jemaah Nazir dan jaminan kualiti yang bagai dilupakan dari segi ganjaran dan kenaikan pangkat. Saya berharap kerajaan mengkaji semula kedudukan gred pegawai-pegawai di PPD dan Jemaah Nazir dan jaminan kualiti. Saya ingin mencadangkan agar guru-guru diberikan peluang untuk kenaikan pangkat dan sebagainya.

Berhubung dengan guru, saya juga ingin membangkitkan rungutan guru-guru berhubung dengan bebanan tugas khususnya pelaksanaan KSSR seperti menyediakan fail peribadi setiap pelajar termasuk menyediakan bukti atau *evidence* kemajuan pelajar. Saya berharap kerajaan akan mengatasi bebanan tugas guru khususnya berkaitan dengan pengurusan dan sebagainya. Saya berharap kerajaan akan melantik lebih ramai kakitangan bukan akademik untuk membantu guru-guru dan sekolah.

Selanjutnya berhubung dengan memperkejab perkhidmatan awam, saya ingin menyentuh tentang langkah kerajaan untuk menyediakan suasana kondusif anggota keselamatan. Kerajaan ada menyediakan peruntukan sebanyak RM442 juta dalam Bajet 2012 untuk projek pembangunan PDRM. Sehubungan dengan itu saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam yang telah dipohon semenjak tahun 2007 lagi. IPD Sabak Bernam telah diwujudkan semenjak 3 April 1983. Perkembangan pemandaran Sungai Besar dan Sabak Bernam begitu pesat. Kawasan pentadbiran IPD Sabak Bernam meliputi kawasan seluas 98,160.71 hektar dengan jumlah penduduk lebih 131,000 orang. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan cadangan Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam termasuk kuarters bagi anggota yang dianggarkan bernilai RM45 juta.

■1710

Bajet 2012 juga menyediakan peruntukan khas sebanyak RM500 juta di bawah Program Army Care. Saya menyanjung tinggi langkah kerajaan yang terus menjaga kebajikan anggota tentera. Berhubung dengan anggota tentera saya ingin membangkitkan cadangan projek latihan menembak tertutup di Kem Wataniah Tebuk Pulai yang dianggarkan RM1 juta. Saya berharap Kementerian Pertahanan akan mempertimbangkan permohonan ini bagi meningkatkan kecekapan anggota wataniah dan seterusnya menjadikan pusat ini sebagai pusat latihan menembak di negeri Selangor dan juga hanya di Parlimen Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fokus kelima iaitu meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat. Saya ingin menyentuh secara khusus berhubung dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan. Bajet 2012 jelas membuktikan kerajaan begitu prihatin kepada semua aspek kehidupan rakyat terutamanya kesihatan. Kerajaan telah memperuntukkan belanja pembangunan sebanyak RM1.8 bilion dan RM15 bilion untuk belanja mengurus bagi sektor perkhidmatan kesihatan untuk 2012 ini.

Sehubungan dengan itu saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina Pusat Kesihatan Sabak Bernam yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan termasuklah Klinik Kesihatan Sungai Besar dan Klinik Kesihatan Sabak Bernam. RMKe-9 telah berlalu kini RMKe-10 menjelang bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015. Namun projek yang telah diluluskan ini masih tidak nampak bayangnya. Penantian ini amat memeritkan, apatah lagi apabila rakyat terus tertanya-tanya. Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Kesihatan berhubung dengan cadangan projek Klinik Kesihatan Sungai Besar dan Sabak Bernam ini.

Berhubung dengan aspek kesihatan ini saya ingin membangkitkan tentang Pejabat Kesihatan Sabak Bernam yang terus menyewa di Pejabat Daerah Sabak Bernam – Sungai Besar semenjak 39 tahun dahulu. Bayangkanlah kakitangan telah bertambah begitu juga tugas dan skop kerja tetapi ruang kerja tetap sama. Bagaimanakah kakitangan ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik? Tanah seluas lima hektar telah pun dikenal pasti di Ladang Air Manis, Sabak Bernam. Saya mohon Kementerian Kesihatan agar membina segera Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam untuk kemudahan pegawai-pegawai dan juga kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri perbahasan ini, izinkan saya menyentuh berhubung dengan fahaman Syiah yang semenjak kebelakangan ini telah mengembangkan pengaruh di negara ini dan pengaruhnya sudah pun mencecah lebih 40,000 orang. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1989 telah memperuntukkan dengan jelas bahawa Syiah sebagai menyeleweng atau menyimpang dari ajaran Ahli Sunah wal Jamaah. Begitu juga Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1996 lagi telah memutuskan untuk mengharamkan Syiah kerana bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah seperti menolak hadis diriwayatkan oleh ulama' Sunah wal Jamaah dan menganggap sahabat-sahabat Rasulullah selain Ali adalah kafir. Pada 25 Ogos 2011, Jabatan Agama Islam Melaka telah menahan enam remaja berusia 14 hingga 18 tahun kerana disyaki terbabit mengedarkan buku dan risalah fahaman Syiah. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah tindakan tegas yang telah diambil bagi pengikut fahaman Syiah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM2.1 bilion disediakan bagi memperluaskan liputan bekalan air bersih kepada 200,000 rumah sebagai langkah untuk meningkatkan infrastruktur luar bandar. Langkah kerajaan ini membuktikan kesungguhan rakyat untuk memberikan kemudahan asas kepada rakyat. Berbanding kerajaan Selangor sekarang yang tidak mengeluarkan surat perintah pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) di bawah projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor menunjukkan kerajaan Selangor sekarang bukan sahaja mempolitikkan isu ini tetapi mahu menggagalkan usaha kerajaan pusat untuk memastikan rakyat Lembah Kelang mempunyai bekalan air yang mencukupi menjelang 2014.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berhubung dengan isu ini kerana ia melibatkan bekalan air bersih kepada 1.1 juta penduduk Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dan dikhabarkan pada tahun 2013-2014 kita akan mengalami krisis air yang begitu hebat sekali.

Akhirnya saya ingin mengingatkan kembali di akhir ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi yang juga merangkap Menteri Kewangan dengan rendah diri bahawa perjalanan negara ini tidak akan berjaya tanpa pengorbanan dan kepimpinan terdahulu. Kejayaan pada hari ini adalah hasil pengorbanan, hasil perjalanan panjang berlandaskan dasar transformasi rakyat dari rakyat oleh rakyat untuk rakyat. *Wabillaahi Taufik wal Hidayah, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Sekian, terima kasih. Sabak Bernam mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

5.15 ptg.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang pada petang ini untuk saya turut sama-sama mengambil bahagian dalam membicarakan tentang Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Saya seperti juga Yang Berhormat Pokok Sena ingin merakamkan rasa kekesalan kerana *Auditors Report* yang kita tunggu-tunggu masih belum tiba dan kita harap kerajaan ada jawapan kenapa laporan tersebut tidak sampai sehingga ke hari ini. Dalam membicarakan tentang Rang Undang-undang Perbekalan 2012 ini, saya yakin beberapa penilaian harus dibuat:

- (i) adakah belanjawan itu membawa ataupun membantu rakyat dalam masa terdekat untuk mengharungi suasana ekonomi yang semakin terhimpit;
- (ii) adakah ia menjamin kelangsungan kewangan negara dengan tumpuan khusus untuk mengurangkan defisit, maksudnya sama ada tambah pendapatan ataupun kurangkan perbelanjaan ataupun kurangkan pembaziran;
- (iii) adakah belanjawan yang dibentangkan menambah nilai perbelanjaan negara agar peruntukan benar-benar sampai kepada rakyat dengan memerangi rasuah dan penyelewengan;
- (iv) bolehkah kerajaan memperkasakan keupayaan ekonomi rakyat dalam jangka masa sederhana dan panjang melalui rekayasa latihan teknikal, vokasional dan penggajian yang martabatkan rakyat; dan
- (v) bolehkah perbelanjaan yang dibentangkan itu mengukuhkan lagi arus reformasi politik yang menjadi prasyarat dan pendinding dari anasir-anasir yang mahu membolot kekayaan negara untuk mereka dan kaum kerabat mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melontarkan beberapa fakta agar dengan fakta-fakta ini kita dapat membuka mata apa yang sedang terjadi. 40 peratus rakyat Malaysia datang dari isi rumah yang pendapatannya kurang daripada RM1,500 sebulan dan tiga per empat adalah terdiri daripada kaum Melayu dan bumiputera. Fakta seterusnya, mereka juga tergolong dalam kumpulan 40 peratus rakyat terbawah yang cuma menikmati 15 peratus kekayaan negara. Mereka teramai tetapi menikmati dan mengecap hanyalah 15 peratus dari kekayaan negara sedangkan Tuan Yang di-Pertua, 20 peratus dari golongan terkaya di negara ini menguasai 50 peratus kekayaan negara ini.

Sebagai contoh, orang yang kaya dan raya maksud kaya ialah orang yang ada duit, maksud raya ialah orang yang membelanjakan duit sewenang-wenangnya ialah anak mantan Perdana Menteri kuasai perkhidmatan petroleum yang kelima terbesar di dunia selepas penggabungan Kenchana Petroleum dan SapuraCrest Petroleum yang melibatkan RM12 bilion. Anak mantan Perdana Menteri dengan *partner* dia hari ini dia menjadi orang yang kelima terbesar di dunia...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Itu usaha dia.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Oh? Kita harap banyak lagilah orang-orang Melayu buka mata supaya sama-sama... [*Dewan riuh*] Baik, tergolong dari yang kaya juga – tadi yang pertama, yang kedua...

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Tergolong dari yang kaya juga seorang lagi anak mantan Perdana Menteri yang menguasai industri hiliran petroleum melalui Konglomerat San Miguel yang membina kekayaan hasil dari perniagaan arak. Kaya juga.

■1720

Golongan miskin di negara ini yang terdiri daripada 40 peratus rakyat bertanya kenapa harga barangan harian maksud gula, kopi, beras, susu, susu untuk bayi, bertanya kenapa harga barangan harian melonjak naik lebih dari 50 peratus sejak tahun 2005 sedangkan purata gaji kebanyakan daripada mereka naik sekitar 2.6 peratus sahaja. Orang Melayu dari golongan miskin dari kumpulan 40 peratus ini juga bertanya ke manakah hilangnya RM25 bilion saham yang diperuntukkan untuk orang Melayu.

Golongan miskin yang rata-rata terpaksa berkongsi 15 peratus kekayaan negara ini lantas mahukan, yang pertama mereka bertanya kenapa harus penjana bebas IPP terus menerus disubsidikan? Tidak tercatat dalam belanjawan subsidi untuk mereka akan dihapuskan. Kedua beras makanan asasi rakyat Malaysia terus-menerus dimonopoli oleh Bernas. Wujud monopoli di atas pemberian lesen teksi dan nampaknya AP juga akan terus dibahagi-bahagikan kepada yang kaya dan maha berkuasa.

Sebab itu kita usulkan di sebelah sini agar kumpulan miskin tegar mesti mendapat perhatian khas. Wajib diusahakan *top-up payment* agar pendapatan bulanan mereka sekurang-kurangnya mencecah RM550 sebulan. Agar mereka dapat keluar dari rantai kemiskinan dan tidak menurunkan kemiskinan ini ke generasi ke seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, ada dari mereka yang berada di bawah paras RM550 sebulan ini terdiri dari pesara-pesara TNB, Telekom, POS, LPN dan lain-lain agensi kerajaan yang dahulunya agensi kerajaan tapi kemudiannya di swastakan oleh kerajaan.

Mereka ini semasa bertugas tidak ada pilihan oleh kerana kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan jabatan-jabatan mereka, mereka rela. Apa yang jadi apabila mereka bersara. Ada yang dapat pencen RM178 sebulan dan jumlah mereka yang dari TNB, Telekom, POS, dan LPN dan lain-lain agensi ini hampir-hampir 200,000 orang. Sebab itu kita minta supaya diperhatikan nasib mereka. Mana mungkin mereka akan hidup dengan pencen sebanyak RM178, RM200 dan di bawah RM550 sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membicarakan isu gaji minimum. Angka menunjukkan bahawa 34 peratus dari tenaga kerja di Malaysia masih di bawah kadar RM700 sebulan. Maknanya rata-rata rakyat Malaysia yang bekerja 34 peratus daripada mereka adalah mereka yang mendapat gaji RM700 sebulan. Ini bermakna 1/3 daripada tenaga kerja di Malaysia berada di bawah paras kemiskinan. Sebab itu isu yang selalu dilayangkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan teman-teman yang lain isu gaji minimum menjadi amat penting. Dengan adanya gaji minimum kita yakin pekerja boleh rancangan hidupnya. Kalaulah wujud gaji minimum dia tahu bahawa dia boleh menjamin kehidupan keluarganya dengan lebih mantap. Dia juga akan yakin yang dia selamat di negara ini. Sebab itu gaji minimum ini sekali gus memberikan tekanan kepada majikan-majikan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Bangun*]

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ada majikan-majikan yang merasakan untuk dia menjadi lebih efisien dia harus memikirkan bagaimana caranya untuk *cut cost manpower*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Orang belakang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Merujuk kepada gaji minimum yang diwujudkan satu Majlis Konsultasi Gaji Negara 2011, pada penekanan yang dibuat daripada gaji minimum yang dicadangkan RM1,100 oleh Pakatan Rakyat dengan pendapatan itu boleh menjamin mereka keluar daripada kelompok kemiskinan, miskin tegar RM720 kemudian penurunan barang subsidi harga turun. Jadi sekarang ini barang tidak turun. Jadi dengan penurunan subsidi itu secara automatik harga barang turun, gaji naik diseimbangkan pendapatan, adakah ini boleh menjamin masyarakat di Malaysia ini tidak ada mereka yang tergulung sebagai rakyat miskin. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Harus ada *humble living* untuk hidup dalam keadaan yang munasabah di Malaysia ini. Harus ada satu angka yang diterima pakai oleh semua orang. Sebab itu kita cadangkan RM1,100 ini adalah angka yang munasabah. Memandangkan kos penghidupan yang semakin hari semakin meningkat, kos perkhidmatan, kos pendidikan dan kos-kos lain. Kita rasakan bahawa RM1,100 itu satu angka yang munasabah. Sebab itu kita cadangkan gaji minimum harus diwujudkan dengan memberikan gaji minimum dan memaksa majikan-majikan menerima ini majikan yang mahu terus maju, majikan yang tertekan oleh kerana terpaksa bayar gaji minimum dia juga akan memikirkan bagaimanakah menjadi kreatif dan inovatif.

Dia akan berfikir bagaimanakah *employ machine*, dia akan memikirkan bagaimana boleh digunakan kaedah-kaedah baru. Proses pemikiran kreativiti dan inovasi ini akan akhirnya menjadikan syarikat-syarikat kita lebih kompetitif. Akhirnya dia tidak lagi bergantung kepada buruh. Dengan ini dia akan keluar daripada taraf yang ada sekarang yang terlalu bergantung kepada buruh kasar dan buruh murahan kepada satu tahap menggunakan mesin yang lebih efektif. Apabila dia menggunakan mesin ataupun kaedah-kaedah lain pekerja-pekerja di kilangnya juga akan mendapat manfaat.

Sebab itu dengan membenarkan majikan tidak menerima gaji minimum. Apa yang akan berlaku di negara kita. Apatah lagi kita baru-baru ini pun Parlimen telah luluskan undang-undang yang membenarkan kontraktor buruh sekarang. Apa yang akan berlaku pengusaha-pengusaha, majikan-majikan, akan memikirkan siapakah yang patut dia gajikan agar kos membayar *labour* ini menjadi paling murah. Sebab itu dia ambil orang luar. Dia akan ambil orang asing. Dia akan ambil kadang-kadang orang yang tidak ada permit pun, kerana dia cuba *cut cost* dia. Kita jangka dia akan ambil rakyat tempatan, tidak. Sebagai majikan, sebagai pengusaha tentulah dia akan *profit motivated*.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Dia melihat bagaimana dia akan membuat *profit* keuntungan semaksimumnya. Sebab itu apabila tidak ada penetapan gaji minimum dia akan eksloit pekerja-pekerja. Silakan Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Sungai Petani saya mahu penjelasan sebab saya sehingga hari ini saya tidak faham sebab komitmen kerajaan bila pasal isu gaji minimum ini macam-macam alasan. Macam itu tidak boleh, ini tidak boleh, takut majikan tidak ada tarikan, pelabur tidak datang. Akan tetapi saya tengok dari segi fakta lain dari segi tarikan pelaburan pun kita sudah teruk dah. Gaji minimum ini jiran kita semua buat. Susah tidak sudah orang kampung - susah. Akan tetapi bila hendak buat dalam Dewan tidak boleh, buat dahulu majlis rundingan. Itu semua yang itu setuju tidak boleh, tetapi orang kampung susah. Itu saya mahu penjelasan sedikit...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak jawab itu minggu hadapanlah jawab... *[Ketawa]* Buat penyelidikan panjang-panjang Yang Berhormat buat jawapan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Faham-fahamlah Tuan Yang di-Pertua, kata begitu buat penyelidikan dahulu... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Selamat berhujung minggu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi hari Isnin 17 Oktober 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.